

[DOKUMEN INI BELUM DISEMAK]

## PARLIMEN KESEBELAS

PENGGAL PERTAMA  
MESYUARAT PERTAMA

---

**Bil. 15**

**Rabu**

**9 Jun 2004**

---

## K A N D U N G A N

### **RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan (Penguntungan Semula  
Peruntukan Perbelanjaan) 2004

(Halaman 5)

### **Jadual:-**

### **Jawatankuasa:-**

Maksud B. 6

(Halaman 33)

Maksud B. 15

(Halaman 94)

Maksud B. 20

(Halaman 98)

Maksud B. 23

(Halaman 100)

Maksud B. 26

(Halaman 143)

Maksud B. 29

(Halaman 147)

- ii -

**Kandungan (Samb.)**

**USUL:**

Anggaran Pembangunan Penguntukan Semula Peruntukan  
Perbelanjaan) 2004 (Halaman 5)

**Jawatankuasa:-**

Maksud P. 6 (Halaman 33)  
Maksud P. 20 (Halaman 98)  
Maksud P. 22 (Halaman 99)  
Maksud P. 23 (Halaman 100)  
Maksud P. 26 (Halaman 143)  
Maksud P. 29 (Halaman 147)

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**Rabu, 9 Jun 2004**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]  
*mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, kita telah mendengar ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan semalam semasa beliau membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan ini iaitu rang undang-undang ini adalah berikutan dengan Pilihanraya Umum Ke-11 yang lalu di mana beberapa kementerian baru telah diwujudkan dan satu kementerian telah dibubarkan dengan fungsi-fungsinya dipindah kepada kementerian-kementerian lain dan beberapa kementerian yang disusun semula dan dinamakan semula itu perlu dikurangkan peruntukan perbelanjaannya berikutan dengan penyusunan semula fungsi-fungsinya.

Oleh itu rang undang-undang ini hanya akan membahagikan peruntukan-peruntukan yang telah diluluskan oleh Parlimen yang lepas kepada kementerian-kementerian yang telah diwujudkan selepas pilihan raya yang lepas. Oleh sebab *exercise* ini setakat *reallocation* atau *transfer of fund*, dengan izin saya berpendapat tidak perlu membahaskan butir-butir dalam jawatankuasa. Ini kerana wang itu telah diperuntukkan dalam Parlimen yang lepas, jadi hanya sekadar mengagih-agihkan peruntukan itu di antara kementerian-kementerian yang berkenaan yang baru diwujudkan. Kita tidak boleh meminta tambahan atau dikurangkan mana-mana satu kementerian kerana wang itu sudah diperuntukkan dan belum dibelanjakan.

Dengan yang demikian, dalam peringkat jawatankuasa nanti, saya akan kemukakan kementerian-kementerian mengikut jadualnya yang telah diedarkan dan selepas itu meminta persetujuan Yang Berhormat sama ada bersetuju atau tidak peruntukan itu.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Penjelasan atau keterangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana apa yang terlibat adalah satu isu yang sangat penting mengenai hak keistimewaan Parlimen, oleh kerana apa yang

di hadapan kita ialah satu permintaan - satu *sanction* mengenai *reallocation* anggaran dan perlulah satu kelulusan dibuat dengan perbahasan dan bukan tanpa perbahasan. Oleh kerana kalau tanpa perbahasan, menafikan hak-hak Parlimen untuk...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah Yang Berhormat, nanti kerajaan boleh jawab...

**Tuan Lim Kit Siang:** ...Dengan kerajaan kepada *accountable*. Saya harap supaya sebelum keputusan muktamad dibuat perkara ini perlu dikaji semula dan sebelum kita masuk peringkat jawatankuasa, saya cadangkan supaya Dewan ditangguhkan supaya satu kajian yang lebih mendalam diadakan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** ...Sungguhpun semalam ada, itu bukan sempurna dan saya berharap supaya sebelum ianya dijalankan, saya harap satu kajian yang mendalam dibuat oleh kerana apa yang dilakukan sangat *unparliamentary* dan bertentangan dengan hak semua Ahli Parlimen tidak mengira mana-mana pihak, saya harap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, apabila kita pergi ke peringkat jawatankuasa, memang Ahli-ahli Yang Berhormat akan diberi peluang untuk memberikan pandangan sama ada *reallocation* itu dipersetujui ataupun tidak. Saya ada...

**Tuan Lim Kit Siang:** ..*Ministry after ministry*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya. ya. Daripada kementerian kepada kementerian. Yang Berhormat akan diberi peluang untuk mengemukakan pandangan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya. Satu kementerian demi satu kementerian dan bukan keseluruhannya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ini tujuan kita. Yang Berhormat akan diberi peluang.

**Puan Chong Eng:** Tuan Yang di-Pertua, adakah ini bermakna bahawa keputusan yang dibuat semalam, yang dikatakan Ahli-ahli Yang Berhormat boleh mengambil bahagian dalam perbahasan dalam jawatankuasa itu adalah silap. Hari ini sudah tukar lain, kata tidak boleh berbahas?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat sila duduk. Setelah diteliti dan kita dapati ini bukan peruntukan tambahan.

Walau bagaimanapun, Ahli Yang Berhormat juga akan diberi peluang untuk berucap memberikan pandangan sama ada *reallocation* itu dipersetujui ataupun tidak.

**Tuan Lim Kit Siang:** Oleh kerana penjelasan ini berbeza daripada apa yang kita faham dan apabila Tuan Yang di-Pertua mengatakan akan diberi peluang, kita tidak tahu apa cara beri peluang dan saya berharap apabila *second reading* diluluskan, sebelum kita masuk jawatankuasa bahawa Dewan ini ditangguhkan supaya kita boleh bincang perkara ini dan boleh mendapat satu persefahaman mengenai perkara ini dan bukan kita cuba dapatkan apa yang akan diputuskan, *as we go along*. Saya rasa ini *unparliamentary*...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, daripada kementerian ke kementerian. Ahli-ahli Yang Berhormat yang berminat memberikan pandangan akan diberi peluang...

**Tuan Lim Kit Siang:** Adakah ini bererti bahawa kementerian demi satu kementerian diluluskan? *One ministry after another ministry*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Memang Ini keputusan saya.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukup, cukup.

**Tuan Lim Hock Seng:** Peraturan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ada peraturan?

**Tuan Lim Hock Seng:** 67(7) "Hendaklah diperuntukkan dua hari..."

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, saya faham tetapi itu bukan peruntukan tambahan.

**Tuan Lim Hock Seng:** ....Tetapi peruntukan *reallocation* tidak ada dalam *Standing Order*?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, sebagaimana yang telah saya terangkan, Ahli Yang Berhormat akan diberi peluang.

**Tuan Lim Hock Seng:** Saya berharaplah. Hari ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukup, cukup.

**Tuan Lim Hock Seng:** Hari ini diberi satu hari penuh untuk tujuan ini.

**Seorang Ahli:** Dua hari

**Tuan Lim Hock Seng:** Dua hari

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Ya. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa cadangan daripada pembangkang tidak masuk akal sebab bajet ini di peringkat jawatankuasa telah dibahaskan di waktu Dewan yang lalu dan kerajaan telah mengambil keputusan. Jadi, saya berharap Tuan Yang di-Pertua dapat membuat keputusanlah. Kalau kerajaan sudah putuskan tidak perlu dibahaskan, tidak perlulah di bahas...

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat. Ipoh Timur, Ipoh timur...

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, cukup., cukup. Teruskan.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** *[Bangun][Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Peraturan mesyuarat apa?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ipoh Timur! Apa tidak kena? Ini tatatertib...

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Apa? Itu lain cerita, ini lain cerita. *Sit down* lah. Saya pun *senior* sama macam *you*, apa kacau. Minta Tuan Yang di-Pertua buat *ruling*. Lagipun keputusan Tuan Yang di-Pertua adalah muktamad dan kita semua terima. *Sat* lagi kita bahas. Kita hendak bising-bising buat apa. Kita semua *matured* lah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah, cukuplah. Terima kasih.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya boleh ajak dia keluar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, baiklah. Cukup, cukup.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Masih berdiri][Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, kalau Ipoh Timur hendak balik Ipoh, boleh keluar bincanglah. Cukuplah.

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN (PENGUNTUKAN SEMULA PERUNTUKAN PERBELANJAAN) 2004**

#### **DAN**

### **USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN (PENGUNTUKAN SEMULA PERUNTUKAN PERBELANJAAN) 2004**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah “Bahawa Rang Undang-Undang Perbekalan (Penguntungan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2004 dibacakan bagi yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

“BAHAWASANYA, berikutan dengan Pilihanraya Umum Kesebelas, beberapa kementerian telah disusun semula dan dinamakan semula, beberapa kementerian baru telah diwujudkan dan satu kementerian telah dibubarkan dengan fungsi-fungsinya dipindahkan kepada kementerian-kementerian lain:

DAN BAHAWASANYA perbelanjaan pembangunan bagi maksud-maksud yang melibatkan kementerian yang disusun semula dan dinamakan semula itu serta kementerian yang dibubarkan telah diluluskan oleh Dewan ini dan diperuntukkan bagi maksud-maksud seperti yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Bajet Persekutuan, 2004;

DAN BAHAWASANYA beberapa kementerian yang disusun semula dan dinamakan semula itu perlu dikurangkan peruntukan perbelanjaannya berikutan dengan penyusunan semula fungsi-fungsinya:

DAN BAHAWASANYA amaun yang belum dibelanjakan yang berhubungan dengan kementerian yang dibubarkan dan kementerian-kementerian yang peruntukan untuknya perlu dikurangkan itu telah disekat melalui waran yang dikeluarkan oleh Menteri Kewangan di bawah seksyen 8, Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966:

DAN BAHAWASANYA menurut subseksyen 4(2), Kumpulan Wang Pembangunan 1966, penguntungan semula peruntukan perbelanjaan bagi maksud-maksud yang melibatkan kementerian-kementerian yang

disusun semula dan kementerian-kementerian baru itu hanya boleh dilakukan melalui suatu Usul yang diluluskan oleh Dewan ini:

BAHAWA DEWAN INI, mengikut subseksyen 4(3), Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang sebanyak tiga bilion sembilan ratus enam belas juta tujuh ratus tiga puluh tiga ribu empat ratus dua ringgit (RM3,916,733,402) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2004, bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2004 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 32 Tahun 2004 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut dan Usul ini disifatkan telah berkuat kuasa pada tahun 27 Mac 2004." **[8 Jun 2004]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri Kewangan diminta menyambung ucapan.

#### **10.10 pagi**

**Menteri Kewangan Kedua [Tan Sri Nor Mohamed Yakcop]:** Bismillahi Rahmani Rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambung ucapan penggulung peringkat dasar. Sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi cadangan, pandangan dan teguran yang saya anggap sebagai sangat membina terhadap perkara-perkara yang dibentangkan dalam rang undang-undang tersebut.

Perkara pertama yang saya ingin jawab ialah perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Gantang tentang nafsu kaum lelaki. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sebenarnya memang sentiasa menjalankan program untuk memberi kesedaran dan pendidikan kepada masyarakat sama ada melalui jabatan di bawah kementerian itu sendiri mahupun melalui kerjasama dengan pihak luar seperti NGO.

Program yang disediakan terutamanya kepada ibu bapa dan remaja bertujuan membentuk nilai-nilai positif pada setiap individu di dalam sesebuah keluarga dan dalam masa yang sama membendung gejala dan jenayah seksual. Terdapat juga program khusus seperti *camping* yang bertujuan membanteras keganasan terhadap wanita termasuk keganasan seksual. Selain itu perkhidmatan kaunseling juga



disediakan bagi mereka yang memerlukan termasuk Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini sekiranya difikirkan perlu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri, Rantau Panjang.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya tertarik dengan perkhidmatan kaunseling tadi. Bolehkah pihak Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan sedikit. Siapakah kaunselor-kaunselor yang disebutkan tadi dan apakah pihak kementerian masih lagi menggunakan kaunselor-kaunselor yang tidak mempunyai pendidikan agama? Saya sebutkan sewaktu Yang Berhormat Menteri Pendidikan menjawab bahawa pendekatan agama adalah penting kepada kaunselor-kaunselor untuk kaunseling terhadap perkara-perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Kaunselor-kaunselor yang dilantik oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat memanglah merupakan kaunselor yang mempunyai kelayakan dan memang cadangan kerajaan supaya mereka ini juga mempunyai latar belakang keagamaan, yang berpendidikan agama adalah satu cadangan yang baik dan akan diambil perhatian oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menjawab soalan....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Sri Gading.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya tidak berapa jelas atau mungkin saya tidak faham Yang Berhormat Menteri kata tadi tentang nafsu lelaki. *[Ketawa]* Saya difahamkan kalau tidak silap saya, kalau silap tolong betulkan, Yang Berhormat Menteri boleh betulkan. Yang dikatakan nafsu ini orang perempuan lebih kuat nafsu daripada lelaki. Dikatakan sembilan kali ganda kuat nafsu perempuan daripada lelaki. Apa komen Yang Berhormat Menteri, macam mana agaknya, *[Ketawa]* cuba Yang Berhormat terangkan sedikit.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Saya harus mengakui bahawa saya bukan pakar dalam bidang nafsu. Sedikit yang saya tahu ialah dalam bidang kewangan. Saya minta maaf sebab saya bukan pakar dalam bidang nafsu.

Tuan Yang di-Pertua, tentang soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Bukit Mertajam tentang *health tourism*, dengan izin. Mengikut pendapat Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam sekiranya kerajaan menggalakkan *health tourism* mungkin rakyat Malaysia khususnya rakyat Malaysia yang berpendapatan rendah mungkin menjadi satu masalah kepada mereka sebab banyak tempat, di hospital mungkin digunakan oleh *tourist*. Saya fikir bahawa dalam perkara *tourism* kita harus mengambil satu sikap yang terbuka dan bukan sikap yang sempit. *Tourism* merupakan satu sektor yang sangat menguntungkan kepada kerajaan dan menjadi satu sektor yang digalakkan oleh kerajaan sebab wang yang dibelanjakan oleh *tourist* bukan sahaja di sektor hotel-hotel tetapi juga dalam banyak bidang - makanan seumpamanya boleh digunakan. Pendapatan boleh digunakan untuk membangunkan negara untuk projek-projek pembangunan. Jadi, perkara *health tourism* tidak menjadi satu masalah, bahkan menjadi satu kelebihan bagi kerajaan untuk mendapat pendapatan yang boleh diagihkan kepada mereka yang berpendapatan rendah.

Tujuan kerajaan ialah untuk membina sektor *tourism* dan untuk beredar dari *plain tourism* kepada *tourism* yang lebih canggih yang juga mengandungi elemen-elemen *health tourism*, *education tourism* dan juga ekotourism.

**Puan Chong Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya memang juga faham bahawa *health tourism* boleh membawa *foreign currency* kepada negara ini. Tetapi kita mesti juga meninjau bahawa siapa yang akan dapat keuntungan, dan adakah keuntungan ini akan diagihkan kepada mereka yang termiskin yang akan terjejas kerana industri ini. Bagaimana orang yang bergaji rendah boleh meningkat ataupun mendapat kerana *tourism* ini mereka akan mendapat faedah dalam mendapat perubatan, kerana kalau menggalakkan *health tourism* kita akan menggalakkan bahawa *medicine* atau *medical is a product*. Siapa yang kaya, siapa dapat rawatan. Mereka yang kaya, hospital swasta ataupun tuan punya *share holder* hospital ini akan mendapat keuntungan. Orang yang dalam hotel akan mendapat keuntungan. Tetapi mereka yang bergaji rendah macam mana mereka boleh dapat keuntungan dari sini. Yang saya katakan ialah ini akan menggalakkan *demand and supply factor* di dalam perubatan dan ini akan bertentangan dengan prinsip universal *access*. Semua orang mempunyai *access* kepada perubatan. Jadi, saya rasa ini akan menggalakkan mereka yang kaya jadi lebih kaya, mereka yang miskin lebih miskin lagi. Apakah pendapat Yang Berhormat?

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Saya memang mengambil nota tentang pendapat Ahli Yang Berhormat. Tetapi perkara miskin jadi lebih miskin memang tidak wujud langsung sebab bila kaya menjadi lebih kaya, bila hotel atau syarikat mendapat keuntungan yang lebih, syarikat membayar cukai. Cukai yang dikutip oleh kerajaan akan digunakan untuk pembangunan masyarakat khususnya masyarakat miskin.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada soalan yang dikemukakan...

**Puan Chong Eng:** Saya tidak berapa setuju dengan Yang Berhormat bahawa tidak ada orang yang menjadi lebih miskin. Ini yang saya maksudkan ialah *relative*, perbezaan di antara kaya dan miskin adalah akan lebih ketara lagi. Mereka yang tidak boleh dapat rawatan itu akan lebih susah kalau dengan menggalakkan *health tourism*. Itu maksud saya. Terima kasih.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jawab soalan itu, saya ingin beralih kepada isu yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Kubang Kerian semalam tentang Khazanah Nasional Berhad. Saya memang sangat menghargai komen Yang Berhormat bagi Kubang Kerian semalam tentang pentingnya Khazanah Malaysia. Khazanah Malaysia sebagai sebuah syarikat, sebagai sebuah badan yang memiliki aset kerajaan memanglah penting dan kerajaan amnya dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri khasnya memang sedar tentang pentingnya Khazanah Malaysia dan telah pun mengambil langkah-langkah untuk menjana Khazanah Malaysia ke satu peringkat yang lebih makmur, yang lebih penting. Ini termasuk perlantikan Encik Azman Mokhtar, seorang pegawai yang mempunyai banyak pengalaman dalam bidang kewangan ke jawatan CEO.

Saya juga ingin menjawab soalan yang di....

**Tuan Lim Kit Siang:** Oleh kerana Khazanah sudah wujud sebagai satu korporat yang begitu raksasa dengan lebih daripada 20 GLC, adakah kerajaan rela mengadakan satu pendekatan yang baru, sebagai contoh *a good governance* kepada semua badan-badan korporat di negara ini bukan sahaja di pihak swasta tetapi umum mengenai *accountability* membenteng kenyataan laporan tahunan kepada Dewan yang mulia ini supaya Parlimen boleh memainkan satu peranan *oversight* mengenai *profitability*, *productivity* dan prestasi Khazanah khasnya oleh kerana itu wang rakyat. Oleh kerana sampai sekarang apa yang berlaku dalam Khazanah nampaknya tidak *accountable* kepada Parlimen. Bolehkah satu *nexuses* yang lebih

secara langsung boleh diwujudkan di mana Khazanah adalah *direct responsibility* kepada Parlimen melalui laporan tahunan dan perbahasan mengenai laporan itu.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Tuan Yang di-Pertua, Khazanah merupakan sebuah syarikat di bawah Akta Syarikat. Saya memang sangat bersetuju tentang pentingnya *corporate governance* dan cara memastikan *corporate governance* ada banyak kaedah untuk memastikan Khazanah mempunyai *corporate governance* yang baik, yang cemerlang. Kerajaan memang mementingkan *corporate governance* bukan sahaja untuk Khazanah dan bukan sahaja untuk GLC tetapi untuk semua syarikat yang wujud di Malaysia.

**Tuan Lim Kit Siang:** Yang Berhormat kata bahawa *corporate governance* Khazanah baik dan tinggi, siapa kata. Adakah satu ujian diadakan. Siapa kata *corporate governance*, Khazanah satu contoh yang baik, oleh kerana apa *independence evaluation*. Bukankah benar baru-baru ini ada satu kajian mengenai *corporate governance* di Malaysia di mana syarikat-syarikat GLC yang ada terlibat *outcome* atau prestasi mereka tidak baik, mereka bukan antara yang terbaik sekali. Sungguhpun Khazanah tidak disiasat, adakah kerajaan rela mengadakan satu siasatan mengenai *corporate governance* Khazanah sama ada baik, sederhana atau *below standard*.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Yang Berhormat, memang tujuan kerajaan yang kini dalam usaha untuk membuat *reform* GLC yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan dilaksanakan sekarang, memang tujuan *reform* ini ialah untuk meningkatkan *corporate governance*. Memang itu tujuan kita, itu tujuan kerajaan. Langkah-langkah sudah pun diambil dan akan terus diambil untuk memastikan *corporate governance* ini menjadi satu perkara yang penting dalam urusan GLC. Saya ingin.....

**Tuan Lim Kit Siang:** [Bangun]

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, dua yang bangun.

**Tuan Lim Kit Siang:** Semalam Yang Berhormat kata bahawa rela bersetuju kita melantik *best and the brighters, best brain* untuk mengetuai GLC, tidak kira apa kaum. Adakah kerajaan rela mula dengan Khazanah bahawa Lembaga CEO Khazanah dilantik daripada *best and the brighters*, bukan melantik *old civil servant, old*

*civil servant* apa guna, *best and the brighters* yang faham mengenai selok-belok *finance* yang moden. Kita tidak mahu *retired civil servant*, itulah *dumping ground*, kita mahu *the best and the brighters*, mula dengan Khazanah. Adakah kerajaan rela?

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Yang Berhormat, *best and the brighters* tidak berasaskan kepada umur. Kita bukan kata yang muda sahaja – *best and the brighters* mungkin orang itu tua tetapi dia *best and the brighters*. Tetapi mungkin juga ada pegawai kerajaan yang tidak begitu muda tetapi dia juga otak geliga, ada juga, mungkin ada, memang ada. Tetapi *best and the brighters* memang kita setuju. Tetapi saya hendak...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Tangga Batu.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, saya tertarik dengan kenyataan Yang Berhormat bagi Ipoh Timur tentang satu badan yang telah menjalankan ukuran terhadap *performance* ataupun prestasi GLC, syarikat-syarikat yang mempunyai hubungan dengan kerajaan ini. Kalau katakan pihak Yang Berhormat Ipoh Timur tadi menyebut baru-baru ini ada badan yang mengukur dan meletakkan GLC semua ini *below par*, *below standard*. Sekiranya ini benar-benar berlaku, adakah pihak Yang Berhormat mengetahui badan yang mengukur tersebut ataupun apakah standard atau piawaian yang mereka gunakan. Terima kasih.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Terima kasih Yang Berhormat. Bagi saya yang penting bukan kaji selidik ataupun *reveal* yang dijalankan oleh badan-badan tertentu. Apa yang penting ialah sama ada *litmus test* ialah sama ada syarikat GLC seperti Telekom dan Tenaga sahamnya boleh dijual dan ada *foreign investor* umpamanya yang berminat untuk melabur dalam Syarikat Tenaga, dalam Syarikat Telekom, dalam Syarikat Proton.

Memang adapun, kalau syarikat-syarikat tidak mempunyai standard, tahap yang sedemikian kita kena tanya sebab apa *foreign investor* begitu sanggup membeli saham-saham Malaysia. Berasaskan kepada *demand* oleh pihak *foreign investor* yang begitu memberangsangkan untuk membeli saham-saham kita. Memang mereka menganggap bahawa syarikat-syarikat GLC seperti Telekom dan Tenaga diuruskan dengan baik. Kalau tidak diuruskan dengan baik, memang mereka tidak beli pun saham-saham kita.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Memang Yang Berhormat hanya mengambil alih dua tahun sahaja dan bolehkah Yang Berhormat terangkan kepada kita sumber untuk Khazanah. Apakah peranan yang sebenarnya Khazanah ini? Adakah ia semata-mata untuk menyimpan wang daripada Petronas bagi masa akan datang untuk negara dan daripada prestasi pencapaian memang seperti PUAS Berhad yang 'tak puas berhad' ini sekarang di Jinjang, Segambut, empat hari tidak ada kerana *valve* rosak dan sebagainya. Kalau inilah yang disebutkan prestasi yang tinggi, memang saya tidak terima.

Walau bagaimanapun, bolehkah Yang Berhormat terangkan anggaran aset yang sebenar untuk semua GLC. Kalau tidak boleh, saya minta jawapan bertulis.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Terima kasih Yang Berhormat. Peranan Khazanah memang jelas sebab kerajaan memegang ekuiti dalam beberapa syarikat penting dan kerajaan ingin menjadikan Khazanah sebagai pemilih bagi pihak kerajaan supaya pelaburan dapat diuruskan dengan begitu strategi, supaya difokuskan kepada matlamat strategi dan diuruskan dengan profesionalisme. Itu sahaja yang penting bagi Khazanah.

Tujuan Khazanah ialah untuk menguruskan aset-aset dengan satu fokus yang strategi dengan satu mekanisme yang mempunyai unsur-unsur profesionalisme supaya aset kerajaan dapat pulangan yang baik dan dapat pulangan yang optimum.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Senator. Yang Berhormat menjawab dengan penuh tenang. Walaupun dalam Khazanah melantik *the most, the best, the brighters to manage*, dalam Dewan kita pun ada juga *the best and the brighters trouble maker* .....[Ketawa] Yang ada dalam Dewan ini, pun ada juga. Jadi, di mana-mana pun ada.

Cuma saya mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian yang telah *revamp* balik Khazanah dan menyusun lapisan pengurusan yang kita nampak ada berdaya maju dan baik dengan gabungan pengalaman dan juga dengan gabungan anak-anak muda yang telah memasuki dalam era perniagaan ini.

Saya ingin mendapatkan penjelasan tentang syarikat-syarikat yang dimiliki oleh kerajaan ini di mana Khazanah sebagai pemegang saham, kita dapat melihat kadang-kadang prestasi syarikat tersebut menurun. Kita dapat baca walaupun kita tidak dapat

mendapat bukti-bukti tetapi kita dapat baca. Kadang-kadang Lembaga Pengarah dengan pihak CEO ini bertelagah dan ini saya nampak akan merugikan syarikat tersebut. Hari ini saya nampak bahawa yang masuk untuk *turn around* dalam syarikat ini mereka hanya mendapat gaji. Mereka bukan sebagai *shareholder* dan sebagainya.

Mereka masuk pulihkan syarikat tersebut depa tinggal dan pergi ke syarikat-syarikat lain. Tadi Yang Berhormat bercakap tentang proton. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa prestasi proton pada hari ini kualiti dia yang terbawah sekali walaupun dibandingkan dengan kereta Produa, Honda dan sebagainya di peringkat yang cukup bawah.

Adakah Yang Berhormat sedar bahawa hari ini *demand* dalam pasaran memang ada tetapi pengeluarannya tidak ada disebabkan oleh masalah-masalah bekalan untuk memasang kereta tersebut dan juga adakah Yang Berhormat sedar bahawa hari ini pengedar-pengedar dilantik begitu banyak di dalam satu-satu kawasan sehingga pengedar-pengedar ini tidak boleh mengedar kereta dan mereka mengalami kerugian. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa proton telah hilang fokusnya. Mereka hari ini telah pergi untuk membuat motosikal pula sedangkan agenda pertama proton ialah kereta nasional. Untuk motosikal kita ada Modenas yang ada di Gurun dan juga proton menjual basikal yang sepatutnya kerja ini saya ingat Yang Berhormat bagi Sri Gading bolehlah berniaga lepas pencen di Parlimen, jual basikal. Tidak perlu.

Kita hendak melihat sama ada fokus proton ini ke arah mana? Sedangkan kualiti kereta turun, *market* ada kereta tidak ada. *Distributor* menghadapi masalah. Vendor menghadapi masalah tidak boleh membekal dan sebagainya. Walaupun kita tahu *reserve* proton besar sebanyak RM3 bilion tetapi kita kena ingat juga Tan Sri Menteri bahawa pengedar, vendor-vendor ini juga perlukan sedikit keuntungan daripada pelaburan mereka. Inilah saya kira kalau boleh pihak kementerian atau Khazanah memastikan bahawa dalaman pengurusan proton itu tidak bercanggah di antara satu sama lain.

Sebagai orang yang lama sedikit, orang yang berumur sedikit, saya hendak tanya .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, cukuplah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sudah cukup jelas.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Sudah hendak habislah ini. Saya hendak gulung dah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah. Menteri fahamlah ini.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Sedikit sahaja. *Tampuk* sahaja, *tampuk* sahaja.

**Tuan Lim Kit Siang:** [*Bangun*]

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ipoh Timur boleh banyak tadi kacau-kacau. Tetapi tidak apalah. Ini dia bagi idea bukan saya, Kalabakan. Jadi, bolehkah Tan Sri supaya *revamp* balik proton kerana saya difahamkan dua *shareholder* berlaga dengan pengurusan proton. *Revamp* balik proton, letak proton di landasan yang benar, fokuskan proton sebenarnya supaya ia akan boleh berhadapan dengan kereta-kereta di peringkat antarabangsa, menghadapi AFTA dan juga memberi keuntungan kepada pengedar dan hentikanlah tambahan-tambahan pengedar di seluruh negara dan juga bantu vendor-vendor ini untuk mendapat bantuan ataupun mendapat bayaran yang lumayan kepada hasil-hasil bekalan mereka kepada pihak proton. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Menteri.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Saya memang akui ada sedikit kekurangan dalam GLC. Itulah sebab kita baru-baru ini telah memulakan satu proses di mana pemimpin-pemimpin dan ketua GLC bukan lagi dilantik seumur hidup tetapi diberi kontrak. Mereka ini akan dilantik secara kontrak untuk tiga tahun dan mereka ini dimestikan mempunyai *creaky performance indicator* dan urusan syarikat akan diteliti oleh Lembaga Pengarah.

Sekiranya GLCO tidak memenuhi KPI mereka akan diberhentikan. Dari segi loyalty CEO kepada syarikat memang kita bayar gaji. Gaji yang akan dibayar memang lumayan tetapi selain dari gaji, mereka ini juga akan diberi ....., akan diberi share tetapi bukan secara yang banyak yang memerlukan mereka mengambil pinjaman dari bank, tidak. Mereka akan diberi *share* secara opsyen supaya *share* itu bukan *share* yang banyak tetapi ada juga *share* sedikit supaya *loyalty* mereka kepada syarikat akan berterusan. Saya ingin menyentuh tentang .....

**Tuan Lim Kit Siang:** Oleh kerana tadi Yang Berhormat bagi Tangga Batu ada menyebut iaitu kajian mengenai *good governance*, saya hairan kenapa Yang Berhormat Menteri elak daripada soalan. Tentu Yang Berhormat Menteri tahu



*Standard and Poor* kajian yang dibuat baru-baru ini bahawa syarikat-syarikat yang terbanyak yang ada di *assess ..... past master* mengenai *benchmark corporate governance* termasuk banyak syarikat-syarikat GLC di bawah Khazanah. Adakah Yang Berhormat Menteri menerima kajian ini sebagai satu *benchmark* atau sebagai satu standard supaya semua GLC dan Khazanah akan menggunakan satu ukuran untuk mempertingkatkan prestasi mereka. Adakah kerajaan menerima? Itu satu *judgement* bahawa *good corporate governance* di Malaysia sungguh pun ada cakap banyak mengenai perkara ini, tetapi belum sampai tahap yang kita boleh rasa bangga.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Yang Berhormat, memang kerajaan akan berusaha. Itu satu tahap yang kita harus capai *standard and poor*. Saya terima tidak jadi masalah, kerajaan terima. Kerajaan terima kenyataan, kerajaan terima *challenge* bahawa kita harus berusaha untuk ke satu tahap yang boleh dibanggakan, satu tahap yang boleh diterima oleh agensi-agensi internasional seperti S&P, tidak jadi masalah.

**Tuan Lim Kit Siang:** GLC yang terlibat adalah terima laporan-laporan itu, kajian-kajian itu adakah mengikut satu standard yang baru mengenai ketelusan *transparency, accountability*, adakah kerajaan rela membenteng atau *table* laporan itu di meja ini, di Dewan yang mulia ini supaya ia menjadi satu *benchmark* di mana Ahli-ahli Parlimen boleh menggunakan untuk dengan izin *hold the government to account* supaya boleh *keep-up* standard itu.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Yang Berhormat, isu tentang ketelusan dan *transparency* telah disebut banyak kali oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Itu memang menjadi hasrat kerajaan tetapi isu sama ada *transparency* dengan *objectivity good governance* hanya wujud sekiranya perkara ini dibawa ke Parlimen. Itu perkara lain.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Timbalan Menteri bangun. Timbalan Menteri.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan sedikit berhubung isu yang ditimbulkan Yang Berhormat bagi Ipoh Timur iaitu mengenai kajian yang dibuat kedudukan *corporate governance* yang dibuat oleh *Standard and Poor* yang diumumkan. Apakah Yang Berhormat bersetuju bahawa dalam kajian tersebut jelas dibandingkan prestasi syarikat-syarikat

Malaysia secara amnya dengan syarikat-syarikat Singapura secara amnya dan didapati bahawa *corporate governance* di Malaysia adalah lebih baik daripada *corporate governance* di Singapura yang sering menjadi idola mungkin kepada setengah-setengah daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat di sini. Itu satu.

Yang kedua, saya tidak pasti sama ada kajian tersebut meletakkan satu *benchmark* seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timur sehingga ia harus menjadi matlamat kita. Ia merupakan satu kajian, satu perbandingan yang menampakkan bahawa secara amnya bahawa Malaysia adalah lebih baik daripada setengah-setengah negara termasuk Singapura dan sedikit sebanyak kelemahan di dalam syarikat-syarikat tertentu ialah perkara biasa yang perlu kita usahakan untuk memperbaiki lagi sehingga mungkin pada satu hari kita merupakan negara yang terbaik dari *corporate governance* ini. Setuju tak Yang Berhormat?

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Yang Berhormat, terima kasih. Memang saya setuju. Yang jadi masalah kita sekarang ini ialah kita ini kurang yakin kepada syarikat kita sendiri. Kita lebih yakin kepada syarikat di luar negara yang mungkin prestasi kurang baik. Jadi, kita kena wujud satu keyakinan diri ke atas syarikat yang diwujudkan oleh Malaysia dan memang syarikat kita ini, Tenaga, Telekom kita ini .....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab kita sudah yakin, you berubah jawab soalan lain pula.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sri Gading. Yang Berhormat Menteri, saya hendak tahu banyak lagi perkara-perkara yang ingin mesti disampaikan?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, kita sudah yakin, jadi perkara yang lain pulalah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sebab masa.

**Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop:** Saya ingin .....

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya minta satu penjelasan, oleh kerana ada pencelahan daripada Yang Berhormat Menteri dan Timbalan Menteri. Saya tidak tahu sama ada benar atau tidak benar bahawa laporan itu menunjukkan bahawa *corporate governance* Malaysia, syarikat Malaysia lebih baik daripada syarikat-syarikat Singapura. Kalau begitu syabas. Kalau begitu saya kata lebih penting kita kemukakan atau mengumumkan laporan itu supaya kita rakyat Malaysia boleh rasa sangat

gembira. Kenapa takut untuk kemukakan? Saya tidak tahu dan ada orang kata bahawa syarikat Singapura menjadi idola-idola, siapa di sini? Tentu bukan di sini, mungkin di sana. Kita jangan buat niat jahat.

Saya mahu tanya Yang Berhormat Menteri ....

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Siapa makan cabai ....

**Tuan Lim Kit Siang:** Apa yang saya mahu tanya Yang Berhormat Menteri ialah isu bukan keyakinan kepada syarikat-syarikat kita sendiri, isu di sini sekarang ialah laporan tersebut mengenai *corporate governance*, bahawa ia menunjukkan bahawa syarikat-syarikat Malaysia termasuk banyak GLC yang tidak dapat satu markah yang baik, bukankah ini satu *reference point* bukan sahaja untuk kerajaan, untuk Ahli-ahli Parlimen, boleh tahu apa yang sebenarnya dalam laporan itu supaya kita semua boleh bersama-sama mempertingkatkan *good corporate governance* syarikat GLC oleh kerana yang terlibat ialah wang rakyat.

Dan jangan buat sangkaan jahat mengenai idola-idola, apa-apa itu yang tidak kena mengena.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, baik. Yang Berhormat Menteri, saya ingin mencadangkan setelah jawapan kepada soalan Ipoh Timur, kalau boleh Yang Berhormat lanjutkan kepada jawapanlah, setakat inilah, lanjutkan jawapanlah.

**Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop:** Okey Tuan Yang di-Pertua, kita ambil ingatan tentang teguran-teguran dan cadangan yang dibuat Ahli-ahli Yang Berhormat .

Kita akan beralih kepada isu yang kedua, Ahli Yang Berhormat ....

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan, belum jelas sebelum Jerai mencelah dengan tidak keruan dan memampangkan ketagihan kepada Proton dan Modenas sahaja, dan saya tanya tadi mengenai sumbangan Petronas kepada Khazanah, yang pertama; dan yang kedua jumlah aset untuk GLC kita; dan yang ketiganya, saya semalam sahaja kata ada syarikat kita yang lebih baik daripada Singapura, itu Kota Bharu pun dengar, dia senyum sahaja.

**Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop:** Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, Petronas bukan di bawah Khazanah, bukan. Dan jumlah aset kita akan beritahu kemudian, saya tidak ada butiran.

Saya ingin beralih kepada soalan ....

**Tuan Salahuddin bin Ayub:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

**Tuan Salahuddin bin Ayub:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri Kewangan. Telah dua kali saya menimbulkan isu ini dalam Dewan ini tetapi tidak mendapat jawapan yang memuaskan. Kita sedia maklum bahawa kita sangat bersetuju dengan pandangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia yang mahu Khazanah Holdings ini menjadi sebuah syarikat kerajaan yang dinamik, yang proaktif yang memberikan pulangan yang besar kepada negara.

Matlamat korporat Khazanah sangat jelas, itu yang pertama, pelaburan yang strategik; yang kedua, berteknologi tinggi; yang ketiga berkepentingan nasional. Ini saya sebagai rakyat Malaysia, walaupun dari pembangkang, saya ingin melihat Khazanah Holdings sebagai satu badan yang akan memberikan pulangan besar kepada negara. Isunya ialah pada Disember 2003 Khazanah Holdings telah *bailout* satu Syarikat Country Heights Holdings. Belum habis lagi, sedikit lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, mungkin belum sampai soalan Yang Berhormat.

**Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop:** Tidak mengapa, saya akan jawab, saya tahu, semalam pun Yang Berhormat bagi Kubang Kerian telah membangkitkan perkara ini. Ini tentang pelaburan Khazanah di dalam Country Heights. Bagi pelaburan di dalam Country Heights, Khazanah tidak membeli saham Country Heights, itu yang penting, tetapi melabur terus di dalam beberapa aset milik Country Heights iaitu:-

- (i) Mines Shopping Fair;
- (ii) Mines International Exhibition and Convention Center; dan
- (iii) Mines Business Park.

Pelaburan di dalam aset-aset ini dibuat berdasarkan kepada harga pasaran yang menarik dan berdasarkan kepada penilaian yang dibuat oleh penilai-penilai bebas dan diiktiraf, sebelum Khazanah melabur di dalam sesuatu syarikat atau aset, pulangan dari aset itu diberi pertimbangan. Sekiranya pulangannya adalah baik, Khazanah akan melabur di dalamnya.

Jadi yang penting Yang Berhormat ialah kita tidak *bailout* ataupun tidak membeli saham Country Heights, kita melabur melalui kaedah *redeemable convertible loan stocks*, itu pun ada cagaran, cagaran *property* hartanah yang diberi oleh Country Heights, yang dicagarkan oleh Contry Heights. Jumlah cagaran ialah RM420 juta.

Satu lagi perkara yang penting, Yang Berhormat, ialah pelaburan kita melalui *redeemable convertible loan stocks* hanya merupakan RM125 juta dan bakinya RM265 juta dilaburkan melalui *redeemable convertible loan stocks* juga oleh pihak bank-bank.

Jadi, kalau projek ini dianggap sebagai *non-viable*, tidak mungkin bank-bank di Malaysia bersedia untuk melabur sebanyak RM265 juta. Jadi sekali lagi saya ingin menegaskan bahawa tidak berlaku sebarang *bailout* ataupun pelaburan secara terus, tetapi hanya pelaburan melalui *redeemable convertible loan stocks* yang memberi pulangan yang munasabah dan juga ada cagaran. Dan juga bukan kita, bukan hanya Khazanah yang membuat pelaburan tetapi juga bank-bank dengan terma-terma dan pulangan yang sama. Terima kasih.

**Tuan Salahuddin bin Ayub:** Terima kasih di atas penjelasan itu tetapi tidakkah pihak Kementerian Kewangan menyedari bahawa prestasi Country Heights ini pada tahun kewangan 2001 rugi RM79.6 juta, kemudian tahun 2002 rugi pula RM1 bilion iaitu mengikut majalah *The Edge* RM330 juta adalah hutang jangka pendek dan selebihnya adalah hutang jangka panjang.

Maksud saya adalah perlu untuk Kementerian Kewangan, kerajaan melihat syarikat-syarikat yang terlibat dalam *holdings* ini dan pelaburannya, untuk memastikan bahawa tidak berlaku sebarang kerugian yang memberi implikasi, impak kewangan yang menjejaskan *national interest*, ini yang saya maksudkan.

Jadi, itu pandangan saya. Terima kasih.

**Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop:** Terima kasih Yang Berhormat. Memang kita sedar bahawa Country Heights telah mengalami kerugian dan oleh kerana perkara itulah kita tidak melabur di dalam Country Heights, kita hanya melabur melalui bon dan terhad kepada beberapa aset yang menguntungkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Dungun yang mencadangkan pertimbangan pembangunan di antara pantai barat dan pantai timur dan meletakkan pendekatan baru di mana Laut China Selatan dijadikan *catalyst*. Memang dalam perancangan pembangunan kerajaan, sememangnya menitikberatkan pembangunan seimbang bukan sahaja di antara bandar dan wilayah tetapi juga untuk negeri-negeri miskin seperti Sabah dan Sarawak.

Saya ingin menyebutkan di sini bahawa peruntukan pembangunan sebanyak RM5.9 bilion diperuntukkan untuk Sabah dalam tahun 2004 dan sebanyak RM5.5 bilion

untuk Sarawak, di samping itu kerajaan telah menyediakan peruntukan sebagai *grant* untuk membantu kerajaan negeri. Misalnya Kelantan telah disediakan RM139 juta; Terengganu RM124 juta; Sabah RM340 juta; dan Sarawak RM228 juta.

Perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Kudat ....

**Tuan Lim Kit Siang:** Pembangunan di antara negeri yang miskin dan negeri yang maju, bolehkah Yang Berhormat menjelaskan kenapa sungguhpun Sabah dicurahkan dengan wang yang begitu banyak, dana yang begitu banyak tetapi tahap pembangunan di Sabah begitu mundur, sehingga ada pemimpin-pemimpin Barisan Nasional sendiri mengatakan bahawa Sabah sudah mundur antara, dengan izin, *backward state* di Malaysia, lebih *backward* daripada Kelantan pun dan oleh kerana antara lain adalah korupsi bermaharajalela, setiap kali ada Ketua Menteri yang baru, adalah korupsi jenis yang baru.

Bukankah ada satu jaminan dibuat kepada penduduk-penduduk di Sabah bahawa kemiskinan sifar akan wujud tahun 2000, hari ini ialah tahun 2004, bukan sahaja tidak ada kemiskinan sifar, tetapi kemiskinan yang sangat *full blown*, adakah ini menunjukkan bahawa kegagalan usaha pembangunan Barisan Nasional?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sri Gading.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih Datuk.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Menyampuk]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tidak payahlah layan Ipoh Timur, banyak sangat Ipoh Timur itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik.

**Tuan Lim Kit Siang:** Langgar peraturan, di sini sekarang menteri belum menjadi menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak mengapa Ipoh Timur.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Beri peluanglah saya bercakap, saya pun ada kaitan dengan Ipoh Timur, jadi biar Menteri jawab sekali.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, baik.

**Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop:** Biar jawab dahulu.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Oh, hendak jawab itu, okey, jemputlah Menteri, sila jawab. *[Ketawa]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Terima kasih.

**Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop:** Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang kita lupa bahawa dalam tahun 1957 bila kita merdeka, kadar kemiskinan ialah lebih daripada 50% dan kerajaan telah mengambil banyak langkah dan kadar kemiskinan sekarang ialah kurang dari 5%, jadi itu adalah satu pencapaian yang memang cemerlang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sri Gading.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua, cara Yang Berhormat menjawab amat meyakinkan, tenang, bersahaja dan tepat. Ipoh Timur memang ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Soalannya Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Hendak masuk soalan Tuan Yang di-Pertua, ini mukadimahnya. Ini Menteri pun menteri baru, jadi kita memberikan ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kalau tidak ada soalan boleh duduk Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terlampau banyak soalan, Tuan Yang di-Pertua, saya memberikan pengiktirafan dan penghargaan serta penghormatan.

Saya hendak tanya Yang Berhormat, cara kita membangunkan negara ini, apakah tidak boleh kita kaji semula supaya pelaksanaan pembangunan ini dapat dicepatkan di sektor-sektor yang tertentu, yang terpenting. Apa yang kita jalankan selama ini, hari ini masuk Rancangan Malaysia Yang Kelapan, sebelum itu Malaya pertama dan Malaya yang kedua, maknanya sudah sepuluh kali rancangan lima tahun ini.

Yang kita laksanakan secara dibahagikan kepada kementerian-kementerian mengikut bidang dan portfolio masing-masing. Sudah hampir 50 tahun lebih kita merdeka, ada kampung yang masih belum ada air, belum ada api, belum ada jalan. Untuk makluman Yang Berhormat, ada rakyat negara ini buang air pun tak ada tandas. Kemudahan yang begitu asas mereka ketinggalan. Lima tahun kita beri peruntukan sekian umpamanya kepada Kementerian Luar Bandar khusus untuk melaksanakan perkara-perkara asas di luar bandar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua ini penting, rakyat tidak dengar ini tentang Khazanah, rakyat tidak hendak dengar Tuan

Yang di-Pertua, dia hendak dengar apa yang saya cakap, yang Ipoh Timur bangkitkan itu tidak masuk akal mereka, ini yang mereka hendak dengar.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Umpama ini umpama. Beri peruntukkan kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, terhad. Walaupun Menterinya, Timbalan Menterinya berjiwa rakyat memang begitu sangat memberikan keutamaan kerana orang miskin tetapi dia tidak ada keupayaan kewangan yang cukup hendak menyelesaikan tuntutan-tuntutan seluruh negara, maka ketinggalan di Kinabatangan, ketinggalan di Mambong, ketinggalan sahabat saya Kapit, ketinggalan di Sri Aman...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Okey Sri Aman, kata Menteri, awak akan masuk Rancangan Malaysia Kesembilan, sampai Rancangan Malaysia Kesembilan tidak juga selesai, masuk Rancangan Malaysia Kesepuluh...

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tidak juga selesai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Berjanjilah kita dalam rancangan itu masuk Rancangan Malaysia Kesebelas, sampai tua...!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sri Gading.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Sampai tua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat lain boleh bangkit semasa bajet, cukuplah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya rasa Menteri ini akan menjawab dengan cukup memuaskan. Dia Menteri baru hendak tunjukkan prestasi dia, baru dia seorang yang layak, seorang yang berjiwa rakyat, ini dia... *[Disampuk]* Pandai dia cari duit, pandai dia belanja duit...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat cukup.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** ...tetapi ada yang kata lokek sikit, Wallahualam ...*[Beberapa Ahli ketawa]* Saya hendak masuk, Tuan Yang di-Pertua Tuan Yang di-Pertua, ini cadangan saya, saya tadi menerangkan bagaimana kita membangunkan negara dalam rancangan lima tahun sekali..



**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, semalam sudah berucap, cukuplah Yang Berhormat

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** ...Yang menyebabkan kita ketinggalan puluhan tahun.

**Seorang Ahli:** Masa panjang..!

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Kita masa panjang Tuan Yang di-Pertua. Parlimen ini ditunggu-tunggu oleh rakyat Tuan Yang di-Pertua...*[Ketawa]* Jerai...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Jerai, duduk..

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Boleh kah tidak Tuan Yang di-Pertua, kita ubah sikit. Tuan Yang di-Pertua, yang tidak boleh ubah ini Al-Quran dan Hadis sahaja, lain kita boleh ubah. Lain kita boleh ubah demi untuk rakyat Tuan Yang di-Pertua. Apa salahnya kita ubah sedikit dengan berbagai-bagai...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ini penting, ini penting. Perkara ini yang paling penting, Tuan Yang di-Pertua akan setuju...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, semua memang penting. Semua perkara yang dibangkit di Parlimen semua penting...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Memang penting, ini lagi penting. Ini lebih penting daripada yang penting.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ini kena patuhi.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya patuhlah Tuan Yang di-Pertua. Tolong, tolong bagi saya ini sikit-sikit. Boleh tidak, boleh tidak dalam perkara hendak melaksanakan pembangunan negara, keutamaan utama, kemudahan asas rakyat harus di keseluruhan. Tidak boleh ditangguh-tangguhkan, diselesaikan dan beri peruntukan yang besar kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah untuk menyelesaikan masalah ini secara total, pertama. Yang kedua, pelajaran. Ini keutamaan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat sekarang bukan masa untuk Yang Berhormat berucap. Tolonglah memberikan kerjasama kepada Speaker...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, apa dia...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukup, cukup...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Kalau tengok *mood*, Dewan ini Tuan Yang di-Pertua suruh saya terus bercakap...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ikut *mood* lain masalah Yang Berhormat...

**Tan Sri Nor Mohamed Yackop:** [*Bangun*]

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Yang Berhormat Menteri, tolong duduk dulu, dengar apa yang saya hendak cakap. Apa yang *you* nak jawab pun soal rakyat, apa yang saya nak kemukakan pun soal rakyat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, cukup! Cukup! Minta penjelasan bukan dengan cara ini. Cukup, menteri boleh jawab.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Menteri jawab apa yang saya sebut itu dengan semua jawapan memang memuaskan dan besok akan dilaksanakan sertamerta. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, baiklah cukuplah.

**Tan Sri Nor Mohamed Yackop:** Saya memang mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada pendapat Yang Berhormat yang disuarakan dengan begitu penuh emosi, emosi yang sama. Saya pun ada emosi dan kerajaan kita dari tahun 57 memang berjiwa rakyat, memang mementingkan keadaan di luar bandar dan banyak peruntukan telah pun diberi dan memang akan diberi untuk membangunkan luar bandar dari segi api, air, jalan dan satu perkara yang penting yang telah diputuskan dan dilaksanakan oleh kerajaan ialah melantik dua orang Timbalan Menteri yang berotak geliga untuk menjadi Timbalan Menteri di kementerian yang penting ini, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Itu kita sudah *start*, kita dan mula sudah dengan melantik seorang yang otak geliga dari kawasan Timur dan memang...

**Tuan Lim Kit Siang:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Tan Sri Nor Mohamed Yackop:** Sebab dia ini otak geliga, pandai-pandailah dia cari duit.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tadi Yang Berhormat Menteri tidak jawab permintaan penjelasan saya. Dia sebut sahaja bahawa kita lupa kedudukan kemajuan yang kita capai sejak kemerdekaan kita bersetuju, soalnya sekarang ialah kenapa selepas 40 tahun, pembangunan negeri Sabah sebagai contohnya begitu mundur, mundur bukan

dikata oleh saya tetapi dikatakan oleh GERAKAN, Yang Berhormat dan sekarang seorang menteri dalam Jabatan Perdana Menteri. Dulu Menteri Kewangan ada kata dalam bulan Februari tahun lalu, tahun lalu sahaja bahawa dengan izin, "Now..." Bahawa Sabah "...is reducing a once a wealthy state to a point of no return dan bahawa *now in the same economic leed as his native*, Kelantan..." *As his native* Kelantan! Itu kenapa berlaku dan bukannya benar kita ada *internet* di sini, sangat baik kita boleh buat rujukan yang serta-merta. Bukan baik bahawa tahun 1994 ada satu jaminan bahawa di Sabah di bawah slogan Sabah baru dengan izin, *zero poverty, zero illiteracy, zero illegal immigrant, zero file phantom voter, zero corruption* dan sebuah rumah untuk setiap Sabahan. Itu untuk tahun 2000, sekarang sudah 2004.

Apa guna kata sekarang ada seorang Timbalan Menteri daripada Sabah untuk pembangunan kalau itu semua sudah gagal untuk dicapai. Akan kah semua janji-janji ini *zero poverty, zero corruption, zero illiteracy* di Sabah akan ditunaikan pada akhir Rancangan Malaysia Kelapan Tak guna itu semua. *Zero* MP Barisan Nasional. Tidak guna kalau tidak boleh tunai, adakah rela *zero* MPs. Tidak ada, kita ada 90 peratus MP-MP tetapi semua janji-janji masih *zero* pencapaian...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Menteri, Menteri, Ya, menteri jawab...

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]:**  
[Bangun]

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukan, bukan itu. Bila dia ambil alih jadi Menteri Kewangan ya. Yang Berhormat dari Taiping belum ambil alih Menteri Kewangan, belum, belum masa depan...

**Tan Sri Nor Mohamed Yackop:** Terima kasih Yang Berhormat. Ada satu peribahasa Inggeris dengan izin, *glass is a half empty or half full*. Jadi ada orang yang berminat untuk melihat gelas yang *half full*, dan ada orang yang berminat melihat gelas yang *half empty*. Saya berpendapat dari segi objektiviti kita harus melihat juga pencapaian kerajaan sejak tahun 57. Banyak telah dicapai mungkin ada sedikit satu, dua objektif, matlamat yang kita belum capai lagi tetapi yang banyak telah dicapai. Kalau kita hendak sebut satu demi satu tentang pencapaian kerajaan sejak tahun 57, akan mengambil masa yang panjang Tuan Yang di-Pertua. Jadi dibandingkan dengan apa yang tidak dicapai, yang belum dicapai berbanding dengan apa yang telah dicapai, itu banyak.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa bangun. Sini, Yang Berhormat, depan sini.....

**Tan Sri Nor Mohamed Yackop:** Oh, okay.

**Dato' Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak berbalik kepada jawapan Yang Berhormat kepada ucapan oleh Yang Berhormat bagi Dungun mengenai Koridor Timur. Saya tidak berpuas hati dengan jawapan yang begitu, bagi "melepas batuk di tangga" mengatakan bahawa cara perseimbangan ini ialah dengan memberi geran sahaja. Saya rasa ada langkah yang lebih baik, yang perlu dibuat oleh Kerajaan Pusat untuk memajukan Koridor Timur seperti yang dilakukan di Koridor Barat seperti IMT-GT.

Kenapa kerajaan tidak mengambil langkah ini? Sepatutnya kerajaan mengambil langkah untuk menubuhkan satu gagasan seperti IMT-GT yang merangkumi Pantai Timur, Johor, Pahang, Terengganu, Kelantan, Selatan Thai, Laos, Kemboja dan Vietnam kerana kita tengok kawasan yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Dungun itu sangat berpotensi dan korporat-korporat kita juga telah banyak melabur di Indo China. Saya harap kerajaan akan melangkah untuk menubuhkan suatu gagasan seperti IMTGT untuk betul-betul serius bagi memajukan Koridor Timur. Minta penjelasan.

**Tan Sri Nor Mohamed bin Yackop:** Terima kasih Yang Berhormat. Memang kerajaan serius untuk membangunkan Koridor Timur dan negeri-negeri Melayu di kawasan timur dan kerajaan akan mengambil langkah-langkah yang perlu termasuk akan mengkaji cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat tentang perkara ini dalam bidang ini.

Tuan Yang di-Pertua, boleh saya sambung?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sila.

**Tan Sri Nor Mohamed bin Yackop:** Ahli Yang Berhormat bagi Kudat telah menanyakan bilakah kerajaan akan melaksanakan Projek Kota Belud Bypass? Projek ini telah dikeluarkan suratnya (LOI) dan rundingan harga telah diselesaikan pada bulan Mei tahun ini. Projek akan dimulakan selepas LOA dikeluarkan dan dijangka akan mengambil masa selama 27 bulan untuk disiapkan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Kudat juga menanyakan Kementerian Kewangan tentang keutamaan supaya projek *highway Pan-Borneo Sabah Sarawak* dibina seberapa segera bagi meningkatkan aktiviti ekonomi. Jawapannya, Tuan Yang di-Pertua, kajian kemungkinan sedang dijalankan dan telah mencapai kemajuan sebanyak 35 peratus. Dijangkakan kajian ini akan disiapkan pada pertengahan tahun 2005. Pelaksanaan lebuh raya ini akan tertakluk kepada hasil dan syor kajian tersebut dan dijangka pelaksanaan akan dimulakan dalam RMK9 tertakluk kepada kepentingan jalan ini berbanding dengan jalan-jalan yang lain. Projek ini melibatkan kos sebanyak RM98 juta.

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** *[Bangun]*

**Senator Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop:** Ahli Yang Berhormat bagi Seputeh telah membangkitkan perkara berhubung dengan syarikat ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tuaran bangun.

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin kembali sedikit kepada penjelasan Yang Berhormat tadi tentang jalan *Pan-Borneo Highway* dan Kota Belud Bypass. Yang saya hendak tanya di sini ialah ada sebatang jalan iaitu KKIP/Telipok/Rendegung yang telah dikeluarkan LOI pada tahun lepas dan akhirnya pada awal tahun ini telah ditarik balik LOInya dan penjelasannya ialah jalan raya tersebut tidak termasuk dalam Rancangan Malaysia Yang Kelapan.

Persoalan saya di sini ialah bagaimanakah *Letter of Intent* boleh dikeluarkan kepada kontraktor, kepada satu projek yang tidak termasuk dalam Rancangan Malaysia Kelapan? Projek-projek yang sudah pun dimasukkan ke dalam Rancangan Malaysia Kelapan pula langsung tidak diberi peruntukan. Bagaimana perkara ini boleh berlaku dan saya ingin bertanya apakah masa depan projek-projek yang sudah diberi LOI, apakah ia akan diteruskan untuk pembinaan ataupun macam mana? Terima kasih.

**Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop:** Terima kasih Yang Berhormat. Baru-baru ini Kementerian Kewangan dengan pihak *Economic Planning Unit* telah berbincang tentang projek-projek yang harus diberi keutamaan, dan perkara tentang jalan yang disebut oleh Yang Berhormat itu akan dikaji dalam konteks keutamaan sosioekonomi negara pada masa ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** *Pan-Borneo Highway* merupakan satu idea yang ada dibentangkan 20, 30 tahun lalu. Yang penting kalau kita mahu Sabah dan Sarawak maju dengan satu *road network* yang sempurna, kenapa tidak ada satu jawapan mengenai kedudukan *Pan-Borneo Highway* ini. Bagaimanakah kita boleh kata bahawa kita serius mengenai pembangunan Sabah dan Sarawak kalau *Pan-Borneo Highway* belum disiapkan lagi dan dilengah-lengahkan.

**Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop:** Yang Berhormat, saya sebutkan tadi, saya beri tahu tadi bahawa projek ini akan dimasukkan ke dalam RMK9 dan kini kita sedang membuat kajian dan kajian sudah pun dimulakan dan telah pun mencapai *progress* sebanyak 35 peratus. Memang kita sedar jalan *Pan-Borneo Highway* Sabah-Sarawak itu penting dan kajian telah pun dimulakan dan 35 peratus kemajuan telah dicapai. Projek ini akan dimasukkan ke dalam ..... 35 peratus.

**Tuan Lim Kit Siang:** Apakah *target* untuk menyiapkan *Pan-Borneo Highway*? Adakah satu *target*?

**Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop:** Dalam RMK9.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bilakah boleh disiapkan?

**Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop:** Dalam RMK9. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. RMK9.

Tuan Yang di-Pertua, tentang Syarikat Perumahan Negara Berhad, Ahli Yang Berhormat bagi Seputeh telah menyebutkan tentang struktur carta organisasi, bagaimana dana didapati dan kementerian mana yang bertanggungjawab ke atas SPNB. Saya ingin memberi sedikit butiran tentang SPNB. SPNB adalah sebuah syarikat yang ditubuhkan bertujuan untuk menyediakan perumahan kos rendah kepada warga Malaysia yang layak dan sebagai pemaju perumahan bersepadu bagi Projek Perumahan Mampu Milik berharga kurang RM100,000. Dan ia juga bertanggungjawab melaksanakan projek perumahan terbengkalai seluruh negara dan melaksanakan Projek Mesra Rakyat dan ia juga sebagai agensi pelaksana projek-projek khas yang diarahkan oleh kerajaan dari semasa ke semasa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kinabatangan bangun.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada kemusykilan berhubung dengan Syarikat Perumahan Negara ini sebab di Sabah pemaju begitu menunjukkan minat untuk turut serta memberi

perumahan kepada masyarakat di Sabah – di Lahat Datu, di Sandakan, di Kota Kinabalu tetapi saya lihat terlalu banyak kerenah birokrasi dalam Syarikat Perumahan Negara ini. Kerajaan kena melihat perkara ini kerana ia amat merugikan – indah khabar dari rupa, apa yang kita bicara tidak itulah yang berlaku.

Jadi selaku Menteri Kewangan Yang Kedua, saya rasa mempunyai kuasa mutlak juga, panggil Syarikat Perumahan Negara ini supaya dibuat rombakan keseluruhan jenteranya. Saya boleh bawa bukti-bukti, saya boleh bawa mereka yang berminat membeli rumah tetapi sehingga ke hari ini dari tahun 2002, surat disokong oleh Kerajaan Negeri tidak juga dapat – tanah sudah ada, jadi apakah masalahnya? Sila beri penjelasan.

**Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat, kalau ada masalah dari segi Syarikat Perumahan Negara Berhad, kita akan ..... Saya memberi jaminan yang saya akan mengambil tindakan dan perkara-perkara kemusykilan yang berbangkit khususnya di Sabah seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat, akan diatasi. Saya memberi jaminan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Ya, terima kasih. Baiklah, saya memang berkeyakinan dan percaya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan dan saya akan meminta, saya balik ke Sabah saya akan meminta mereka yang berminat ini kemukakan permohonan *direct* kepada Yang Berhormat Menteri bukan lagi kepada SPNB sebab terlalu memakan waktu, mungkin ada unsur-unsur rasuah yang diminta oleh mereka. Terima kasih.

**Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop:** Terima kasih Yang Berhormat, sila kemukakan rancangan terus kepada saya, saya akan mengambil tindakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Bentong bangun.

**Tuan Liow Tiong Lai [Bentong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya juga bersetuju dengan pandangan daripada Yang Berhormat bagi Kinabatangan kerana contohnya Program Rumah Mesra Rakyat yang dilancarkan tahun lalu banyak permohonan telah dibuat, banyak borang telah diberi kepada semua wakil rakyat, semua ADUN di Semenanjung mahupun di Sabah dan Sarawak tetapi sehingga ini berapa rumah yang telah diluluskan dalam Program Perumahan Mesra Rakyat.

Saya difahamkan hanya lebih kurang 400 rumah yang diluluskan dan beribu-ribu yang kita pohon sehingga hari ini .... temu duga pun tidak ada, sehingga hari ini. Penduduk-penduduk kampung masih menunggu sahaja, hari-hari datang berjumpa bertanyakan kepada wakil rakyat apakah progress, kemajuan tentang Program Rumah Mesra Rakyat ini. Saya minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat Menteri.

**Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop:** Kita menerima teguran ini dan kita akan mengambil tindakan untuk mengatasi masalah-masalah yang berhubung SPNB. Setakat itu sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat sudah habis ucapan?

**Senator Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop:** Ya, sudah habis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

BAHAWASANYA, berikutan dengan Pilihan Raya Umum Kesebelas, beberapa kementerian telah disusun semula dan dinamakan semula, beberapa kementerian baru telah diwujudkan dan satu kementerian telah dibubarkan dengan fungsi-fungsinya dipindahkan kepada kementerian-kementerian lain:

DAN BAHAWASANYA perbelanjaan pembangunan bagi maksud-maksud yang



melibatkan kementerian yang disusun semula dan dinamakan semula itu serta kementerian yang dibubarkan telah diluluskan oleh Dewan ini dan diperuntukkan bagi maksud-maksud seperti yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Bajet Persekutuan, 2004:

DAN BAHAWASANYA beberapa kementerian yang disusun semula dan dinamakan semula itu perlu dikurangkan peruntukan perbelanjaannya berikutan dengan penyusunan semula fungsi-fungsinya:

DAN BAHAWASANYA amaun yang belum dibelanjakan yang berhubungan dengan kementerian yang dibubarkan dan kementerian-kementerian yang peruntukan untuknya perlu dikurangkan itu telah disekat melalui waran yang dikeluarkan oleh Menteri Kewangan di bawah seksyen 8 Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [*Akta 406*]:

DAN BAHAWASANYA menurut subseksyen 4(2) Kumpulan Wang Pembangunan 1966, pengurangan semula peruntukan perbelanjaan bagi maksud-maksud yang melibatkan kementerian-kementerian yang disusun semula dan kementerian-kementerian baru itu hanya boleh dilakukan melalui suatu Usul yang diluluskan oleh Dewan ini;

BAHAWA DEWAN INI, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang sebanyak tiga bilion sembilan ratus enam belas juta tujuh ratus tiga puluh tiga ribu empat ratus dua ringgit (RM3,916,733,402) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2004, bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Pengurangan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2004 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 32 Tahun 2004 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang kesebelas dan duabelas penyata tersebut dan

Usul ini disifatkan telah berkuat kuasa pada 27 Mac 2004.”

***Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.***

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

**Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop:** Tuan Pengerusi, saya memohon mencadangkan supaya wang sejumlah tidak lebih daripada RM7,639,139,369.00 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2004 bagi Maksud-maksud Bekalan B.6, B.15, B.20, B.23, B.26, B.29, B.30, B.31, B.49, B.52, B.70 dan B.71 untuk kementerian-kementerian dan jabatan yang berkenaan dijadikan Jadual dan wang sejumlah tidak lebih daripada RM3,916,733,402 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2004 bagi Maksud-maksud Pembangunan P.6, P.20, P.22, P.23, P.26, P.29, P.30, P.31, P.43, P.44, P.49, P.52, P.70 dan P.71 untuk kementerian-kementerian dan jabatan yang berkenaan seperti yang ditunjukkan dalam penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 32 Tahun 2004 dijadikan anggaran perbelanjaan.

Tuan Pengerusi, keperluan bagi mengadakan peruntukan-peruntukan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus, (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2004 dan juga Anggaran Perbelanjaan Pembangunan, (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2004, telah pun dibentangkan kelmarin. Di samping itu penjelasan lanjut mengenai cadangan-cadangan anggaran peruntukan semula ini adalah juga diberi dalam memorandum perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 31A Tahun 2004 bagi Anggaran-anggaran Perbelanjaan Mengurus (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2004 dan Kertas Perintah 32A Tahun 2004 bagi Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2004. Oleh itu saya tidak berhajat hendak memberi apa-apa penerangan tambahan lagi.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

**Maksud B.6 [Jadual] –  
Maksud P.6 [Anggaran Pemb. (Penguntungan Semula Peruntukan Perbelanjaan 2004) –**

**Tuan Pengerusi:** Kepala Bekalan B.6 dan Kepala Pembangunan P.6 di bawah Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk dibahas.

**11.26 pagi.**

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Tuan Pengerusi, saya mahu menimbulkan permintaan mengenai Maksud B.6 khasnya mengenai Jabatan Perdana Menteri, Perpaduan Negara.

Tuan Pengerusi, tanpa perpaduan negara apa usaha pembangunan pun akan sia-sia dan kalau kita mahu berjaya untuk memajukan dan memupuk perpaduan negara satu prasyarat ialah bahawa ada persefahaman mengenai sosial kontrak di negara kita.

Dua hari dahulu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada menegaskan bahawa kita perlu memelihara dan mempertahankan sosial kontrak dalam upacara *investiture* Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, tetapi nampaknya kita sekarang kali yang pertama dalam sejarah negara kita dalam beberapa tahun ini adalah bercanggahan pendapat mengenai apa ertinya sosial kontrak khasnya daripada segi bahawa adakah kita sebuah negara *secular democracy* di mana Islam ialah Agama Rasmi tetapi..

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, saya ingin memberikan pandangan, sekarang kita di peringkat Jawatankuasa membangkitkan Program Perpaduan Negara kerana peruntukan itu dipindah daripada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat yang telah diubahkan. Jadi, ini adalah *transfer of fund*, maka saya berharap supaya ucapan Yang Berhormat boleh tujukan kepada perkara ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Itu bukan kita di sini untuk berbincang *transfer* tak *transfer*. Ia 'yes' or 'no', *transfer* tak *transfer*, bahawa maksud *transfer* itu supaya apabila ditransferkan perkara-perkara yang kita akan kemukakan boleh menjadi panduan untuk jabatan yang sekarang menerima *transfer* itu. Kalau kita terhad kepada setuju atau tidak setuju *transfer*, tidak guna perbincangan, apa guna

perbahasan, kenapa kita mahu membincangkan agenda yang patut menjadi panduan peruntukan itu.

Sebab itu saya rasa di sini lebih baik kita berbincang bagaimana kita mahu membincangkan perkara ini, bagaimana kita mahu membahaskan perkara ini. Sebenarnya kalau kita mahu *straight to the point* benar kita tidak boleh mengikut Peraturan Mesyuarat 67, oleh kerana Peraturan Mesyuarat 67 ialah untuk *supplementary estimate* dan saya boleh bersetuju dengan pandangan Tuan Pengerusi. Ini bukan *supplementary estimate* tetapi ini *re-estimate* dan kalau kita tidak mahu menggunakan Peraturan Mesyuarat 67, apa peraturan yang kita mahu gunakan?

Sebenarnya tidak ada peraturan yang boleh digunakan oleh kerana tidak ada peruntukan untuk *transfer of fund*.. Kalau begitu Dewan ini tidak boleh meluluskan apa yang di hadapan kita selain daripada kita meminda Peraturan Mesyuarat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat tidak payah pergi begitu jauh.

**Tuan Lim Kit Siang:** .. sebab itu kita liberal, apa yang kita mahu untuk semua wakil rakyat, bukan untuk kita di sini sahaja. Kita mengikut apa yang dikehendaki untuk semua, sungguhpun kita mengikut Peraturan Mesyuarat 67 tetapi tidak ada dihadkan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat tidak perlu pergi begitu jauh, tujukan kepada ucapan, balik kepada ucapan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Okey, tetapi bukan untuk setuju tidak setuju *transfer*, tetapi mengenai tujuan *transfer*. Pandangan kita apabila ditransferkan apa patut dibuat. Itu sahaja perbahasan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya cuma hendak ingatkan Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, terima kasih. Saya akan teruskan, baik. Saya berharap bahawa jabatan itu apabila ditransferkan ambil perhatian ini supaya rakyat faham apa ertinya inti pati sosial kontrak. Sosial kontrak antara lain ialah bahawa negara ini satu *secular democracy*, di mana gama Islam ialah Agama Rasmi, kita semua bersetuju, tidak ada siapa yang mempertikaikan, tetapi negara Malaysia bukan sebuah negara Islam, sama ada PAS atau UMNO, sama ada *Islamic State Document* atau Pengisytiharan 929, itu dua-dua tidak.

Itu adalah mustahak oleh kerana dalam ucapan beliau semasa menggulung Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri ada berkata bahawa untuk mempertahankan kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara Islam bahawa kita telah memenuhi ciri-ciri sebuah negara Islam yang di antaranya diperintah oleh orang Islam, kekuatan dan pertahanan berada di tangan orang Islam dan rakyatnya menikmati keamanan dan kesejahteraan.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Bahagian ketiga kita tidak ada masalah. Masalah ialah yang pertama dan kedua – “Bahawa negara diperintah oleh orang Islam” dan kedua, “Bahawa kekuatan dan pertahanan berada di tangan orang Islam”. Kalau begitu, mana orang bukan Islam? Tidak ada tempat?

Negara ini diperintah oleh orang Islam, adakah Yang Berhormat-Yang Berhormat yang bukan beragama Islam bukan orang, bukan manusia?

**Datuk Rosli bin Mat Hassan:** Tuan Pengerusi...

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak ada tempat, tidak ada kuasa. Ya?

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Dungun.

**Tuan Lim Kit Siang:** Apa itu?

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Ipoh Timur bagi jalan atau tidak?

**Datuk Rosli bin Mat Hassan:** Saya ingat Yang Berhormat ikut...

**Tuan Lim Kit Siang:** Apa dia minta? Saya mahu tahu, dia...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia minta jalan, Yang Berhormat.

**Datuk Rosli bin Mat Hassan:** Saya hendak terangkan balik tentang negara Islam.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Dia berdiri atas apa?

**Datuk Rosli bin Mat Hassan:** Saya faham.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukan.

**Datuk Rosli bin Mat Hassan:** Konsep negara Islam dia tidak faham.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukan. Berdiri atas apa?

**Datuk Rosli bin Mat Hassan:** Definisi Islam, dia hendak cakap Islam.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Itu *lesson basic*, berdiri atas apa?

**Datuk Rosli bin Mat Hassan:** Sebagai, sebagai...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dungun, Dungun, sila.

**Tuan Lim Kit Siang:** Berdiri atas apa? Tidak boleh berdiri, saya bercakap di sini....

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dungun!

**Tuan Lim Kit Siang:** ...Peraturan Mesyuarat tidak benarkan! Duduk!

**Datuk Rosli bin Mat Hassan:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat sila duduk dulu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Berdiri mahu atas apa?

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sila...

**Tuan Lim Kit Siang:** Atas apa?

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kalau Yang Berhormat bagi Ipoh Timur bagi jalan, baru bangun.

**Tuan Lim Kit Siang:** Haaa, duduk!

**Datuk Rosli bin Mat Hassan:** *[Menyampuk]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak boleh berdiri macam ini. Tidak faham Peraturan Mesyuarat. Pergi "*learn*"lah!

**Datuk Rosli bin Mat Hassan:** *[Menyampuk]*

**Tuan Lim Kit Siang:** *Apa out?*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Itu boleh buatlah. Apa?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** Peraturan Mesyuarat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ha, atas *Point of Order*.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** *Point of Order.*

**Tuan Lim Kit Siang:** *Point of Order* apa?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Sila duduk Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** *Point of Order* apa? *[Disampuk]* Tidak boleh guna *Point of Order.* *Point of Order* apa?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Okey, duduk.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Duduk Yang Berhormat, beritahu nombor berapa, Yang Berhormat. Nombor berapa?

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Menyampuk]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Bertenang.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Macam mana saya hendak cakap?

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Jerai, Jerai. Sila nyatakan nombor berapa?

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Menyampuk]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ini bukan pasar, ini Dewan Rakyat.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Menyampuk]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Duduk, saya baca, saya baca.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, ya, nombor berapa? Nombor berapa?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya baca. . *Point of Order...* *[Menyemak buku Peraturan Mesyuarat]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Ipoh Timur, sila duduk.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Menyampuk]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** *Point of Order* 36(10)(c) Yang Berhormat bagi Ipoh Timur:

“Perkataan-perkataan yang harus menaikkan perasaan bersakit-sakit hati atau bermusuhan-musuhan di antara satu kaum dengan kaum yang

dalam Malaysia atau melanggar mana-mana syarat dalam Perlembagaan atau Akta Hasutan 1948”.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya.

**Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Yang ini Yang Berhormat, pertamanya dia mengaitkan tentang negara Islam yang telah dipersetujui termaktub dalam Perlembagaan Negara kita.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Menyampuk]*

**Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ini adalah ciri-ciri...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, sila, sila.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ini bukan minta penjelasan, ini ucapan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sila Yang Berhormat, sila duduk. Sila duduk.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sila duduk, Yang Berhormat.

**Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Yang keduanya, memang dalam Islam, kepimpinan dan pertahanan negara itu dipimpin ataupun dikepalai oleh seorang Islam....

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Menyampuk]*

**Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** ...iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup, cukup Yang Berhormat.

**Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Jadi, Yang Berhormat kena faham.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup Yang Berhormat.

**Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Kalau tidak faham, rujuk kepada mereka daripada PAS yang lebih arif. Boleh terangkan ya?

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup, cukup Yang Berhormat.

**Dato’ Kamarudin bin Jaffar:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** *[Bangun]*

**Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Sila, sila nasihat dia.



**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, sila teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Tuan Pengerusi ....**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak...

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Mohon penjelasan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, boleh.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, minta penjelasan. Bagi Yang Berhormat bagi Tumpat.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Terima kasih. Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Ketua Pembangkang.

Yang Berhormat Ketua Pembangkang menyebut tentang negara Islam, menyebut tentang kontrak sosial dan merujuk kepada PAS dan UMNO. Saya fikir lebih adil jika Yang Berhormat Ketua Pembangkang membezakan sedikit iaitu bahawa yang dilakukan oleh UMNO melalui Perdana Menteriya ketika itu dan Presidennya pada 29 September 2001 ialah mengisytiharkan Malaysia sebagai negara Islam.

Yang dilakukan oleh PAS ialah menyatakan hasratnya atau cadangannya untuk menjadikan Malaysia sebuah negara Islam dan kalau kita ingat bekas Yang Berhormat Ketua Pembangkang, Allahyarham Ustaz Dato' Fadzil Noor senantiasa menjelaskan bahawa pelaksanaan yang dicita-citakan oleh PAS itu akan hanya dilakukan setelah mendapat persetujuan ataupun *social contract* di kalangan masyarakat dan parti-parti politik di Malaysia.

Jadi, saya harap Yang Berhormat Ketua Pembangkang dapat membezakan itu. Memang dari PAS, kita berhasrat untuk dilaksanakan matlamat itu melalui satu *social contract*. Berkenaan dengan dasar, sikap dan keputusan UMNO sudah tentu saya fikir pihak UMNO lebih pandai untuk menjawab dan menjelaskan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Terima kasih. Saya bersetuju memang ada perbezaan besar antara negara Islam yang dicadangkan oleh PAS dan negara Islam yang diisytiharkan oleh UMNO, tetapi apa pun satu realiti yang perlu diakui oleh Ahli-ahli Parlimen PAS ialah apa yang rakyat Malaysia lebih takut ialah idea negara Islam daripada PAS apabila dibandingkan dengan negara Islam yang dicadangkan oleh UMNO. Apa yang lebih takut ialah idea negara Islam oleh PAS lebih menakutkan rakyat.

Sungguhpun kedua-dua idea ini bercanggah dan bertentang dengan *social contract*, dengan Perlembagaan Malaysia – Yang Berhormat bagi Jerai kata bahawa negara Islam dalam Perlembagaan Malaysia, mana? Mungkin itulah *phantom Federal Constitution* dalam otak Yang Berhormat sahaja, tidak ada *Federal Constitution* yang kata ada bahawa negara Islam ialah satu ciri yang semua telah persetujuan sebagai asas dan landasan negara ini. Ini tidak benar. Ini histeria Yang Berhormat bagi Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Jerai bangun Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Penjelasan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Minta penjelasan? Ha, boleh.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ha, macam itulah Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ha, boleh.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Senang saya kerja sedikit.  
*[Ketawa]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Jangan susah hati, Tuan Pengerusi. Saya pun pernah menjadi Speaker, jadi saya tahu peraturannya. Dia sahaja....

**Tuan Lim Kit Siang:** Ha, penjelasan, itu bukan... Terus, terus, jangan buang masa.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Teruskan, teruskan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Jangan buang masa.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Jangan buang masa, terus.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Semasa kita menuntut kemerdekaan – ini sejarah- kaum-kaum yang ada di negara kita ini telah bermuafakat di antara satu sama lain supaya kita akan dapat hidup dalam sebuah negara yang majmuk ini dengan baik, hormat-menghormati...

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Pengerusi, *Point of Order*. Dia minta penjelasan, bukan buat ucapan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tidak, lepas ini..

**Tuan Lim Kit Siang:** Minta penjelasan, terus!

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Okey.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Jerai...

**Tuan Lim Kit Siang:** *We keep to the* Peraturan Mesyuarat, minta penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukan buat ucapan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** 'Awat' yang garang sangat Yang Berhormat ini? *[Ketawa]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Minta penjelasan, jangan buat ucapan!

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Teruskan Yang Berhormat bagi Jerai.

**Tuan Lim Kit Siang:** Buang masa sahaja!

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** *Steady* Yang Berhormat, *steady!*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Saya bagi masa, Yang Berhormat bagi Ipoh Timur.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Nanti Yang Berhormat *get heart attack, be careful*. Jadi, saya hendak minta apabila kita bersetuju dahulu, India, Tionghoa dan Melayu, maka bersetuju dalam perjanjian iaitu negara ini adalah sebuah negara Islam juga bahasa Malaysia menjadi bahasa rasmi, agama-agama lain pula boleh mengamalkan agama mereka tanpa dihalang dan sebagainya.

Ini adalah perjanjian ataupun persetujuan datuk nenek kita dahulu apabila membentuk kerajaan pada ketika itu, iaitu meminta kemerdekaan daripada British. Jadi, apakah Yang Berhormat sebagai parti pembangkang, sebagai pemimpin parti pembangkang yang disayangi oleh pihak pembangkang bahawa isu-isu ini kalau dibangkit akan menyemarakkan kemarahan di antara kita bersama dan akhirnya negara yang majmuk yang kita bina ini akan balik kepada peristiwa-peristiwa yang berdarah yang kita tidak mahu lagi. Biar itu menjadi sejarah. Kita hendak lihat ke hadapan bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang berbakat, yang hormat-menghormati...

**Tuan Lim Kit Siang:** Ini bukan penjelasan, ini ucapan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Jadi, saya minta penjelasan Yang Berhormat..

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup Yang Berhormat, cukup.

**Tuan Lim Kit Siang:** Terlalu panjang.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Minta penjelasan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Terlalu panjang, tidak boleh.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sila duduk, sila duduk Yang Berhormat bagi Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** *[Menyampuk]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak boleh ini. Kedah boleh, sini tidak boleh!

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** *[Menyampuk]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Kedah boleh, sini tidak boleh.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sila duduk Yang Berhormat bagi Jerai.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ini penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sila duduk Yang Berhormat bagi Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** Adakah Yang Berhormat...

**Tuan Lim Kit Siang:** Balik Kedah buat, balik Kedah buat!

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan apa yang saya sarankan?

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sila duduk Yang Berhormat bagi Jerai.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya bersetuju. Saya bersetuju bahawa kita ada *social contract* yang bahagian pertama. Tetapi apa yang kita bincang bukan apa yang disebutkan ialah sama ada Malaysia sebuah negara Islam. Itulah isunya, bukan mengenai bahagian yang disebutkan. Ini *totally irrelevant!* *Totally irrelevant and wasting Dewan's time.*

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Kinabatangan bangun.

**Tuan Lim Kit Siang:** Nanti, saya mahu habiskan...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia belum bagi Yang Berhormat

**Tuan Lim Kit Siang:** ...habis *thinking* mengenai perkara ini. Saya bangkitkan ini bukan untuk menyakitkan hati sesiapa dan kita janganlah mengambil sikap timbulkan ini, kalau tidak *seditious*, sensitif, tidak boleh bincang. Kalau begitu, apa guna Dewan yang mulia ini yang ini? Lebih baik tutuplah Parlimen. Jangan kita bincang... Kita bincang dengan rasional, berani dan telus.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Kinabatangan bangun.

**Tuan Lim Kit Siang:** Nanti, nanti, nanti. Saya rasa ini mustahak. Saya mahu pandangan saya dikemukakan dahulu, selepas itu kita boleh ada perbahasan. Apabila kata bahawa negara ini diperintah oleh orang Islam, adakah itu benar? Bukankah ini patut dipertikaikan oleh kerana ketua macam saya sebut di sini.

Saya ada buat satu laporan kepada Suhakam dalam tahun 2002. Apabila dalam satu kempen untuk bagi risalah bahawa.....

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** [*Bangun*]

**Tuan Lim Kit Siang:** Nanti, nanti, belum, belum. Risalah...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia belum bagi Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** ....bahawa kenapa kita menentang 929 atau 929 *Declaration*, Pengisytiharan 929. Oleh sebab pengisytiharan 929 ialah menentang Perlembagaan Malaysia, saya ditangkap, telah di tangkap di Ipoh. Oleh sebab *seditious*, *sensitive*. Masa itu polis kata, saya tanya, fasal mana undang-undang kata itu sensitif. Dia kata dia akan pergi cari, tangkap dahulu baru pergi cari supaya boleh ada sebab untuk *justify* penangkapan saya.

Selepas itu saya buat laporan kepada SUHAKAM bahawa inilah menafikan hak asasi saya dan pada laporan itu saya pun ada meminta SUHAKAM untuk menyiasat mengenai pengisytiharan 929 sebagai melanggar hak asasi semua rakyat Malaysia oleh sebab mengumumkan bahawa Malaysia sebuah negara Islam, walhal dalam negara Perlembagaan Malaysia sangat jelas Malaysia bukan negara Islam, Malaysia ialah sebuah sekular demokrasi di mana Islam agama rasmi tetapi bukan sebuah negara Islam sama ada secara ala PAS atau ala UMNO...

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kinabatangan bangun Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Nanti, nanti, nanti, saya belum habis.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia belum bagi, belum bagi.

**Tuan Lim Kit Siang:** *Train of thought*. Saya tidak mahu diganggu. Oleh sebab itu satu isu yang pokok, itu isu yang pokok...

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tangga Batu bangun Yang Berhormat, Tangga Batu bangun, mana satu hendak bagi?

**Tuan Lim Kit Siang:** Nanti, nanti belum habis...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia belum bagi Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Habiskan *train of thought* ini, supaya SUHAKAM buat siasatan dan SUHAKAM ambil tindakan. SUHAKAM mencadangkan supaya kerajaan... *[Menunjukkan sebuah dokumen]* Inilah laporan SUHAKAM. Kita tidak sempat untuk bahas. Sepatutnya kita bahas tapi tidak sempat bahas. Saya harap kita ada peluang bahas. Pada perenggan ini, SUHAKAM mencadangkan supaya kerajaan mengambil tindakan untuk memperjelaskan lagi isu murtad iaitu bukan dalam subjek perbincangan sekarang. Mengenai isu murtad..

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Bukan, itu bukan isu perpaduan negara Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang]:** Saya bukan bincang isu murtad sungguh pun murtad pun ada kaitan dengan perpaduan negara....

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tidak payah, tidak payah.

**Tuan Lim Kit Siang:** Hah! Saya harap ada Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional yang berani berdiri, cakap mengenai isu murtad, ada tidak?

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup, cukup, cukup Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Adakah?

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup, cukup!

**Tuan Lim Kit Siang:** Adakah?

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup, cukup!

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** *[Bangun]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Nanti, *you have your chance*. You duduk dahulu, *you have your chance*. Isu mengenai isu murtad dan deklarasi, deklarasi...

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** [Menunjukkan buku *Peraturan Mesyuarat*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, ya, *point of order*. Duduk dahulu Yang Berhormat. Kinabatangan ada *point of order* ..

**Tuan Lim Kit Siang:** Apa *point of order*?

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Duduk dahulu, duduk dahulu!

**Tuan Lim Kit Siang:** Apa ini?

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, sila, sila, sila.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Duduk dahulu!

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Beritahu *point of order* nombor berapa?

**Tuan Lim Kit Siang:** Mana ada *point of order* duduk, duduk!. Bukan *point of order* duduk, duduk....

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Ada! Ada! *Point of Order*. Duduk, duduk dululah!!!...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, ini...

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Macam mana saya hendak baca, Yang Berhormat tidak duduk.

**Tuan Lim Kit Siang:** Apa ini ...!

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Kinabatangan sila nyatakan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Dia kena duduk dahulu, macam mana saya hendak baca, dia tidak mahu duduk...

**Tuan Lim Kit Siang:** Apa ini? Bukan....apa *point of order*? Ini *excuse to stand-up*, tidak boleh apa *point of order*?

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Okey, 35(I)...duduk dahulu.

**Tuan Lim Kit Siang:** 35(I)?

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Saya mahu baca.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Apa 35(I)?

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Duduk dahulu...

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak ada....

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** ...*you* duduk dahulu! *Point of Oder, Point of Oder!* Ini macam kah gaya politik Ketua Pembangkang?

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Duduk dahulu, duduk dahulu Ipoh Timur, sila duduk Ipoh Timur....

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Duduk dahulu, saya hendak baca!

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, *the Speaker*....

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** *Point of order, point of order*...

**Tuan Lim Kit Siang:** Orang yang berucap ini *can't break the floor* sehingga dia bagi jalan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** *Point of order, sit down first*, duduk dahulu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, *point of order*...

**Tuan Lim Kit Siang:** Orang yang hendak, *hold the floor* sehingga dia bagi jalan...

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Inilah masalahnya! Cukup!

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Ipoh Timur.

**Tuan Lim Kit Siang:** Apa dia?

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Kepala batu!

**Tuan Lim Kit Siang:** Dia gila! Dia orang gila...

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** 35(I)!

**Tuan Lim Kit Siang:** Ini bukan .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** 35(I)...sila duduk Ipoh Timur, sila duduk dahulu.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Duduk, duduk, duduk.

**Tuan Lim Kit Siang:** Apa ini?

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** 35(I), Yang Berhormat hendaklah menunjukan ucapan kepada Speaker, jangan pusing kiri, pusing kanan. Ini tidak ada *class!* ....

**Tuan Lim Kit Siang:** Hai....apa? *Haiya!*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup, cukup, cukup Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Jangan tengok sini! Kalau bagi sini, bagilah peluang.

**Tuan Lim Kit Siang:** *Very bright* lah! Tahniah, tahniah, sangat, sangat...



**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Teruskan, teruskan, teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, saya ucap tahniah kepada Barisan Nasional ada ahli Parlimen yang begitu pandai! Tahniah, tahniah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** *[Menjerit] [Menyampuk][Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sila, Yang Berhormat Ipoh Timur..

**Tuan Lim Kit Siang:** Berjaya dengan cemerlang dengan semacam Ahli Parlimen...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Ipoh Timur.

**Tuan Lim Kit Siang:** Kinabatang, Kinabatang! Mengikut Yang Berhormat daripada Taiping, Kinabatang...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Ipoh Timur, sila tumpukan kepada soal pokok Yang Berhormat telah keluar daripada Kepala dasar.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, ya sekadar bahawa mengenai deklarasi Malaysia sebagai negara Islam. Ini SUHAKAM *report* dan inilah maklum balas yang rasmi. Bukan maklum balas yang ada...

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** *[Bangun]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada dua bangun Yang Berhormat, ada dua orang.

**Tuan Lim Kit Siang:** Orang pandai saya bagi, orang tidak pandai saya tidak bagi, dia tanya diri sendiri pandai atau tidak pandai?

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** *[Menyampuk]*

**Tuan Lim Kit Siang:** .....Kalau tidak pandai tidak bagilah.....

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Tangga Batu, Tangga Batu!

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, dia tidak bagi. Tangga Batu bangun Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Kita lihat satu kelakuan Yang Berhormat tidak pandai. Tunjuk nanti pandai dahulu! Tunjuk kepandaian dahulu.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** *[Menyampuk] Point of order!*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kinabatangan!

**Tuan Lim Kit Siang:** *Apa point of order?*

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** *[Menyampuk]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Mana?

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Duduk, duduk...

**Tuan Lim Kit Siang:** Mana ada *point of order*, duduk! Duduk!

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** 35(l) balik!

**Tuan Lim Kit Siang:** Mana itu?

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Jangan pusing sana, pusing sini...

**Tuan Lim Kit Siang:** *Point of order* mana?

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Hadap sana! Jangan putar-putar macam kipas angin.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, cukup Yang Berhormat, sudah.

**Tuan Lim Kit Siang:** Banyak pandai, *very clever*.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Hah! Bagilah peluang!

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ipoh Timur....., Kinabatangan duduk.

**Tuan Lim Kit Siang:** *Very clever!*

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Minta penjelasan.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Tangga Batu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kinabatangan duduk, Kinabatangan duduk.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Penjelasan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya teruskan, boleh saya teruskan?

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Maklum balas, saya tidak mahu sebut mengenai isu murtad....

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Ipoh Timur, Yang Berhormat Ipoh Timur, sila tumpukan kepada soal spesifik, Yang Berhormat telah keluar....

**Tuan Lim Kit Siang:** Ada mengenai dengan negara Islam, perpaduan negara, perpaduan negara.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sila, teruskan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tidak mahu sentuh mengenai murtad, saya tidak sentuh mengenai murtad. Mengenai isu negara Islam, maklum balas oleh Kerajaan Malaysia....

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Minta penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kinabatangan bangun lagi Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Penjelasan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan? Orang tidak pandai, saya tidak bagi....

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Takutlah, dia takut, dia takut!

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat duduk, sila duduk.

**Tuan Lim Kit Siang:** Sampai pertanyaan, bukan duduk, duduk, duduk. Itu Peraturan Mesyuarat mana ada duduk, duduk, duduk.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Teruskan Ipoh Timur.

**Tuan Lim Kit Siang:** Dia belajar dahululah, belajar dahululah...

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Takut! Takut!... [*Menyampuk*]

**Tuan Lim Kit Siang:** Hah tengok! Banyak pandai!

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat sila ikut peraturan mesyuarat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Pandai, banyak pandai, banyak pandai...

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tangga Batu bangun.

**Tuan Lim Kit Siang:** Nanti, saya masih belum habis lagi *train of thought*. Malaysia adalah sebuah negara Islam. Itu maklum balas iaitu maklum sahaja. Malaysia adalah sebuah negara Islam berdasarkan ciri-ciri berikut. Negara Islam, negara Malaysia telah ditubuhkan oleh orang Islam, Ketua Negara dan kerajaan di pegang oleh orang Islam. Saya mahu sebut Ketua Kerajaan. Ketua Kerajaan di pegang oleh orang Islam. Adakah itu *basic*. Perlembagaan tidak ada kata bahawa Perdana Menteri khusus untuk orang Islam sahaja. Kita tengok apa ada di India, satu bilion penduduk, satu bilion orang, siapa Perdana Menteri. Minoriti agama, Man Mohan Singh, Man Mohan Singh...

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** [*Bangun*] *Point of order!*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya. Apa dia Yang Berhormat?

**Tuan Lim Kit Siang:** *Apa point of order?*

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** *Point of order!*

**Tuan Lim Kit Siang:** Apa itu?

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sila, sila Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** *My God!* Boleh tidak kita ada *standard* yang lebih tinggi dalam Dewan ini?

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Duduk dahulu!

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat!

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Jangan anggap terlampau *standard* pun *low class* juga. Duduk dahululah!

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Saya ada *point of order*, dia kena duduk dahulu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, ya biarlah yang berasas Yang Berhormat, sila, sila.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** 36 (I), duduk dahulu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Biarlah kita ada *standard* yang lebih tinggi dalam Dewan yang mulia ini...

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Dia berbahas keluar daripada atas dasar.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Ipoh Timur, cuba duduk dahulu.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Menyampuk]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** *[Menyampuk]*

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Menyampuk]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Duduk dahulu, ini nampaklah, nampak kerenah Ketua Pembangkang ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ipoh Timur, Ipoh Timur, ya Yang Berhormat Kinabatangan, apa dia?

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** 36(I). Duduk dahulu, saya hendak baca. "Seseorang Ahli Dewan apabila membahaskan rang undang-undang atau meminda

akta induknya perkara-perkara yang dalam rang undang-undang...” tapi dia menyeleweng jauh. Kita dalam peringkat jawatankuasa...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, saya sudah tegur, saya sudah tegur Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Dia tidak ikut! Buatlah keputusan!

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Okey, okey cukup, cukup Yang Berhormat, cukup. Saya teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Kita bukan di sini untuk bincang setuju atau tidak setuju. Kalau begitu tidak payah ada Dewan yang mulia ini, Parlimen boleh tutup. Ahli Yang Berhormat boleh balik tidur. Saya harap kita ada standard yang lebih tinggi.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Penjelasan, boleh?

**Tuan Lim Kit Siang:** Sama ada pihak kerajaan atau pihak pembangkang, kita semua menaikkan taraf Parlimen yang mulia ini..

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia tidak bagi Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Tanya dahulu, penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kota Baharu Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Takut!!

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya percaya, saya hormat Yang Berhormat bagi Kota Baharu. Nanti saya akan bagi. Saya mahu teruskan sedikit untuk *train of thought* ini. Ketua Kerajaan dipimpin oleh orang Islam. Di India, apabila mereka menunjuk toleransi pluralisme sehingga seorang daripada agama minoriti seorang Sikh, Manmohan Singh boleh menjadi Perdana Menteri, di sini kita kata, “*Oh!, Jawatan Ketua Kerajaan ialah Perdana Menteri, khusus untuk orang Islam sahaja.*” Walhal dalam Perlembagaan ialah buka untuk semua kaum, bukankah ini satu langkah ke belakang. Adakah kita *going forward*, kita *pluralism*, nampaknya mungkin ini apa yang PAS mahulah. Ini yang PAS mahu, adakah UMNO sudah mahu bersaing dengan PAS, dengan konsep yang begitu tidak bertoleransi. Hah! Itu apa yang PAS mahu, tetapi sekarang nampaknya UMNO sudah masuk *trap* PAS, hilang *a pluralism*, sebab itu saya harap bahawa .....

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** [Bangun]

**Dato’ Haji Noh bin Haji Omar:** [Bangun]

**Tuan Lim Kit Siang:** Okey! Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat, saya hendak dapat penjelasan. Saya hendak tanya Yang Berhormat, Yang Berhormat bercakap tentang Ketua Kerajaan ataupun Perdana Menteri? Kalau saya tidak silap dalam Perlembagaan jelas, Ketua Kerajaan ialah Yang di-Pertuan Agong. Yang di-Pertuan Agong ini sampai bila pun tidak boleh orang ganti, hanya mereka tertentu sahaja.

Yang kedua, Perdana Menteri saya bersetuju. Kalau Yang Berhormat bercakap Perdana Menteri memang saya bersetujulah dia terbuka tetapi saya tidak berapa jelas Yang Berhormat punya hujah. Sama ada Ketua Kerajaan ataupun Perdana Menteri?

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya terima permintaan penjelasan, tetapi saya hairan Yang Berhormat Timbalan Menteri seorang peguam, tidak boleh membezakan antara *Head of State and Head of Government*. *Head of State* ialah Yang di-Pertuan Agong, *Head of Government* ialah Perdana Menteri atau di peringkat negeri Menteri Besar atau Ketua Menteri. Faham! *Head of State and Head of Government*, Ketua Negara dan Ketua Kerajaan. Ada dua, ini bukan saya, ini maklum balas rasmi daripada kerajaan - Ketua Negara dan Kerajaan. Ketua Negara seorang, Ketua Kerajaan seorang, dipegang oleh orang Islam. Dua-dua.

Kalau Yang Berhormat kata ialah Yang di-Pertuan Agong, adakah Yang di-Pertuan Agong, Ketua Negara di Malaysia pun Ketua Kerajaan di Malaysia. Tidak boleh. Yang di-Pertuan Agong Ketua Negara, ya, tetapi Ketua Kerajaan ialah sesiapa yang memegang jawatan Perdana Menteri. Okey! Ketua Kerajaan ialah Perdana Menteri dan .....

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Yang Berhormat, mungkin itu laporan Yang Berhormat baca, tetapi Yang Berhormat sedia maklum, di dalam Perlembagaan kita kata kita negara Islam kerana Ketua Negara ialah orang Islam. Agong ialah Ketua Negara dan dia juga adalah Ketua Agama – Islam. Jadi, Yang Berhormat jangan cuba *confusekan* di antara jawatan Ketua Negara dengan jawatan Ketua Kerajaan. Yang Berhormat hendak pusing-pusing benda yang sama.

**Tuan Lim Kit Siang:** *Good attend but poor attend, good attend but poor attend*, oleh kerana *black and white* di sinilah, *good attend but fail, good attend but fail*, sebab itu .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kota Bharu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Okey.

**Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya mengikuti beberapa kali kenyataan Yang Berhormat Ketua Pembangkang mengenai kebimbangan beliau mengenai status negara kita dan saya faham tentang kebimbangan itu kerana ucapan-ucapan yang dibuat mengenai konsep-konsep. Tetapi dalam hidup ini, Tuan Yang di-Pertua, konsep itu kadang-kadang tidak begitu penting, yang penting ialah kenyataannya yang berasaskan Perlembagaan dan undang-undang, Ketua Pembangkang sebagai seorang peguam faham perkara ini.

Walaupun banyak kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh pelbagai pihak, baik dari PAS, dari UMNO dan juga DAP, dan kenyataan-kenyataan ini dibuat kerana ada kaitannya dengan mencari populariti, mencari sokongan, sudah tentunya Ketua Pembangkang faham dalam hakikat ini. Tetapi sejak merdeka, sejak Allahyarham Tunku Abdul Rahman memberi penjelasan tentang perkara ini pada tahun 1961 dengan jelas, tidak ada perubahan dalam Perlembagaan kita, tidak ada perubahan dalam struktur kita.

Jadi, apakah yang sebenarnya Ketua Pembangkang bimbang kerana kerajaan yang besar majoritinya akan mengubah Perlembagaan ataupun kerana Ketua Pembangkang sengaja, seperti juga PAS dan orang-orang lain, cuba menghidupkan isu yang sebenarnya tidak begitu penting bagi saya, kerana banyak lagi isu penting untuk negara kita buat masa ini. Terima kasih.

**Tuan Lim Kit Siang:** Terima kasih, saya terima, oleh kerana Yang Berhormat perlulah pun ada satu *niche* dalam Barisan Nasional. Kalau beliau betul mengenai konsep begitu penting daripada kenyataan, saya pun tidak faham kenapa dia ambil kerajaan PAS ke mahkamah untuk mencabar undang-undang bahawa hudud itu adalah menentang Perlembagaan. Saya setuju, patut pergi mahkamah bahawa Enakmen Hudud dan Qisas itu menentang Perlembagaan, saya bersetuju, tetapi ini menunjukkan apa yang mustahak ialah kita mempertahankan apa yang kita setuju dalam sosial kontrak, dalam Perlembagaan Merdeka, dan apa yang diisytiharkan dan diumumkan berkali-kali oleh Perdana Menteri yang pertama, Tunku Abdul Rahman, Tun Razak dan Tun Hussein Onn.

Dalam tahun 1982 Tunku Abdul Rahman ada dengan secara terbuka di depan semua pemimpin-pemimpin Barisan Nasional .....

**Tuan Salahuddin bin Ayub:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Kubang Kerian bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Oh! Nanti. Untuk menegaskan bahawa Malaysia ialah bukan negara Islam. Ia bukan kata kepada mesyuarat DAP, dia berkata di jamuan raksasa untuk *celebrate* 80 tahun hari jadi beliau di depan Perdana Menteri masa itu, Dr. Mahathir, di depan Timbalan Perdana Menteri masa itu, sekarang Tan Sri Musa Hitam, semua kabinet-kabinet yang ada, ucapan beliau ialah jangan tukar Malaysia sebagai sebuah negara Islam oleh kerana Malaysia bukan negara Islam, mengikut Perlembagaan, mengikut *social contract*, tetapi semua sudah lupa, dan masa itu siapa sokong, Tun Hussein Onn sokong, MCA sokong, Gerakan sokong, tetapi oleh kerana ada *Declaration 929*, MCA, Gerakan semua pun temberang, temberang.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Kinabatangan bangun, Yang Berhormat bagi Kinabatangan bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Nanti.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** [*Masih berdiri*]

**Tuan Lim Kit Siang:** Dari itu .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia tidak beri Yang Berhormat, sila duduk.

**Tuan Lim Kit Siang:** Nanti, nanti. Ini satu isu bukan *non-issue*.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Ipoh Timur sila pendekkan, Yang Berhormat sudah keluar banyak.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ini bukan satu *non-issue*, tetapi oleh kerana baru-baru ini ada kemungkinan Malaysia – oleh kerana ada persaingan antara UMNO dan PAS untuk dapat sokongan pengundi-pengundi orang Melayu, seolah-olah isu itu mustahak, ada kemungkinan bahawa *social contract* diketepikan, dibuang dan Malaysia bermula dengan era yang baru sebagai sebuah negara Islam, sungguh pun bukan ala PAS, tetapi sejenis UMNO.



Dunia pun sangat prihatin, kalau begitu tentulah iklim pelaburan Malaysia akan kurang, akan bertukar, tidak seorang pun begitu minat untuk melabur dalam Malaysia, dalam rantau Tenggara Asia, sebab itu saya berharap bahawa apabila jabatan baru, Perdana Menteri yang baru bertanggungjawab mengenai perpaduan negara bahawa ini boleh menjadi isu yang utama supaya dengan jelas tanpa teragak-agak, tanpa persoalan kita balik kepada *social contract* yang kita semua bersetuju, semua kaum ada bersetuju .....

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Kinabatangan bangun.

**Tuan Lim Kit Siang:** Oh! Belum sampai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia belum beri lagi.

**Tuan Lim Kit Siang:** Oh! Belum sampai.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** *[Masih berdiri]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Duduk, duduk dahulu Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Kita boleh bersetuju bahawa negara ini sebuah sekular demokrasi, Islam sebagai Agama Rasmi tetapi bukan negara Islam, bahawa kita semua boleh .....

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, ada dua orang bangun, Yang Berhormat bagi Tangga Baru dan Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

**Tuan Lim Kit Siang:** Okey! Nanti, nanti. Bahawa kita semua .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Duduk Yang Berhormat bagi Tangga Batu dan Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya akan beri.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, sila pendekkan ucapan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bahawa kita boleh semua parti, semua pemimpin boleh dapat satu persefahaman, satu persetujuan, balik ke pangkal jalan, negara kita ditubuhkan, balik ke pangkal jalan.

Yang Berhormat bagi Tangga Batu saya akan beri, selepas itu Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Ipoh Timur. Saya pun serupa dengan Yang Berhormat bagi Kota Bharu tadi, sudah banyak kali dengar ceramah ataupun ucapan daripada Yang Berhormat bagi Ipoh Timur. Yang peliknya, Tuan Yang di-Pertua, sekali saya dengar penjelasan daripada Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri saya terus kepada .....

**Tuan Lim Kit Siang:** *Point of order*, saya harap mereka faham. Minta penjelasan dahulu, bukan ucapan.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Okey!, okey! Penjelasan, penjelasan Yang Berhormat bagi Ipoh Timur.

**Tuan Lim Kit Siang:** Hah! Minta penjelasan bukan buat ucapan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Okey, teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Okey, penjelasan. Apakah Yang Berhormat Ipoh Timur boleh membezakan di antara *the attributes* – ciri-ciri negara Islam dan ciri-ciri negara yang mempunyai agama rasminya agama Islam. Di sinilah penting perbezaan di antara ciri-ciri negara Islam dan ciri-ciri negara yang agama rasminya agama Islam.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Menyampuk]*

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Boleh sambung sedikit lagi?

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukan ucapan, minta penjelasan. Habis. Habis.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sila, sila duduk. Cukup, cukup Yang Berhormat.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Sedikit. Sedikit sahaja lagi Ipoh Timur.

**Tuan Lim Kit Siang:** Okey, boleh.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Apa yang Ipoh Timur sebutkan tadi adalah ciri-ciri negara Islam. Apabila ketua negaranya, ketua kerajaannya, pertahanannya dan

rakyatnya hidup dalam keadaan yang selesa, ini adalah pengiktirafan daripada orang luar kepada kita Malaysia.

**Tuan Lim Kit Siang:** Okey, baik, baik. Saya tahu. Okey, baik, terima kasih. Saya tahu itu ciri-ciri negara Islam dan ciri-ciri sebuah negara di mana Islam diisytiharkan sebagai agama rasmi. Tentu, saya faham. Sekarang kita dengar bahawa apa yang orang luar iktiraf kita. Tetapi bukan orang luar iktiraf kita, kita sendiri mendakwa – *claimed* itulah negara Islam, itulah intipati pengisytiharan 929 – bukan sahaja kepada mesyuarat UMNO, kepada mesyuarat Gerakan untuk menyampaikan semua rakyat Malaysia bukan sahaja orang Muslim, tetapi bukan Muslim dan Gerakan digunakan sebagai tempat....

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Kinabatangan bangun.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya belum habis dan saya mahu jawab - *you justice* - kepada Yang Berhormat bagi Tangga Batu nanti saya tidak jawab, itu bukan adil. Bagi jalan perlu, *you justice*. Sudah tentulah ada ciri-ciri. Saya percaya ada konsep negara Islam. Bukanlah konsep negara Islam buruk atau jahat - tidak. Konsep negara Islam untuk orang Muslim saya hormat tetapi untuk satu negara - Malaysia kita *plural*, di mana bukan sahaja ada penduduk Islam, tetapi ada penduduk-penduduk bukan Islam, negara Islam tidak sesuai. Bukan 'bad', bukan jahat tetapi tidak sesuai, tidak *compatible* kepada Malaysia sebagai sebuah negara yang *plural*, moden dan membangun.

Saya percaya kalau kita mengikut konsep negara Islam ciri-cirinya ialah Keadilan. Kalaulah mereka yang mengatakan Malaysia negara Islam oleh kerana di bawah pemerintahan Barisan Nasional, maka ini boleh dipertikaikan. Kalau negara Islam patutkah Anwar Ibrahim masih dalam penjara Sungai Buloh? Patutkah ada korupsi bermaharajela di negara kita? Patutkah ISA terus ada di dalam Malaysia di mana rakyat yang tidak berdosa, yang tidak membuat apa-apa kesalahan ditahan *definitely* dalam tahanan tanpa perbicaraan? Saya tahu. Saya dua kali, saya *double major*. Apa Yang Berhormat Menteri *High Education* kata.. *double major*. Saya *double major*, ISA.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Ipoh Timur , Kinabatangan bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Nanti, nanti. Saya belum habiskan jawapan kepada Yang Berhormat Tangga Batu. Betul. Saya percaya kalau konsep negara Islam kita tidak benarkan korupsi, tidak benarkan salah guna kuasa, tidak gunakan...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Petra Jaya, Yang Berhormat. Ya, ya Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Belum habis, belum habis, belum habis.

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]:** *Point of Order, Point of Order.* 36(10)(b) bila dia menggunakan melawan kuasa-kuasa kerajaan, "perkataan-perkataan membangkitkan perasaan melawan kuasa kerajaan". Tadi Ketua Pembangkang menggunakan perkataan-perkataan berkaitan dengan kes yang telah diputuskan di mahkamah. Itu adalah kuasa pertamanya, yang telah dikatakan di mahkamah; kedua, berkaitan dengan ISA dan seterusnya Tuan Pengerusi, saya rasa persoalan yang banyak dibangkitkan ialah persoalan dasar.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, saya bersetuju.

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** Kita sekarang di dalam Jawatankuasa. Kalau dapat Tuan Pengerusi menggunakan kuasa di bawah peraturan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, sila duduk Yang Berhormat. Saya memberi peringatan Ipoh Timur, sila pendekkan dan masa Yang Berhormat sudah hampir habis.

**Tuan Lim Kit Siang:** Kalau Yang Berhormat bagi Tangga Batu tidak bangkit, tidak minta penjelasan saya tidak jawab. Dia mahu saya beri jalan dan perlu *justice* kepada beliau.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sila, sila gulung Yang Berhormat. Sila gulung.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *[Bangun]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Okey, akhirnya Kubang Kerian. Kubang Kerian.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia tidak bagi Yang Berhormat.

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Kalau DAP berhasrat untuk mempertahankan sebuah negara Malaysia yang sekular PAS tidak marah. Kalau PAS berhasrat menubuhkan sebuah negara Islam itu hak kami dan UMNO mengatakan mahu menegakkan sebuah negara Islam madani, itu hak mereka. Semua ini, sosial

kontrak ini asas yang tertinggi ialah Perlembagaan Malaysia. Perlembagaan mengizinkan menubuhkan sebuah parti politik yang menyatakan dengan jelas tentang matlamat perjuangan mereka. Jadi, saya rasa tidak timbul masalah kita ini melawan Perlembagaan.

Kalau kami, katakanlah Yang Berhormat katakan tadi *Islamic state* yang menakutkan, itu hak rakyat. Rakyat tidak memilih kami, *yes, we deserved it*. Kalau rakyat menyokong tentang hasrat untuk meneruskan Malaysia sebuah negara yang sekular itu hak rakyat. Ini adalah sebuah Perlembagaan yang mengizinkan. Jadi, saya rasa ini timbul masalah kita mahu mempertajamkan tentang masalah negara Islam ataupun tidak Islam. Saya rasa apa yang kita buat pada hari ini - PAS hendak menegakkan sebuah negara Islam, kita mengambil alih Kelantan dengan cara yang demokratik – cara demokrasi. Begitu juga DAP, kalau dia mahu menegakkan sebuah negara yang sekular pun demokrasi berpilihan raya. Semuanya di bawah Perlembagaan negara. Jadi, tidak ada kesalahan yang kita lakukan dan saya rasa tidak perlu untuk kita pertikai. Itu penjelasan

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ipoh Timur sila gulung. Saya beri Yang Berhormat....

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya komen mengenai dengan Yang Berhormat dan mengakhiri ucapan saya. Saya setuju. Saya menghormati pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian dan parti beliau patut faham mengenai fikiran rakyat dan realiti Malaysia bahawa konsep negara Islam yang diperjuangkan oleh Parti PAS tidak sesuai dan tidak selaras dengan realiti, dan saya harap PAS boleh ambil pertimbangan dan menerima bahawa negara Islam ialah idea dan objektif PAS tetapi ini tidak sesuai, ini tidak *compatible* dengan Malaysia dan perlulah ubahsuai tujuan dan matlamat PAS khususnya dalam senario *political* Malaysia.

Akhirnya saya berharap kita boleh berbincang mengenai isu seperti ini. Kalau kita tidak boleh membincangkan isu pokok, bagaimana kita boleh memajukan perpaduan negara dan apabila kita menyatakan sebuah *secular democracy* ia bukanlah difahamkan sebagai anti Islam atau anti agama. Kita perlu membersihkan makna – *the meaning of secular* – sekular bukan anti *religion*, bukan anti agama tetapi adalah tempat untuk semua agama. Itu penting dan pokok. Sekian terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup, cukup. Yang Berhormat. Ya, Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Ya, Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, saya ingin memberi peringatan kita mungkin ada ramai yang akan berucap. Kita hadkan kepada sepuluh minit.

**12.09 tgh.**

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Saya tidak lama, Tuan Pengerusi. Ini Maksud P.6, sama jugalah dengan Ipoh Timur iaitu perpaduan negara. Kita melihat daripada awal minit ucapan. Dia tidak ada, inilah....(*menunjuk ke arah tempat duduk Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timur*) Ketua Pembangkang tidak ada kelas.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Teruskan Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Dia cakap tidak serupa bikin tetapi anak-anak buah dia diam sahaja, tidak ada suara pun.

Berhubung dengan perpaduan negara, saya rasa kita amat sedih dengan kenyataan-kenyataan yang dilemparkan oleh Ketua Pembangkang. Saya hendak tanya Ketua Pembangkang, apakah yang menyebabkan dia rasa ada kebencian dengan pengiktirafan Malaysia sebagai negara Islam, sedangkan Malaysia ini sudah diiktiraf oleh negara-negara Islam di serata dunia dan apa kekurangannya? Sebagai seorang warganegara Malaysia saya hendak tanya Ketua Pembangkang Ipoh Timur apa kurangnya apabila negara ini diiktiraf negara Islam? Adakah agama-agama lain akan rasa tertindas? Adakah agama-agama lain diancam? Ataupun adakah kehidupan mereka sengsara apabila negara ini dikategorikan sebagai negara Islam.

Perpaduan negara ini bererti menyatupadukan masyarakat dan kita percaya selaku negara yang majoritinya orang Islam, Islam itu merupakan satu wadah untuk menyatupadukan umat sejagat termasuk agama-agama lain. Saya tidak melihat apabila pengiktirafan negara Malaysia sebagai negara Islam agama-agama lain terancam. Saya tidak lihat ada yang dipaksa memeluk agama Islam, ada yang dipaksa menyokong itu dan ini.

Jadi, ini merupakan - saya harap pihak kementerian yang berwajib ini memberi penjelasan yang secukup-cukupnya supaya isu ini tidak diperdebatkan di mana-mana juga forum termasuk di kaki lima, di kedai kopi, di hotel-hotel dan sebagainya sebab ini mungkin akan mendatangkan musibah ataupun kebangkitan perkauman di antara agama-agama yang lain dan kaum-kaum yang lain. Adakah Ipoh Timor selaku warganegara rasa terhimpit apabila kerajaan mengisytiharkan negara Malaysia negara

Islam. Saya hendak tanya kerajaan apakah agama-agama lain susah ataupun ada permasalahan yang dihadapi. Kalau tidak ada, isu seumpama ini tidak perlu lagi diperdebatkan di mana-mana sebab kebimbangan saya bagi mereka yang kurang kefahaman akan mewujudkan perbalahan di antara kaum itu sendiri. Negara kita Malaysia ini terdiri daripada berbilang kaum, keturunan, agama dan sebagainya dan ini akan mengakibatkan perpecahan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada yang bangun, Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Sila.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti kita sedia maklum agama Islam agama persahabatan, agama sederhana, agama yang menghormati di antara satu kaum dengan satu kaum yang lain. Kita bukan agama seperti yang dilabelkan oleh Barat dan Yahudi iaitu kita ini agama yang ganas dan sebagainya. Jadi, kita telah membuktikan kepada dunia bahawa kita dalam sebuah negara majmuk kita boleh bersama-sama. Bayangkan di kantin Dewan Rakyat ini orang Islam dan bukan Islam boleh duduk semeja, bergelak ketawa, Ahli-ahli Parlimen kita bersama-sama bertukar fikiran dan ini telah membuktikan bahawa keindahannya Islam.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Minta penjelasan Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya minta penjelasan. Kita pula bukan menafikan agama-agama lain, kita menghormati. Saya selaku pemimpin masyarakat juga menziarahi orang-orang bukan Islam sakit ataupun meninggal dan juga menziarahi orang-orang bukan Islam yang susah dan sebagainya walaupun saya seorang Islam. Tetapi ini adalah agama saya...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** ...agama Islam tetapi adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa ini harus dikekalkan, maka kebahagiaan, kesejahteraan yang ada di sebuah negara yang unik ini harus kita kekalkan kerana demi untuk anak-anak cucu kita di masa yang akan datang, dan sebagai sebuah negara Islam kita jangan bimbang agama lain kita akan bersama dengan mereka untuk membangunkan negara kita ini.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Terima kasih Yang Berhormat, minda yang terbuka. Kalau kita lihat di seluruh negara ini, inilah satu-satunya negara paling mengamalkan hidup bersama-sama di antara kaum-kaum yang lain. Mana ada negara lain di negara-negara yang lain satu bangsa, satu agama berperang antara satu dengan yang lain, sama-sama Kristian, Protestant dan Catholic pun berlawan. Kita di sini kalau dikira daripada etnik negara kita ini berbilang kaum, berpuluh-puluh suku bangsa tetapi kerajaan berjaya memupuk dalam satu bumbung, dalam satu kehidupan harmoni di antara kaum ada yang telah sampai ke tahap berkahwin di antara kaum lain dengan kaum yang lain, dan ini telah memperlihatkan betapa kerajaan telah berjaya membawa...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sri Aman bangun. Sri Aman.

**Tuan Jimmy Donald:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada kawan dari Kinabatangan dan saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada pendapat yang terbuka dan kerjasama yang dijanjikan oleh beliau dan juga kelmarin Sri Gading tentang kehormatan yang diberi kepada agama-agama lain lebih-lebih lagi agama Kristian. Jadi, saya ingin minta penjelasan, dahulu sebelum Sabah dan Sarawak membentuk Malaysia, bukan masuk Malaysia, Sarawak adalah satu negeri *independent*, Penterjemahan Bible ke bahasa Iban, bahasa Melayu memang tidak ada masalah. Jadi, dalam terjemahan itu Nabi Isa dalam bahasa Iban Nabi Isa, kadang-kadang 'tuhan Isa'. Tuhan, *the supreme God, the supreme be in* dalam bahasa Iban diterjemahkan sebagai 'Allah Taala'. Tetapi apabila kita sudah membentuk Malaysia, apabila kita hendak membuat *reprinting of the Bible*, penterjemahan yang berikutnya begitu susah, tidak dibenarkan menggunakan perkataan 'Isa dan Allah Taala'. Jadi, bolehkah saya minta jasa baik Ahli Yang Berhormat bagi Kinabatangan dan juga Menteri untuk menyelesaikan perkara ini supaya kerjasama di antara kaum dan penganut-penganut ini boleh membuat kita lebih rapat. Sekian.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Aman. Negara kita ini mengamalkan sifat-sifat toleransi. Jadi, apabila toleransi itu kita guna pakai, tidak ada perkara yang berat tidak boleh kita selesaikan. Kebetulan kita punya Menteri yang bertanggungjawab soal perpaduan pun ada, pegawai-pegawai pun ada, rasa saya mereka boleh memberi penjelasan kepada Yang Berhormat berhubung dengan cadangan Yang Berhormat supaya kita melihat negara kita ini boleh berkembang secara bebas, aman, damai, tenteram tanpa ada provokasi, tanpa ada



ancaman-ancaman yang boleh menjejaskan keutuhan perpaduan negara kita secara menyeluruh.

Kita harus ingat bahawa peristiwa 13 Mei 1969 telah berlaku dalam negara kita dan ini kalau kita tidak pelihara, kalau kita tidak jaga, tidak mustahil ianya akan berulang semula. Sebab setiap kaum ini mempunyai sentimen masing-masing...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Gulung Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** ...mempunyai sensitiviti masing-masing. Oleh kerana itu, saya merayu kepada kerajaan supaya isu-isu yang boleh membangkitkan sentimen-sentimen perkauman yang saya percaya DAP akan memainkan terus sentimen-sentimen seumpama ini, dan kalau ditahan di bawah ISA dia kata melanggar hak asasi manusia. Kalau dibiarkan dia bebas ianya akan mencetuskan mungkin huru-hara di kalangan masyarakat kita. Maka pada saya kita tidak mempunyai pilihan, kita kena mengorbankan dua, tiga orang untuk perpaduan masyarakat umat manusia di Malaysia ini.

Jadi, saya mengesyorkan kepada supaya mengkaji kaedah ataupun pendekatan yang lebih sempurna untuk memberi keyakinan kepada seluruh bangsa dan agama bahawa sungguhpun negara ini selalu negara Islam tetapi ianya tidak akan merumitkan agama-agama yang lain dalam apa juga amalan yang mereka rencanakan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Jerai.

**12.18 tgh.**

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu Tuan Speaker tentang perpaduan ini, kita semua rakyat Malaysia harus bertanggungjawab. Memupuk perpaduan ini adalah bukan mudah kerana kadang-kadang satu keluarga sendiri pun percanggahan di antara satu sama lain. Kita dapat lihat kalau kita kaji balik sejarah yang harus kita juga bercakap pada hari ini ialah sejarah di atas perpaduanlah yang menyebabkan kita mendapat kemerdekaan. Pada masa itu kita miskin, semua orang miskin, kita tidak mempunyai tentera, kita tidak mempunyai wang ringgit, rakyat menderita susah. Tetapi atas keinsafan dan di atas semangat perpaduan maka kita menuntut kemerdekaan, dan apabila kita menuntut kemerdekaan kita berjaya kerana perpaduan.

Kita bukan berjaya kerana kekuatan tentera kerana British pada ketika itu cukup kuat ataupun cukup berpengaruh di seluruh dunia. Hasil perpaduan itulah maka terbentuknya Malaya dan hari ini terjadinya sebuah negara Malaysia. Dan kita dapat lihat kerana perpaduan jugalah kita dapat membangunkan negara ini, kerana perpaduan jugalah kita mendapat kesenangan, kekayaan di negara kita ini. Walaupun kita bukan sebuah negara yang kaya raya tetapi kita adalah sebuah negara yang senang, rakyat tidak susah, rakyat tidak meminta sedekah,....

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** ... rakyat tidak dapat dilihat di perjalanan...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cameron Highlands bangun Yang Berhormat.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Tuan Pengerusi. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Jerai, apakah perpaduan itu sangat berkait rapat dengan pengagihan secara saksama pembangunan kepada semua kaum dan kalau kita lihat sekarang ada juga segelintir masyarakat yang tertinggal akibat daripada perancangan yang tidak rapi dan akhirnya apabila dasar-dasar dirangkakan dan diturunkan ke peringkat jabatan dan sebagainya sesungguhnya pembangunan itu tidak sampai kepada kumpulan sasaran yang diperlukan.

Satu kajian yang dibuat oleh satu badan di Amerika terhadap perjuangan orang Vietkong, kenapa ada golongan Vietkong yang sanggup mati untuk perjuangan di kalangan masyarakat yang miskin dan didapati bahawa salah satu faktornya ialah .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, jangan berucap.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** ..... mereka tidak memilih .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, minta penjelasan jangan berucap.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** Sekejap, saya bawa kepada soalan itu tadi Tuan Pengerusi. Adalah salah satu sebabnya mereka tidak memiliki rumah ataupun memiliki harta di tanah mereka sendiri. Saya hendak tanya Yang Berhormat, bagaimanakah masalah ini dapat diatasi supaya setiap rakyat di Malaysia mempunyai rumah, mempunyai hak untuk menikmati pembangunan yang dimajukan di negara ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat itu soal dasar, ya.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** Itu soalnya. Minta penjelasan Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Cameron Highlands. Kita kena ingat bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah mengatakan bahawa setiap Wakil Rakyat ini kena menjalankan tugas mereka atas konsep iaitu Barisan Nasional, atas konsep perpaduan, atas konsep keseluruhan semua rakyat. Maknanya kalau saya mewakili UMNO, saya bukan bekerja untuk UMNO sahaja. Tugas sebagai Wakil Rakyat kita kena harus memberi perkhidmatan kepada keseluruhan rakyat yang berada dalam kawasan kita.

Ini adalah benda-benda yang disuntik oleh kepimpinan untuk memastikan bahawa setiap rakyat mendapat nikmat daripada apa yang telah kita persetujuan di dalam pembentukan perlembagaan negara kita pada suatu ketika dahulu. Itu adalah perjanjian. Perlembagaan negara kita dahulu, kita buat perlembagaan itu atas persetujuan ketiga-tiga kaum yang besar pada ketika itu.

Walaupun kita sedar itu adalah pusaka bumi kita Persekutuan Tanah Melayu pada ketika itu. Tetapi kita bertolak ansur kerana kita mahu kemerdekaan. Kita mahu permuafakatan maka di situ kita berpakat. Okey, agama Islam sebagai agama rasmi. Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi. Kita beri kelonggaran untuk agama-agama lain dan bahasa lain digunakan. Ini adalah satu win-win situation pada ketika itu diperbincangkan oleh datuk nenek kita yang jangan harus sesiapa sahaja mempertikaikannya pada hari ini kerana kalau ini dipertikaikan, ini digembargemburkan, ini dipersoalkan, ia akan membawa kesan sensitiviti sesuatu kaum di mana datuk nenek berpakat tetapi sampai ke anak cucu kita belaga di antara satu sama lain.

Saya tidak bersetuju Yang Berhormat. Benda-benda ini yang telah dipersetujui diketepikan kerana Perlembagaan mengatakan bahawa memang dalam Islam tentera itu daripada orang Islam untuk mengekalkan sebagai sebuah negara Islam, memang Marsyal kita ialah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, kepala tentera. Begitu juga sebagai ketua negara. Sebagai ketua negara ialah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang tidak perlu dipersoalkan kerana termaktub sudah di dalam Perlembagaan negara.

Apakah tugas kita sebagai anak-anak cucu kepada datuk-datuk yang telah berpakat, bertolak ansur untuk menjadi kawan rakan di dalam sebuah negara yang majmuk ini. Kita harus mengetepikan sentimen-sentimen yang boleh meretakkan perpaduan kita. Kita harus menurunkan harapan dan cita-cita datuk nenek kita kepada anak cucu kita bahawa kita tidak ada negara lain. Orang India tidak ada negara lain malah Yang Berhormat bagi Cameron Highlands kalau balik ke India, dia pun susah. Dia tidak dapat hendak cari route dia. Boleh route dia ada tetapi dia tidak boleh hidup di sana.

Kalau Ipoh Timur ataupun Kepong balik ke China hari ini, dia susah di sana mungkin Dewan Rakyat di Cina dia tidak boleh duduk dan tidak boleh bercakap macam di sini. Kemanakah kita hendak pergi? Kemanakah anak cucu kita mahu pergi? Inilah negara kita. Inilah tempat yang dinamakan tumpah darah kita. Kita kena bina negara ini menjadi sebuah negara yang bermuafakat di antara satu sama lain. Sebab itulah saya suka kalau boleh sekolah-sekolah ini kita jadikan sekolah kebangsaan kesemuanya. Bahasa Cina ada, saya pergi PIBG sekolah menengah, bahasa Cina yang ada, bahasa Tamil ada, bahasa Melayu ada, bahasa Inggeris ada. Apakah ini salah kerana yang pentingnya Tuan Pengerusi ialah perpaduan dan keamanan.

Perpaduan dan keamanan tidak boleh dibeli. Dia datang dengan semangat setia kawan dan kasih sayang. Dia bukan boleh dibeli. Bolehkah kita beli kesetiaan, tidak boleh. Bolehkah kita beli keamanan, tidak boleh. Tetapi keamanan boleh dihancurkan dengan wang ringgi. Ini yang berlaku di Iraq, berlaku di Somalia, berlaku di negara-negara lain. Saya menyarankan .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, gulung Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** ..... bahawa integrasi ataupun perpaduan antara kaum ini harus kita didik daripada anak yang dilahirkan di negara Malaysia ini. Bila dilahirkan, kita kena tiup kepada mereka adalah bahawa kamu adalah anak Malaysia dan kita kena hidup berpakat di antara satu sama lain.

Khabak anak kita 'Aleng ah lu, kena jaga ini semua negala. Olang Cina, olang India semua luluk liam-liam sini baik-baik sini, holmat sama dia olang'. Kepong kasi tahu anak-anak cucu Kepong. Kalau tidak, anak cucu Kepong nanti bangkit nanti susah. Macam Kepong saya hormat. Dia bahasa jawi dia boleh baca. Bahasa Arab dia boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Bukan bahasa jawi Yang Berhormat, tulisan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tulisan jawi. Dia boleh semua. Tetapi nasib dia, dia duduk di kawasan yang agak terkepung. Ini nasiblah Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi, kita sebagai pemimpin di Dewan ini, saya memohon supaya jangan langsung sekali-kali mempertikaikan yang dipersetujui dalam Perlembagaan. Yang keduanya, kita pastikan bahawa harmoni yang ada hari ini di dalam negara kita ini harus dikekalkan. Yang ketiganya jangan seseorang itu membela keterlaluan ke arah kaum-kaum mereka yang menyebabkan suatu hari nanti harapan datuk nenek kita, sumpahan datuk nenek kita itu ingin melihat Malaya dan juga Malaysia ini sebuah negara yang boleh menjadi contoh kepada negara-negara lain akan terkubur.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Kita tengok di negara-negara lain, di saat saya berucap ini darah mengalir, rakyat terkorban, kelaparan, tidak ke sekolah anak-anak mereka, mereka kesakitan tidak ada perubatan, mereka hidup dalam negara yang menderita sedangkan kita di sini berada di Dewan yang mulia ini, di luar tidak ada pengemis di merata-rata tempat waktu makan, kita makan bersama-sama, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup Jerai.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Tuan Jimmy Donald:** *[Bangun]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Inilah saya harapkan dan saya harap ..... Kepong hendak penjelasan Kepong?

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup Jerai, cukup.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Kepong minta penjelasan Tuan Pengerusi. Sila. Sila.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Masa Yang Berhormat sudah habis. Sri Aman.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Sekejap, sekejap Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Masa Yang Berhormat sudah habis.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Macam mana?

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Masa Yang Berhormat sudah habis.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih.

**12.28 th.**

**Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Beberapa isu yang saya hendak minta Menteri Perpaduan kita ketengahkan pada pegawai beliau dan juga kepada rakan-rakan beliau di Kabinet. Pertama, pada 31 Mei lalu dan 1 Jun rakyat di Sabah mengadakan Perayaan Keamatan dan pada 1 Jun rakyat di Sarawak mengadakan perayaan Hari Gawai Dayak. Saya ingin minta jasa baik Yang Berhormat Menteri memberi tahu kepada pihak-pihak yang berkenaan kita harus kalau kita hendak mengejar perpaduan, kita harus menghormati orang-orang dari tanah besar kita di Malaysia iaitu Sabah dan Sarawak.

**Tuan Lim Hock Seng:** *[Bangun]*

**Puan Chong Eng:** *[Bangun]*

**Tuan Jimmy Donald:** Saya rasa Parlimen harus diberi nasihat supaya jangan bersidang oleh kerana itulah masa rakyat-rakyat kita hendak mengunjungi rumah pemimpin-pemimpin mereka dan juga menteri-menteri mereka. Pada masa sekarang kita juga tahu kita Ahli Parlimen ini diminta berada di sini full time. Macam manakah kita dapat mewujudkan perpaduan kalau pada hari yang begitu penting kita .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Bagan bangun Yang Berhormat.

**Tuan Jimmy Donald:** Okey.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Masa Yang Berhormat ada sepuluh minit sahaja.

**Tuan Lim Hock Seng:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Memang kami rakyat dari Semenanjung sangat gemar untuk menyertai perayaan Hari Raya Keamatan dan Gawai di Sabah dan Sarawak tetapi malangnya tidak serupa setiap tahun. Tahun yang lalu di mana Kementerian Pelancongan ada mempelawa atau menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat dari Parlimen ini untuk menyertai perayaan Keamatan dan Gawai

tetapi tahun ini apabila sudah tukar menteri yang baru, kami diabaikan untuk menghadiri perayaan ini.

Apakah pendapat Yang Berhormat, sama ada ini adalah satu langkah yang wajar atau tidak?

**Tuan Jimmy Donald:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya jarang-jarang bersetuju dengan pihak pembangkang tetapi sekali ini saya bersetuju 100%.... *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Bukit Mertajam bangun Yang Berhormat, boleh beri laluan?

**Tuan Jimmy Donald:** Ya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sila, sila.

**Puan Chong Eng:** Yang Berhormat bagi Sri Aman, saya memang sokong apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Sri Aman, bukan hanya di Dewan yang mulia ini tetapi semua agensi kerajaan perlu lebih sensitif tentang *multiracial, multicultural* yang kita ada di negara ini, kalau saya ingat, pada tahun 2000 bajetnya ialah *on Friday*, dan *Thursday* ialah Deepavali tetapi bajetnya dia pun tidak tangguh supaya minggu yang akan datang, *Monday* ataupun mana-mana hari tetapi kalau Hari Raya, tahun ini bulan puasa kita tidak ada Dewan langsung, jadi mereka hanya sensitif ...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup Yang Berhormat, penjelasan, penjelasan, jangan berucap.

**Puan Chong Eng:** ...mereka hanya sensitif kepada satu agama, kurang sensitif kepada agama yang lain. Di dalam sekolah pun saya tidak tahu, adakah Yang Berhormat bagi Sri Aman tahu pada masa Tahun Baru Cina pada masa Deepavali ada *exam* juga, ada peperiksaan yang penting...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup.

**Puan Chong Eng:** Pada Tahun Baru Cina, tahun lalu *first day of Chinese New Year*, dia ada Langkawi, *what is the event* untuk ....

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup, Sri Aman fahamlah itu Bukit Mertajam. Sri Aman sudah faham.

**Puan Chong Eng:** Jadi, adakah Sri Aman akan cadangkan supaya semua kakitangan kerajaan boleh melalui satu kursus *multiracial, multicultural* kursus. Terima kasih.

**Tuan Jimmy Donald:** Tuan Yang di-Pertua, saya haraplah Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam mengetengahkan isu ini apabila menteri-menteri yang berkenaan nanti menjawab, apabila giliran mereka sampai.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya juga minta Yang Berhormat Menteri kita ini bercakap, menasihatkan dan memberi didikan kepada menteri yang lain tentang betapa pentingnya kementerian beliau. Isu yang selalu disebut oleh orang di Sarawak, mengapa apabila perayaan lain, pegawai-pegawai kita sibuk menentukan kawalan harga dijalankan dengan begitu ketat tetapi pada tahun ini, dua hari sebelum Hari Gawai, harga ayam dinaikkan.

Jadi, kata mereka adakah ini Malaysia yang sama. Jadi, oleh kerana itulah mungkin pegawai kita tidak tahu. Jadi saya harap menteri kita ini memberi menentukan layanan yang diberikan kepada rakyat kita pada Hari Raya juga diberikan kepada orang di Sabah dan juga rakyat di Sarawak iaitu kawalan harga yang ketat.

Dan kita menentukan rakyat kita di Sabah dan rakyat kita di Sarawak tahu iaitu kerajaan ada menjalankan aktiviti yang seperti itu, supaya rakyat tahu kita juga membela mereka apabila hari perayaan mereka tiba. Kalau tidak mereka rasa, oleh kerana mereka semua ada TV, layanan yang istimewa seperti ini hanya diberi kepada orang yang merayakan Hari Raya dan Tahun Baru Cina dan apabila Gawai dan Hari Keamatan datang, mereka dibiarkan begitu sahaja dan mereka rasa mereka tidak tinggal di Malaysia tetapi ....

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Santunbong.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih. Yang Berhormat, saya ini memang sudah enam, tujuh tahun Yang Berhormat, menteri sendiri ada di sini, saya bincang soal Hari Keamatan, soal Hari Gawai, 15 minit pun tidak ada keluaran televisyen, apa masalah orang Sarawak dan orang Sabah ini.

Jadi, sekarang menteri dari Sabah, kita mahulah menteri dari Sabah ini melihat masalah-masalah sedemikian. Orang daripada Semenanjung tidak tahu apa Hari Gawai dan Hari Keamatan itu. Apa yang dia tahu, seminggu selepas itu baru ada tunjuklah menteri ini, kalau menteri potong *ribbon* baru keluar, kalau menteri tidak ada potong *ribbon* tidak keluar ini, Hari Gawai dan Hari Keamatan ini, minta tolonglah bagi sedikit, kalau perlu kementerian Yang Berhormat beli masa dengan kementerian RTM, TV3 beli masa dia.

Yang Berhormat, tidak ada nilai perpaduan ini, tidak ada nilai, betul atau tidak?



**Tuan Jimmy Donald:** Terima kasih kawan saya dari Santubong. Memang saya sokong 100% cadangan untuk membeli masa supaya semua rakyat di Malaysia dididik tentang apa itu Hari Keamatan, apa itu Hari Gawai dan apa yang terjadi di sebelah sana dan mungkin mereka akan datang ke sana dan melihat apa yang dijalankan oleh kita pada hari-hari tersebut.

Seterusnya saya juga minta Yang Berhormat Menteri menasihatkan kementerian-kementerian yang lain, apabila pengambilan, perantikan pegawai yang baru, kita mestilah ada kuota, oleh kerana setiap Hari Gawai saya nampak *queue* di lapangan kapal terbang begitu panjang dan seorang dua pegawai yang menjaga Imigresen mereka sudah marah, mereka sudah letih dan ini menunjukkan pengambilan dan perantikan pegawai kita tidak seimbang.

Kalau ia seimbang apabila tiba perayaan Tahun Baru Cina, ada pegawai dari kaum Iban...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, sila gulung.

**Tuan Jimmy Donald:** ...Kaum Melayu dan kaum yang lain. Apabila Hari Raya cukup juga pegawai, apabila Hari Gawai cukup juga pegawai dari kaum-kaum yang lain. Jadi ini adalah satu petunjuk yang kita belum sampai ke tahap di mana kita dilihat oleh rakyat kita bertindak dengan seadil-adilnya dan saya tidak tahu di mana saya hendak menyampaikan pesanan ini tetapi saya rasa menteri kita ini adalah orang yang boleh menasihatkan kementerian-kementerian yang lain oleh kerana soal perpaduan adalah soal yang menentukan sama ada kita akan terus hidup dengan sejahtera di Malaysia kita ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup Yang Berhormat.

**Tuan Jimmy Donald:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kepong, selepas itu Petra Jaya, selepas itu saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

**12.38 tgh.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh dalam sepuluh minit, tiga perkara, yang pertamanya saya nampak banyak orang yang sentuh mengenai perpaduan dan *social contract*. Baik juga kita ada suasana di mana kita masih boleh bincang, walaupun emosi tinggi sedikit dari masa ke semasa tetapi masih boleh berbincang.

*Pisang seikat gulai sebelanga,*

*Tanda muafakat bersama-sama.*

Walau bagaimanapun, saya berharaplah kita dapat mengekalkan *social contract* yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan kita dengan Islam sebagai agama rasmi dan agama-agama yang lain tidak diabaikan tetapi saya tidak bersetuju dengan *Islamic states* yang disebutkan oleh kebanyakan orang iaitu negara Islam yang ada erti yang banyak, salah satunya yang menunjukkan bilangan penduduk banyak yang Islam di dalam satu negara, dinamakan negara Islam. Walau bagaimanapun, saya tidak bersetuju dengan *Islamic states* dan mengenai masalah Orang Asli, pembangunan tanah rizab Orang Asli di dalam Maksud B.6 ini, daripada Jabatan Perdana Menteri kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Yang penting sekali saya hendak menekankan bahawa ada orang-orang yang mengambil kesempatan untuk mendapatkan tanah Orang Asli untuk menipu mereka bagi keuntungan semata-mata. Memang saya menyeru supaya Majlis Penasihat Kebangsaan Hal Ehwal Orang Asli dapat mengambil perhatian di kawasan yang dekat dengan saya, Bukit Lanjan. Bukit Lanjan ada Orang Asli, kampung Orang Asli tetapi di sekitarnya bangunannya memang pesat, bukan main, ini bandar raya pembangunan yang amat pesat dan mereka memang diancam, terancam.

Kerana mereka tidak begitu sofistikated dan pihak pemaju mempunyai wang yang banyak dan canggih di dalam urusannya, mudah untuk memperdayakan kaum Orang Asli ini masalah kerana di dalam negara ini kita ada 800 komuniti Orang Asli, daripadanya ada 448 mempunyai tanah rizab dan sebab itulah saya menyeru supaya semua negeri mewartakan, mewartakan tanah rizab Orang Asli ini dan juga mewartakan enakmen-enakmen yang memelihara tanah Orang Asli ini dan adalah begitu penting sekali bahawa.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, itu hal ehwal Orang Asli, apa kena mengena dengan Perpaduan Negara?

**Dr. Tan Seng Giew:** Tidak, Tuan Pengerusi, B.6 dan P.6, B itu Perpaduan Negara, P.6, banyaklah termasuk pembangunan tanah rizab Orang Asli memang tepat, bersih mengenai perkara ini, tanah bagi Orang Asli.

Tuan Pengerusi, saya menyeru supaya setiap negeri mewartakan tanah ini dan juga mengambil kira rang undang-undang yang diluluskan atau akta Orang Asli yang diluluskan di sini yang hendak kita semak semula, kaji semula supaya kita

mengadakan denda hukuman yang lebih berat kepada syarikat-syarikat yang melanggar akta Orang Asli ini.

Tuan Pengerusi, mengenai prasekolah, P.6 juga - Pembinaan, Pembaikan Tadika/Prasekolah. Mengikut Akta Pendidikan 1966 yang dipinda pada 2001 bahawa satu formula untuk kurikulum prasekolah diadakan tetapi saya nampak kebanyakannya bagi kanak-kanak berumur empat hingga enam ini tidak begitu seragam bagi kurikulum dari segi kualiti, dari segi persiapan yang baik dan seragam, dari segi kurikulum tidak begitu sejagat, tidak *uniform*, tidak *universal* dan inilah satu perkara yang saya tekankan di sini supaya pihak kementerian dapat mengambil perhatian dan seterusnya mengambil tindakan yang berkesan. Sebab, Tuan Pengerusi, kita hanya dapati bahawa di pusat-pusat awam untuk tadika hanya pada masa kini ada lebih 300,000 kanak-kanak yang masuk pusat-pusat ini tak sampai 20 peratus. Kalau kita ambil kira pusat-pusat awam, pusat-pusat swasta 20 peratus, ini bermakna masih ada 60 peratus kanak-kanak di sekolah rendah kita, kita mempunyai hampir tiga juta murid. Dan kita dapati tidak sampai 40 peratus yang memasuki tadika, *kindergarten* dan sebagainya. Inilah merupakan satu kelemahan kerana kalau kita hendak semua rakyat bersatu padu, semua rakyat mempunyai peluang yang sama di sekolah maka kita mestilah memastikan hampir 100 peratus kanak-kanak berumur di antara empat hingga enam tahun dapat peluang untuk memasuki pusat-pusat *kindergarten* kita sama ada swasta ataupun awam. Ini memang satu perkara yang sangat penting.

Tuan Pengerusi, kita mesti mengkaji dari segi kurikulum, dari segi kemudahan-kemudahan latihan untuk guru-guru *kindergarten* dan tadika kita supaya mereka mempunyai mutu yang lebih tinggi bagi mengajar kanak-kanak kita yang begitu rebung, begitu mudah di pengaruhi dan daripada rebung ini kalau kita tidak bagi peluang yang sama, peluang yang baik di sekolah maka mereka mengambil bertahun-tahun untuk mengejar .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Gulung, gulung.

**Dr. Tan Seng Siew:** Dua minit lagi, baiklah.

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tuanan bangun Yang Berhormat.

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Terima kasih, Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat daripada Kepong. Ini soal tabika. Di negara kita ini, kita mempunyai

tiga jenis tabika yang di anjurkan oleh kerajaan iaitu Tabika Perpaduan, Tabika Kemas dan juga Tabika Jabatan Pendidikan. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa Tabika Perpaduan ini seharusnya mempunyai matlamat untuk menyatupadukan rakyat, maknanya Tabika Perpaduan ini seharusnya mempunyai ciri-ciri yang tertentu untuk mencapai perpaduan seperti mana yang dicita-citakan dalam cadangan Sekolah Wawasan. Mintak sedikit komen Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, akhir sekalilah ada setengah minit lagi. Saya setuju dengan Yang Berhormat kita mesti memupuk perpaduan di dalam tabika dan tadika dan Kemas mesti memperkembangkan program mereka dan pihak kementerian mesti mengambil kira cadangan kami yang bernas untuk memperluaskan tadika atau *kindergarten* di semua peringkat terutamanya di luar bandar supaya kita dalam *level playing field* bagi semua tidak payahlah pelajar-pelajar masuk ke sekolah rendah untuk bertahun-tahun untuk mengejar kepada tahap yang dicapai oleh rakan sebayanya. Sekian, terima kasih .

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Petra Jaya, selepas ini Menteri menjawab.

**12.48 tgh.**

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, berkaitan dengan perpaduan saya amat bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Jerai dan juga rakan-rakan Yang Berhormat yang lain bahawa perpaduan merupakan asas untuk kita meneruskan perjuangan kecemerlangan Malaysia. Jadi dalam perpaduan asasnya toleransi dan hormat menghormati harus dititikberatkan dan segala program kerajaan haruslah menjurus kepada pemahaman konsep toleransi dan hormat menghormati di antara kaum dan agama, maknanya adat dan agama harus kita jaga dengan segala sensitiviti di sekelilingnya.

Jadi di samping agama yang dibangkitkan oleh pihak pembangkang tadi saya rasa Perlembagaan sudah memuktubkan bahawa Islam adalah Agama Rasmi. Soalan persepsi berkaitan dengan sama ada kita merupakan negara Islam ataupun bukan, itulah hak setiap kita individu di bawah Perlembagaan dan juga hak orang-orang luar untuk mengiktiraf kita sebagai negara Islam.

Di samping keagamaan yang kita titik beratkan perpaduan akan terjejas kalau perkara-perkara lain seperti ekonomi, pendidikan, sosial dan sejarahnya tidak kita perhatikan. Mesti ada keseimbangan ekonomi di antara kaum harus juga dipelihara, begitu juga di bidang pendidikan ada kesaksamaan dan dari segi sosial dan sosio-ekonominya dan yang penting juga ialah pemahaman sejarah di kalangan generasi-generasi muda harus kita tanam dan bentuk sebab tanpa memahami sejarah perjuangan pemimpin-pemimpin kita yang lalu, mereka tidak akan dapat menghargai betapa pentingnya dan berapa banyak pengorbanan yang telah dibuat untuk mengekalkan perpaduan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Kuala Krai Bangun.

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** Sila, sila.

**Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat ada menyatakan bahawa perpaduan dan agama kita adalah berasaskan kepada agama Islam sebagai agama rasmi. Sedarkan Yang Berhormat bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah memperkenalkan Islam Hadhari dan ini adalah satu lagi langkah kerajaan kita untuk memperluaskan lagi taraf kedudukan agama Islam itu sendiri, di mana Islam itu tidak jumud, tidak sempit, tetapi luas dan ini memberi satu lagi gambaran sebagai sebuah negara Islam yang telah kita pertikaikan. Setujukah atau tidak? Terima kasih.

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Krai. Saya amat bersetuju malahan saya sendiri telah berhujah atau berdebat dalam konteks agama Islam. Apa yang diperjuangkan oleh Barisan Nasional, sama ada kita diiktiraf atau tidak, adalah tidak penting. Kita melakukan apa yang dituntut di dalam agama kita, misalnya apa yang dikatakan Bank Islam, sekuriti Islam, semua kita amalkan. Kita tidak membesar-besarkan perkara ini, tetapi kita mengamalkan apa yang dituntut tanpa kita sedar ataupun tidak. Itulah yang kita lakukan, kita tidak banyak bercakap tetapi melakukan. Ini bukanlah kumpulan *N A T O*, dengan izin, *non-action talk only* tetapi kita melakukan tanpa banyak bercakap. Itulah Barisan Nasional dan apa yang dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

Jadi berkaitan dengan interaksi, saya ingin mencadangkan kepada menteri yang menjaga hal ehwal perpaduan kita, satu jawatankuasa, bukan sahaja dari segi pemahaman adat di antara kaum tetapi di antara agama, harus kita wujudkan dan

sentiasa berjalan secara berterusan. Interaksi pemahaman sensitiviti antara agama ini dapat kita bentuk dan dengan pemahaman yang sebegitu rupa ia akan dapat menangani segala sensitiviti-sensitiviti tersebut. Jadi, untuk perkara ini saya ingin bertanya kepada pihak kementerian atau badan-badan berkaitan, saya difahamkan Dewan Nur pernah dibincangkan dalam Dewan yang mula ini, Dewan Nur merupakan satu perkara yang harus kita titik beratkan untuk menjaga perihal terutamanya *mix-marriage*.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Tuaran bangun.

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** *Can I*, minta izin, menghabiskan *point* ini dan saya akan beri laluan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Teruskan, teruskan.

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** Berkaitan dengan *mix-marriage*, berkaitan dengan bangsa dan agama sebab perkara ini amat sensitif, kalau disalahgunakan, salah faham di antara perkahwinan, berlakunya perbalahan dalam perkahwinan, kalau disalahgunakan oleh orang tertentu untuk dipolitikkan, maka ia boleh mengorbankan perpaduan kita.

Misalnya apa yang berlaku, kebetulan ia melibatkan di antara orang Islam dan orang bukan Islam, iaitu orang Melayu dan orang Cina di kawasan saya, di mana ia ditinggalkan oleh suami, yang bernama Noraini bt. Abdullah, meninggalkan keluarganya untuk masuk Islam, berkahwin dan mempunyai enam orang anak dan kini ditinggalkan oleh suami. Kalau perkara ini kita tidak pelihara dengan betul, mana-mana pihak lain boleh menggunakannya sebagai satu isu, misalnya memburukkan agama Islam walhal itu adalah kejadian biasa berkaitan dengan individu, yang tiada kaitan dengan agama dan bangsa. Tetapi yang merumitkan kita ialah tiada tempat untuk kita meletakkan keluarga yang tertinggal ini dengan anak-anak mereka dan perkara ini kita harus mengambil berat.

Saya ingin mencadangkan, sebab itu Dewan Nur kalau dapat dihidupkan di setiap kawasan Parlimen supaya kita mempunyai tempat untuk menangani masalah-masalah yang sebegini rupa. Ya, Yang Berhormat bagi Tuaran

**Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya sebenarnya ingin bertanya kepada Yang Berhormat mengenai perkara *mix-marriage*. Di negeri Sabah *mix-marriage* ini adalah perkara yang biasa di mana berlainan agama

kahwin, cinta punya pasal. Persoalannya di sini ialah bagaimanakah kita menangani dua orang yang bercinta ini yang berlainan agama? Dia bercinta tetapi masing-masing tidak mahu meninggalkan agama dia, tetapi dia sudah bercinta, sudah beranak. Bagaimanakah kita mengatasi masalah ini, bagaimana kita menangani? Itu persoalan pertama.

Yang kedua, apabila sudah berkahwin, kalau di Sabah misalannya dia berkahwin melalui Mahkamah Anak Negeri, sebab ini dibolehkan, kedua-duanya anak negeri, maknanya mereka *native*. Jadi apabila beranak, dia diminta mengambil surat beranak di Jabatan Pendaftaran, maka di situlah timbul masalah sebab apa nama hendak diberi kepada anak dia dan pada ibu bapa dan sebagainya, dan pihak berkuasa agama tertentu akan menuntut supaya yang seorang masuk agama ini dan yang seorang lagi masuk agama itu. Apabila perkara ini berlaku kadang-kadang keluarga itu berpecah, bercerai. Bagaimanakah kita mengatasi masalah ini? Dalam soal ini Yang Berhormat apakah peranan kementerian atau kerajaan dalam menangani masalah ini? Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Petra Jaya, sila gulung.

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** Untuk keadilan, kalau diizinkan saya hendak menjawab persoalan oleh Yang Berhormat bagi Tuan. Jadi perkara ini saya rasa, itu yang saya cadangkan ditubuhkan satu jawatankuasa di mana badan agama diwujudkan untuk kementerian mengambil kira perkara-perkara yang begitu rupa. Saya boleh juga menjemput Yang Berhormat bagi Tuan dan semua Ahli Yang Berhormat di sini untuk datang pergi ke Sibu dan Mukah, di mana kita mendapat contoh yang baik bukan sahaja pelbagai bangsa tetapi pelbagai agama duduk serumah. Dan saya rasa menteri yang bertanggungjawab bolehlah melawat untuk melihat bagaimana mereka boleh dapat hidup dengan harmoni sekali, faham-memahami, dapat hidup dalam aman, memahami satu sama lain. Jadi untuk itu, Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang bercakap.

**Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Menteri dijemput menjawab. Cukup Yang Berhormat bagi Sik. Petang ada lagi boleh bercakap.

**12.58 tgh.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili]:**

Terima kasih Tuan Pengerusi kerana sampai masanya bagi saya untuk menggulung perbahasan di peringkat Jawatankuasa bagi Maksud P.6 Jabatan Perdana Menteri yang berkaitan dengan dua perkara induk iaitu perkara FELDA yang mana satu orang sahaja yang menyentuh dan perkara berkaitan perpaduan negara.

Bagi pihak Jabatan Perdana Menteri saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang mana sejumlah tujuh Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan di peringkat Jawatankuasa ini berkaitan dengan perkara-perkara di bawah Kepala B.6 dan P.6 iaitu Jabatan Perdana Menteri yang berkait dengan apa yang saya sentuh tadi, iaitu perkara-perkara FELDA dan perkara-perkara perpaduan dan integrasi nasional.

Beberapa perkara telah pun dibangkitkan, hanya saya katakan di sini bahawa sebahagian besar perbahasan pada mulanya itu adalah berkaitan dengan perkara-perkara dasar yang seharusnya dibangkitkan di dalam perbahasan dua hari yang lalu sampailah kepada hari kelmarin, dan tanggungjawab saya ialah untuk menggulung perkara-perkara yang dibincangkan di bawah kepala-kepala tertentu di peringkat Jawatankuasa sebagaimana yang saya sentuhkan tadi.

Yang Berhormat bagi Ipoh Timur membangkitkan beberapa perkara pokok, perkara-perkara asas dan walaupun saya setuju bahawa perkara-perkara di bawah Butiran Maksud P.6 dan B.6 ini adalah sekadar pemindahan peruntukan, satu, bagi peruntukan di bawah B.6 iaitu berkaitan dengan perpaduan negara yang dahulunya di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dan sekali gus telah pun dipindahkan kepada Jabatan Perdana Menteri. Bagi perkara FELDA di bawah Kepala 1600, ini juga telah dibutirkan di dalam Belanjawan 2004 dan dibahaskan di Dewan yang mulia ini dan sekarang dipindahkan daripada Kementerian Pembangunan Tanah dan Wilayah sekali gus kepada Jabatan Perdana Menteri di bawah jagaan dan kawalan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Menteri, boleh sambung sebelah petang.

***Majlis Mesyuarat bersidang semula.***

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang..



***Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

***Majlis bersidang dalam Jawatankuasa***

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri, sila sambung.

**2.32 ptg.**

**Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Seperti mana yang saya sentuh kan tadi dalam permulaan penggulungan saya, sejumlah tujuh orang Ahli-ahli Yang Berhormat telah pun mengambil bahagian dalam perbahasaan bagi butiran-butiran peruntukan di bawah Jabatan Perdana Menteri iaitu berkaitan dengan dua perkara khusus, di bawah perkara butiran FELDA dan di bawah Kepala Butiran Jabatan Perpaduan Negara.

Dalam perkara ini Tuan Pengerusi, banyak perkara yang telah disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Namun demikian banyak juga yang lari daripada Kepala-kepala yang diperuntukkan, perkara-perkara yang berkaitan dengan dasar. Saya hampir sembilan tahun sebagai *backbencher* di Dewan ini dan dalam masa yang sama dalam Dewan Undangan Negeri, sentiasa dipimpin oleh Speaker bahawa dalam perbahasaan peringkat jawatankuasa itu, haruslah ditumpukan kepada perkara-perkara butiran tersebut khasnya dari segi penggunaan wang-wang tersebut dan seterusnya.

Walaupun saya difahamkan juga bahawa boleh menyentuh tentang dasar bagi butiran-butiran tersebut, namun demikian saya akan menyentuh dalam jawapan ini sebahagian daripada mana-mana yang relevan kepada tajuk-tajuk tersebut. Beberapa Ahli Yang Berhormat daripada *backbencher*, dengan izin, juga telah turut memberi ulasan lalu meringankan tugas saya pada petang ini.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timur mengambil masa yang begitu banyak untuk menyentuh satu perkara. Perkara yang beliau sentuh ada kaitannya dengan perpaduan juga iaitu soal negara Malaysia sebagai negara Islam. Saya ingin menyentuh di sini bahawa perbincangan dalam perkara ini telah pun

disentuh dalam penggulungan tempoh hari oleh Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri. Saya cukup yakin bahawa dalam perbincangan-perbincangan tersebut, sambil saya membaca *Hansard* yang telah pun tersedia bahawa kebanyakan perkara ini telah pun dijawab. Saya hanya menyentuh bahawa apa yang ditekankan dalam penjelasan ataupun ucapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ialah Malaysia memenuhi ciri-ciri sebagai negara Islam dan diperakui oleh Majlis Fatwa dan juga negara-negara OIC.

Soalnya adakah Perlembagaan masih wujud...

**Tuan Lim Kit Siang:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili:** ...masih berkaitan dan seterusnya mengenai pelantikan Perdana Menteri tidak timbul kerana kita berbicara tentang ciri-ciri yang membolehkan Malaysia diiktiraf sebagai negara Islam.

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan, mengenai Malaysia memenuhi ciri-ciri yang ada dijelaskan oleh ulama-ulama mengenai negara Islam. Bukankah di antara ciri-ciri yang ada disebut bahawa negara ini diperintah oleh orang Islam khasnya apabila dirujuk kepada ketua kerajaan atau Perdana Menteri. Itulah silap dan salah oleh kerana Perlembagaan Negara tidak mengkhususkan atau *exclusively* bahawa jawatan ini barulah boleh dipegang oleh seorang Muslim.

Kedua, bukannya bahawa apabila menyebut ciri-ciri yang ada bertentangan dengan sosial kontrak dan asas Perlembagaan Negara bahawa Malaysia adalah sebuah negara sekular demokrasi, Islam agama resmi tetapi bukan *Islamic State*, ini ada bercanggah dan perkara ini perlu dijelaskan supaya tidak timbul syak wasangka atau kekeliruan mengenai kedudukan yang sebenarnya Malaysia. Tadi Yang Berhormat bagi Kota Bharu berkata ini *not issue*, bukannya ini satu kesilapan yang besar khasnya apabila ada pemimpin-pemimpin Barisan Nasional semacam Presiden GERAKAN selepas Pengisytiharan 929 mengatakan bahawa Malaysia sudah menjadi negara Islam bukan tahun 2001 tetapi semenjak kemerdekaan tahun 1957. Ini menunjukkan bagaimana *run-away interpretation* betapa bahaya yang boleh berlaku.

**Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tuan Pengerusi, saya rasa perkara yang timbul dan yang disentuh oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timur khususnya perkataan Ketua Negara yang biasa ataupun kita takrif sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Jadi dalam Perlembagaan pun itulah perkataan

yang disentuh. Soal Perlembagaan Negara berkaitan dengan pelantikan Perdana Menteri itu masih kekal dan kukuh di dalam Perlembagaan Negara kita.

Dari segi soal pengertian *Islamic State* ataupun negara Islam, saya sebagai Menteri bertanggungjawab kepada perpaduan, hanya boleh mengatakan bahawa dalam perkara ini pihak Kerajaan Barisan Nasional telah pun membuat satu pembentangan dalam Dewan yang mulia ini pada tahun 2001. Kerajaan Barisan Nasional telah menerima pendekatan definisi *Islamic State* tersebut dan hanya antara itulah parti saya, Parti Bersatu Sabah telah kembali kepada Barisan Nasional kerana kita bersetuju dengan pendekatan dan definisi *Islamic State* yang memang jauh daripada pendekatan dan definisi yang diberikan oleh PAS.

Jadi, dalam perkara ini saya sedia maklum bahawa perlulah ada penjelasan-penjelasan yang lebih meluas supaya kekeliruan itu tidak timbul...

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tidak mahu membangkitkan hal PBS tetapi oleh kerana Yang Berhormat Menteri sendiri ada menyebutkan soal pendirian parti beliau apabila balik semula kepada Barisan Nasional. Benar saya bersetuju dengan beliau bahawa pendirian PAS mengenai *Islamic State* sangat jauh daripada apa yang dimaksudkan oleh Perlembagaan Negara tetapi bukannya Pengisytiharan 929, pendirian Barisan Nasional mengenai *Islamic State* di mana Yang Berhormat ada mengatakan parti beliau ada menerima, walaupun keluar jauh daripada sosial kontrak itu.

Bagaimana PBS boleh menerima apabila ini satu yang bertentangan bukan sahaja sosial kontrak tetapi *20 points*, asas di mana Sabah dan Sarawak masuk dan menyertai penubuhan Malaysia. Adakah PBS sudah mengambil satu pendirian menentang atau untuk mengetepikan *20 points* oleh kerana mahu masuk dalam Barisan Nasional.

**Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tuan Pengerusi, saya rasa tuduhan ataupun soalan yang cukup dalam itu tidak payah saya mengambil masa untuk menjawabnya. Isu 20 perkara ini seperti mana sejarahnya ia diterjemahkan seterusnya kepada Perjanjian Malaysia khususnya kepada Perlembagaan Negara dan kita sedia maklum beberapa bahagian daripada *point* tersebut telah pun dirundingkan bersama dan tidak ada lagi dalam bentuk seperti asal.

Namun pokok-pokok, tiang-tiang asas itu masih di situ seperti saya jawab pada minggu yang lalu soal penggunaan pasport ataupun IC dengan Borang 114 itu,

antaranya tiang-tiang yang masih dipegang begitu *close to their heart*, dengan izin, oleh negeri-negeri tersebut. Jadi, ini tidak mengabaikan mana-mana. Kita membantu Kerajaan Barisan Nasional dalam proses rundingan supaya negara kita kuat dan kukuh, wilayah itu rapat dan berintegrasi dan sekali gus boleh maju jaya ke hadapan.

Tuan Pengerusi, saya ingin maju terus kepada perkara-perkara yang disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Jika ada perkara-perkara yang berkaitan dengan *Islamic state*, dengan izin, bolehlah ditujukan kepada menteri-menteri yang dipertanggungjawabkan dalam perihal ini.

Tuan Pengerusi, seterusnya Yang Berhormat bagi Jerai telah menyentuh beberapa perkara dan saya ingin menekankan di sini bahawa – beliau tidak ada di sini – pandangan-pandangan yang diberi oleh beliau itu adalah pandangan-pandangan yang baik dan kita boleh gunakan sebagai input kepada segala perancangan dan penggabalan dasar serta program di bawah kementerian ini.

Beliau mengatakan bahawa terdapat pelbagai bahasa yang terlibat di kalangan kaum kita dan memanglah ini antara kekuatan negara kita. Kita ada sebuah negara yang berbilang kaum, bangsa dan agama dengan keunikan masing-masing, dengan kekuatan masing-masing dan semua ini digabungkan untuk diintegrasikan ke arah mewujudkan satu bangsa Malaysia yang unik kepada Malaysia. Jadi, semuanya diberi perhatian dan beliau mengatakan bahawa...

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili:** ...dalam perkara ini...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Kinabatangan.

**Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Kinabatangan, ya.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Boleh, terima kasih Tuan Pengerusi. Untuk mewujudkan satu bangsa Malaysia, pepatah Melayu ada menyatakan, “melentur buluh, biar dari rebungunya”. Ini bermakna kena bermula daripada generasi yang muda untuk memupuk satu bangsa Malaysia yang mengetahui akan kewujudan bangsa Malaysia itu sendiri. Hari ini kita masih melihat tuntutan demi tuntutan, misalnya kerajaan menganjurkan sekolah kebangsaan. Bererti sekolah kebangsaan, semua kaum di situ – Melayu, Cina, India, ini belum masuk etnik dari Sabah dan Sarawak. Kalau di Sabah ini ada Bajau, Sungai, Murut, Dusun, Kadazan dan di Sarawak ada Iban, Melanau, apa semua.

Bagaimana kalau semua suku bangsa ini, Bidayuh dan sebagainya meminta kerajaan mewujudkan sekolah jenis kebangsaan suku mereka. Adakah kerajaan boleh memenuhi tuntutan ini? Kalau tidak, adakah kerajaan akan cuba mengadakan satu pendekatan bahawa memastikan *compulsory* sekolah kebangsaan itu untuk rakyat Malaysia keseluruhannya. Minta penjelasan.

**Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Yang Berhormat bagi Kinabatangan, terima kasih atas pandangan tersebut. Sebenarnya perkembangan dan pengajaran bahasa ibunda ini dilindungi bukan sahaja oleh Perlembagaan kita tetapi khasnya Dasar Pendidikan Negara yang membolehkan kita di bawah *People's Own Language*, dengan izin, memohon, kalau saya tidak silap, 13, anak ke sekolah boleh memohon satu kelas wajib di bawah Dasar Pendidikan Negara.

Atas inilah, dengan izin, *medical school*, sekolah-sekolah vernakular ini masih wujud dan kerajaan akan terus menyokongnya. Di bawah bahasa-bahasa lain, misalnya bahasa Kadazandusun dan bahasa Iban, ini sedang dan telah pun dipertimbangkan dan diajar di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Minta penjelasan lagi, boleh?

**Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Saya siapkan dahulu. Bahkan di Universiti Malaya ada kerusi *professorship* dalam bidang bahasa Iban dan di negeri Sabah walaupun belum ada *chair* untuk Kadazandusun, dengan izin, tetapi *chair* untuk tujuan tersebut telah pun diperbincangkan. Jadi, sesiapa sahaja boleh memohon di bawah Dasar Pendidikan Negara dan akta tersebut, asalkan memenuhi syarat-syaratnya.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Kita bukan mempertikai Perlembagaan Negara ataupun Akta Pendidikan itu sendiri tetapi persoalan yang kita hadapi, tidakkah sistem ini akan memergoyahkan hubungan kaum kita di negara ini. Dan ini saya lihat tidak akan membantu kita untuk menyelesaikan permasalahan kaum ini sebab kaum masing-masing menganggap dia ada kepentingan, ada keuntungan, ini terpinggir, tertinggal dan sebagainya.

Saya rasa dengan adanya kalau kita benar-benar rakyat Malaysia yang berjiwa Malaysia, kita cuba fahami apa tuntutan negara kita pada hari ini. Mungkin pendekatan yang kita gunakan sudah 30 atau 40 tahun. Tidak salah untuk kita berhijrah demi untuk kebaikan. Minta penjelasan.

**Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Dasar dan pendekatan negara Malaysia di dalam soal memupuk perpaduan rakyat dan integrasi ini ialah kekuatan kita dalam soal *unity and diversity*, dengan izin, iaitu perpaduan atau kesatuan di dalam konteks kepelbagaian.

Dalam soal ini, kerajaan dalam soal memelihara kepentingan rakyat khususnya dalam bidang perpaduan dan integrasi sentiasa mengamalkan mana-mana suku kaum, bukan sahaja di peringkat sekolah untuk memohon, saya katakan tadi kelas dalam bahasa ibunda, tetapi dalam mana-mana penggunaan bahasa di peringkat Persekutuan atau dalam konteks yang lain kerana kerajaan berpendapat bahawa keunikan kita yang begitu banyak ini tidak menghalang untuk kita bersatu padu, bahkan dia adalah aset negara untuk mewarnai dan mempelbagaikan ciri-ciri kita. Yang penting ialah toleransi dan sikap sederhana untuk memelihara kepentingan negara.

**Puan Chong Eng:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat...

**Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Jadi, inilah dasar kerajaan...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili:** ....kekuatan kita dalam kepelbagaian. Tetapi asalkan sahaja kita memelihara kepentingan negara dan tidak ekstremis dengan pendekatan-pendekatan kita, tidak *chauvinistic*, dengan izin....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili:** ....dan kita cukup yakin negara akan terus berkembang dengan kuat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Bukit Mertajam.

**Puan Chong Eng:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya gembira Yang Berhormat Menteri masih ingat bahawa negara ini memang dalam Rukun Negara ada menyatakan bahawa kita perlu saling hormat-menghormati. Kebudayaan yang majmuk ini adalah satu kekuatan untuk negara ini. Saya rasa adalah penting untuk Yang Berhormat yang menjaga perpaduan dalam Jabatan Perdana Menteri bahawa kita perlu jelas bahawa perpaduan adalah untuk semua rakyat.

Kita mesti bersatu padu sebagai rakyat negara ini. Kalau ada mana-mana negara lain yang akan menyerang kita, tidak kira bangsa apa, saya rasa semua rakyat Malaysia akan mempertahankan negara ini. Tetapi kita tidak boleh mengatakan

perpaduan dari segi budaya kerana budaya adalah berlainan. Kita tidak boleh kata semua orang Melayu, Cina...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng:** ....atau India...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah, cukuplah.

**Puan Chong Eng:** ...mestilah mempunyai satu kebudayaan. Hanya itulah yang dikatakan perpaduan. Kita ada cara hidup yang berlainan. Kita ada makanan...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat...

**Puan Chong Eng:** ...yang berlainan....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukup.

**Puan Chong Eng:** ...kita pakai pakaian pun berlainan. Kita tidak boleh katakan hanya ataupun kita ada bahasa yang berlainan. Kita tidak boleh mengatakan hanya..

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng:** ...dengan satu uniform....

**Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Minta penjelasan...

**Puan Chong Eng:** ...mengatakan makan satu...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** ...bukan membuat ucapan. Cukuplah.

**Puan Chong Eng:** Ya, ini akan sampai kepada penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri fahamlah.

**Puan Chong Eng:** Jadi, tidak boleh katakan kita hanya makan satu makanan yang sama, pakai satu pakaian yang sama, cakap satu bahasa yang sama, pergi ke sekolah yang sama...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, cukuplah Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng:** ...barulah itu dikatakan perpaduan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukup, Menteri boleh jawab.

**Puan Chong Eng:** Jadi, apakah pandangan Menteri...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng:** ...saya rasa Menteri ini adalah sangat penting.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, cukuplah.

**Puan Chong Eng:** Dia perlu jelaskan dengan konsep-konsep ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri, saya...

**Puan Chong Eng:** Bolehkah dapat pandangan Yang Berhormat Menteri?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** ...saya suka mengingatkan...

**Puan Chong Eng:** *Thank you.*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** ....kita sekarang di peringkat Jawatankuasa dan ada lagi 14 kementerian untuk kita bangkitkan.

**Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Okey, terima kasih Tuan Pengerusi, saya akan habiskan secepat mungkin perkara-perkara pokok sahaja yang dibangkitkan. Mengenai dengan apa yang disentuh oleh Yang Berhormat dari Bukit Mertajam, saya tidak sentuh perkara tersebut, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat sekadar memperkukuhkan pandangan kerajaan, tetapi Yang Berhormat juga hendaklah memainkan peranan supaya sifat-sifat ekstremis, sifat-sifat *take an advantage*, dengan izin dan seterusnya sudah dibekukan. Yang Berhormat dari Kinabatangan sentuh tadi, dia tanya saya, bolehkah begitu? Saya katakan, "tidak boleh", inilah dasar kerajaan iaitu perpaduan, kesatuan dalam kepelbagaian dan inilah kekuatan negara Malaysia,. yang saya katakan tadi antara negara-negara yang disegani oleh negara-negara lain di rantau ini dari segi pencapaian perpaduan dan integrasi yang berwibawa.

Tuan Pengerusi, saya ingin teruskan, sebenarnya Yang Berhormat Jerai mengatakan tadi dalam soal bagaimana menyatupadukan sekolah-sekolah tersebut dan seterusnya mengatakan bahawa membentuk Sekolah-sekolah Wawasan, pendekatan kerajaan khususnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ialah menjadikan sekolah-sekolah yang sedia ada itu sebagai Sekolah Wawasan sambil kita membina sekolah-sekolah baru. Kita perkasakan sekolah-sekolah dan ciri-ciri yang ada, bentuknya dari segi meningkatkan infrastruktur dan fasilitas-fasilitas dan sekali gus memelihara ciri-ciri yang sedia ada, di mana ciri-ciri tersebut membangun dan membantu kerajaan mencapai perpaduan dan seterusnya.

Jadi itu telah disentuh oleh Yang Berhormat dari Jerai, Yang Berhormat dari Kinabatangan telah pun membangkit sekali lagi tadi, sememangnya Perlembagaan dan Ruku Negara adalah tiang utama dan semuanya gerakan dan usaha kerajaan untuk memupuk perpaduan dan apa juga yang dilakukan oleh program-program kerajaan memanglah tidak lari daripada semua prinsip dan ideologi yang terkandung di dalam kedua-dua dokumen utama ini. Dan seterusnya panduan yang diberi oleh wawasan dokumen, Wawasan 2020 kita cukup yakin bahawa usaha kerajaan dan



negara kita untuk membentuk bangsa Malaysia yang unik itu akan dapat tercapai dalam jangka masa yang panjang.

Yang Berhormat daripada Sri Aman telah membangkitkan beberapa perkara. Satu daripadanya ialah soal cuti awam ataupun cuti umum bagi perayaan-perayaan kebudayaan yang besar-besar seperti Perayaan Pesta Keamatan dan seterusnya Perayaan Hari Gawai. Ini bukanlah perkara baru seperti saya sentuhkan dalam ucapan penggulungan pada minggu yang lalu, kerana ia telah pun dibawa kepada peringkat tertinggi dan dibincang oleh Kabinet. Hanya pada saat ini difikirkan bahawa barangkali terlampau banyak *public holidays* yang ada di dalam senarai kita mengikut pendekatan antara banyak *public holidays*, namun pihak kerajaan sentiasa terbuka untuk menimbang kembali perkara ini kerana memanglah menjadi suatu perkara yang penting dan pihak wakil-wakil rakyat dan Ahli-ahli Parlimen dari Sabah dan Sarawak pada masa yang lampau pun telah memohon supaya dipertimbangkan, agar hari Perayaan Pesta Keamatan dan Hari Gawai itu dijadikan sebagai satu perayaan yang melibatkan cuti awam. Pada saat ini sebenarnya ia sudah menjadi satu perayaan peringkat kebangsaan pada 28hb yang lalu, inilah perayaan peringkat Kebangsaan Pesta Keamatan dan pada 12hb ini iaitu hari Sabtu ini ada perayaan peringkat Kebangsaan bagi Pesta Gawai.

Saya mohon maaf jika ada barangkali kekurangan ataupun kecacatan di mana pada masa-masa lampau Ahli-ahli Yang Berhormat dijemput, tetapi fahamlah kerana ada pertukaran sedikit Kementerian. Dahulu perayaan hari terbuka ini dianjurkan oleh Kementerian Pelancongan dan sekarang di bawah Kementerian Kesenian, jadi pada masa yang sama ada kekeliruan sedikit, namun perkara ini kita ambil perhatian Tuan Pengerusi.

Seterusnya beliau telah mengatakan dan menyentuh soal atau perkara berkaitan dengan usaha-usaha untuk membangunkan perpaduan, juga dari segi integrasi Sabah dan Sarawak dan Semenanjung. Beliau menyentuh khususnya soal kenaikan harga yang pihak berkuasa barangkali secara kebetulan sahaja tarif kenaikan tersebut pun diluluskan oleh pihak Kabinet, masa permulaannya terkenal kepada masa-masa Perayaan Pesta Keamatan dan Pesta Gawai di Sarawak. Bukan kerana pihak kerajaan lupa bahawa orang Iban, orang Kadazan, orang Dusun makan daging ayam juga, tetapi hanya pada masa tersebut apabila telah dikaji maka itulah

tempoh yang terbaik untuk pelaksanaannya. Jadi kita ambil perhatian kepada Yang Berhormat pada masa-masa akan datang.

Seterusnya berhubung dengan beberapa perkara yang disentuh oleh Yang Berhormat Sri Aman tentang soal, apabila dalam pengambilan kakitangan dan pegawai-pegawai kerajaan supaya lebih berasas kepada populasi kaum, supaya dalam masa-masa perayaan kelihatan pejabat-pejabat ataupun syarikat-syarikat kerajaan itu tidak tercacat perkhidmatannya kerana kelihatan apabila sesuatu perayaan itu bagi sesuatu kaum itu diadakan, tidak ada suku kaum lain yang menjalankan tugas. Saya cukup yakin ini tidak terjadi, tetapi barangkali terlampau banyak juga orang lain yang mahu cuti pada masa sesuatu perayaan itu diadakan dan perkara ini kita akan kemukakan kepada pihak JPA.

Saya rasa itu sahaja yang disentuh oleh Yang Berhormat daripada Sri Aman. Bagi Yang Berhormat dari Kepong saya ingin sentuh di sini bahawa dalam perbahasan pertama beliau, beliau *out of point*, sebab dia sentuh perkara FELDA, perkara FELDA kebanyakan berkaitan dengan perkara jalan kampung. Beliau bahas tanah rizab iaitu RM10 sahaja itu, biasanya kita tidak bahas peruntukan untuk RM10. Namun demikian dari segi dasarnya pihak kerajaan dalam soal membangun tanah di FELDA, ia hanya membangun tanah yang telah diluluskan oleh kerajaan negeri. Namun demikian di dalam peruntukan sebelum ini telah pun dicadangkan untuk mengadakan peruntukan bagi pembangunan tanah rizab Orang Asli, tujuannya ini adalah membangunkan satu kawasan di Sendorong kawasan Lipis berjumlah 12, 000 hektar. Namun demikian sampai sekarang oleh sebab belum putus perbincangan di kalangan suku kaum Orang Asli itu sendiri, maka ini telah pun dipindahkan sehinggalah kepada perkara soal milik dan soal kepentingan Orang Asli yang mana mereka sendiri hanya boleh diputuskan dan dapat diselesaikan.

Dari segi saranan beliau, Yang Berhormat Kepong menyentuh berkaitan dengan kurikulum tabika yang tidak diseragamkan, sebenarnya di dalam Dewan yang mulia ini kita telah meluluskan kalau saya tidak lupa pada tahun 1998 atau selepas itu, iaitu satu akta berkaitan dengan kurikulum dan juga pelaksanaan tabika. Jadi pada saat ini sebenarnya saya difahamkan bahawa Kementerian Pelajaran sedang dan telah memulakan untuk mengkoordinasikan semua kurikulum bagi perkhidmatan-perkhidmatan tabika. Bagi tabika perpaduan dan tabika kemas sebenarnya ini telah pun menggunakan kurikulum baru yang telah diselaraskan oleh pihak jabatan

pelajaran. Hanya ada masalah sedikit ialah di peringkat tabika-tabika swasta yang masih lagi sukar untuk memenuhi syarat-syarat yang ditentukan oleh pihak Kementerian Pelajaran.

Bagi tabika perpaduan saya ingin maklumkan di sini bahawa kita mempunyai 1,246 tabika perpaduan di seluruh negara dan jumlah kanak-kanak ialah 36,811 begitu banyak dan semua tabika ini menggunakan kurikulum yang diselaraskan oleh Kementerian Pelajaran.

Seterusnya kepada Yang Berhormat daripada,.....siapa yang berucap tadi itu? Yang lain menyampuk-nyampuk sahaja seperti Bukit Mertajam, Cameron Highlands dan .....

**Puan Chong Eng:** *[Bangun dan menyampuk]*

**Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili:** *Address to me*, dengan izin.

**Puan Chong Eng:** Terima kasih, tadi saya tidak dapat peluang untuk ucap tetapi hari itu Yang Berhormat Tanjong sudah membawa satu isu di mana orang bukan Islam, semasa mereka hendak cerai, khasnya si suami itu, apabila hendak cerai isteri dia, dia tidak mahu bagikan harta kepada isteri dan juga tidak mahu beri *guardianship/custody* anak dia, jadi dia masuk Islam. Jadi saya rasa ini akan membawa yang tidak baik.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, bila kita minta penjelasan, sekurang-kurangnya perkara itu disentuh oleh Menteri yang sedang menjawab.

**Puan Chong Eng:** Saya faham itu, Tuan Pengerusi tetapi hari itu Yang Berhormat....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya faham..

**Puan Chong Eng:** Yang Berhormat Menteri tidak menjawab, jadi saya hanya hendak – saya tidak tahu sama ada mereka ada catat ataupun mereka tidak ada masa untuk jawab. Jadi, saya hanya hendak membawa sekali lagi supaya dapat perhatian...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah, cukuplah...

**Puan Chong Eng:** Ini adalah sangat penting kerana mungkin di kawasan Tuan Pengerusi.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Itu lain cerita, Yang Berhormat, lain cerita.

**Puan Chong Eng:** ...pun akan berlaku macam itu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya selaku Pengerusi perlu menjalankan tugas saya mengikut Peraturan Mesyuarat...

**Puan Chong Eng:** Ya, ya, ya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah, cukuplah, Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri sudah habis.

**Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Ada lagi. Mengenai perkara tersebut, biarlah Menteri yang bertanggungjawab dalam Hal Ehwal Islam, di Jabatan Perdana Menteri menjawabnya.

Tentang soal perpaduan di peringkat keluarga kita utamakan juga...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Apa lagi Yang Berhormat bagi Sri Gading?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Soal kementerian di bawah Menteri yang berkenaan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Apa cukup, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Apa masalah, apa soalan?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya hendak tanya tentang Rukun Tetangga.

**Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Saya sentuh tadi, memanglah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional mementingkan juga soal perpaduan di peringkat keluarga, kerana di peringkat pokok dan asas inilah yang harus perpaduan ini dipupuk, dan pihak kita akan memberi pandangan dan menyusuli dengan Menteri yang bertanggungjawab mengenai hal ehwal Islam berkaitan dengan masalah keluarga yang timbul itu. Okey! Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih, Tuan Pengerusi dan terima kasih Timbalan Menteri. Eh! Menteri, minta maaf. Tahniah dia naik pangkat, dia patut pun naik pangkat, dah lama patut jadi Menteri.

Ini soal Rukun Tetangga, apa cerita sekarang. Cerita ini apa sekarang. Sudah tidak dengar, sudah tidak kedengaran. Sudah tidak apa ....*[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, perkara ini kerana tidak dibangkit..

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Bangkit.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** ...Macam mana Menteri boleh jawab.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Dia boleh jawab, Tuan Pengerusi, dia pasti boleh jawab. Ini Menteri handal punya, Tuan Pengerusi. Pagi tadi Timbalan Menteri yang bergeliga, ini Menteri yang pintar.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, apa soalan?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Jadi, saya hendak supaya kementerian mengambil berat tentang Rukun Tetangga ini, kerana Rukun Tetangga ini bukan sahaja masalah keselamatan tetapi yang terpenting ialah bagaimana hendak mewujudkan muhibah, perpaduan di kalangan masyarakat. Masyarakat bandar, Tuan Pengerusi, kadang-kadang sebelah rumah pun dia tidak kenal, tidak kenal. Dia tidak hendak ambil tahu pun. Jadi, agaknya Rukun Tetangga ini diberi nafas baru di bawah Menteri yang baru, supaya dia lebih berfungsi dan memberikan faedah dari segi integrasi kaum, perpaduan kaum, persefahaman kaum, kerjasama kaum, tolong-menolong kaum, dan kalau ini semua boleh kita laksanakan, perpaduan nasional akan mudah diwujudkan.

Kalau ini dapat kita tingkatkan, lebih daripada masa-masa yang lalu. Saya minta agaknya Yang Berhormat Menteri boleh memikirkan satu peranan baru, suasana baru, Menteri baru, Perdana Menteri baru, kerajaan baru, untuk menentukan peranan Rukun Tetangga benar-benar berfungsi bagi menyatupadukan rakyat dalam satu-satu kawasan dan kalau semua kawasan berpadu, maknanya perpaduan negara akan mudah diwujudkan. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Sri Gading. Sebenarnya saya harap tadi, Yang Berhormat akan membahaskan kerana itulah yang saya jangkakan daripada Yang Berhormat tetapi jelaslah tidak berucap tadi. Namun demikian, Rukun Tetangga sebenarnya di bawah butiran inilah sebahagian peruntukan yang telah kita pindah dari Kementerian Perpaduan dan Pembangunan Masyarakat dahulu dipindahkan kepada Jabatan Perdana Menteri untuk tujuan beberapa hal dan perkara asas, antaranya ialah Projek Pusat Aktiviti Perpaduan, RM3.9 juta diperuntukkan, iaitu tiga tempatnya di seluruh negara.

Bangunan ini menggunakan peruntukan kira RM1.5 juta dan bagi peruntukan yang sama sebanyak 23 pusat Rukun Tetangga akan dibina. Jumlah peruntukan RM3.29 seperti mana dalam Butiran 3.462. Untuk makluman Yang Berhormat, kita

mempunyai setakat ini 2,739 buah Rukun Tetangga. Liputannya dari segi jumlah masyarakat ialah hampir kira-kira RM8 juta. Ia masih memainkan peranan sebagai satu badan yang begitu penting bagi kerajaan, ia dianggap sebagai satu NGO kerajaan dan untuk makluman Yang Berhormat, kita sedang membuat semakan-semakan dari segi aktiviti-aktiviti mereka, dan akan menganjur kursus-kursus kepimpinan dengan pendekatan bahawa RT ini perlu dibentuk bagi RT alaf baru.

Di bawah RT ini, saya katakan RT-RT ini saya sentuh tadi 1,246 buah Tadika Perpaduan di bawah koordinasi mereka dengan Jabatan Perpaduan Negara. Kita akan terus memastikan supaya penubuhan-penubuhan Rukun Tetangga dijalankan sesuai dengan minat dan kepimpinan di kawasan-kawasan tersebut. Kejayaan mana-mana Rukun Tetangga, Tuan Pengerusi adalah tertakluk kepada kepimpinan di peringkat kawasan tersebut, kerana ia adalah badan NGO, badan sukarela.

Dan, satu daripada aktiviti yang sedang kita lancarkan ialah peranan RT dari segi membantu dalam pencegahan jenayah iaitu Peronda RT. Pihak jabatan telah mengenal pasti 234, *two, three, four*, dengan izin, jumlah kawasan yang berisiko tinggi di mana badan ataupun peronda akan ditubuhkan. Ia ditubuhkan dengan bantuan Jabatan Perpaduan Negara dan kita beri geran RM2,400 untuk baju-baju dan pihak polis sedia memberi taklimat keseluruhan. Kita harap bahawa jika .....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Geran tidak cukup, Tuan Pengerusi. RM2,400 itu tidak cukup. Banyak keluhan dari RT di bawah minta geran ini dilipatgandakan. Yang Berhormat perjuangkanlah, kita sokong. *No, problem.*

**Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Kita mulakan dahulu dengan itu sebab ini seperti yang saya katakan tadi adalah badan sukarela dan ada juga keluhan tidak mencukupi, kalau *success* di dalam 234 Rukun Tetangga- Rukun Tetangga yang akan menubuhkan rondaan sukarela ini, maka kita akan memperluaskannya dan jika soal peruntukan tersebut menjadi halangan, Yang Amat Berhormat telah memberi jaminan bahawa apa juga untuk perpaduan dan membentuk semangat di mana kita membantu polis untuk menjaga keselamatan dan menjaga jenayah, beliau katakan, asal digunakan dengan betul, beliau sentiasa mendengar apa juga keperluan demi perpaduan dan integrasi.

Tuan Pengerusi, saya rasa itu sahaja yang saya ingin sentuh....

**Tuan Liow Tiong Lai:** Minta laluan sedikit sahaja.

**Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Okay.

**Tuan Liow Tiong Lai:** Hanya hendak sentuh fasal memandangkan Pegawai Perpaduan memainkan peranan yang amat penting di peringkat daerah, peringkat kampung, kalau boleh tolonglah naikkan pangkat jawatan-jawatan perpaduan di peringkat daerah itu, agar mereka boleh juga duduk sama di dalam Jawatankuasa Pembangunan. Sehingga hari ini, tidak ada Pegawai Perpaduan dalam jawatankuasa pembangunan. Kita hendak jemput pun susah. Tidak tahu bagaimana hendak mainkan peranan untuk bersama-sama dengan jabatan-jabatan lain, sama-sama kita dapat meningkatkan lagi prestasi Jabatan Perpaduan di peringkat daerah. Terima kasih.

**Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Terima kasih. Cadangan Yang Berhormat itu baik sekali, ini dalam perhatian pihak jabatan dan kementerian di Jabatan Perdana Menteri. Sebenarnya cadangan pertama telah pun dimajukan kepada pihak JPA supaya menaikkan taraf Pegawai-pegawai Perpaduan dan Pengarah-pengarah Perpaduan supaya setaraf dengan jabatan-jabatan yang lain. Memandangkan perihal perpaduan itu amatlah penting.

Tuan Pengerusi, setakat itu sahaja jawapan-jawapan saya, mana-mana isu yang tidak dijawab maka kita boleh susuli dengan perbincangan, SMS kah, e-mel kah ataupun perbincangan di luar Dewan demi untuk kemajuan perpaduan integrasi. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM104,556,731 untuk Maksud B.6 di bawah Jabatan Perdana Menteri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM104,556,731 untuk Maksud B.6 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM38,576,560 untuk Maksud P.6 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan (Penguntungan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2004 bagi tahun 2004 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM38,576,560 untuk Maksud P.6 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Penguntungan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2004.

**Maksud B.15 [Jadual] -**

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Kepala Bekalan B.15 di bawah Kementerian Luar Negeri terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat bagi Ipoh Timur. Selepas Ipoh Timur, Menteri yang berkenaan boleh menjawab.

**3.12 ptg.**

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Tuan Pengerusi, mengenai Kementerian Luar Negeri dan peruntukan khasnya mengenai Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negara dan di sini saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat bagi Kota Bharu kerana dilantik sebagai Pengerusi *Parliamentary Caucus* semua parti *Pro-Democracy Myanmar* dan saya berharap supaya Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negara pun boleh bekerjasama dengan *Parliamentary Caucus Pro-Democracy Myanmar*, bagaimana *Parliamentary Caucus* ini boleh menjalankan tugas untuk memajukan demokrasi di Myanmar. Kita tahu bahawa itu adalah satu usaha yang baik dan kita harap bahawa *Parliamentary Caucus* itu boleh berhubung dengan Ahli-ahli Parlimen negara Asean yang lain dan mungkin kita harap bahawa satu Inter-Asean *Parliamentary Caucus* mengenai *Pro-Democracy Myanmar* boleh ditubuhkan oleh kerana apa yang berlaku di Myanmar adalah satu masalah yang sangat pokok, sudah berlarutan begitu lama. Pada masa sekarang ada satu konvensyen yang diadakan di Yangon, seolah-olah satu langkah yang pertama, dengan izin, *seven-step "road map" to democracy*. Itulah langkah yang pertama tetapi langkah yang pertama itu nampaknya sudah gagal kerana tidak dapat pengiktirafan bukan sahaja oleh *National League for Democracy (NLD)*, parti pokok yang besar mengenai demokrasi ada diboikot oleh kerana Aung San Suu Kyi,

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, adakah ucapan ini ucapan dasar?

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukan. Mengenai apa yang perlu diadakan supaya demokrasi di Myanmar satu tajuk yang penting untuk ditangani oleh Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negara. Ia perlu agenda – kita bagi agenda yang mustahak dan boleh bekerjasama dengan *Parliamentary Caucus* supaya kita dapat memahami apa yang berlaku di Myanmar. *National Convention* ini tidak diiktirafkan oleh kerana Aung San Suu Kyi belum dibebaskan dan perlu dibebaskan dengan serta-merta dan Naib



Pengerusi NLD pun ada di tahanan. Apa yang berlaku sebenarnya dalam *National Convention* adalah disifatkan sebagai satu *concentration camp* di mana lebih daripada 1,000 wakil dalam *National Convention* yang di *handpicked* oleh Junta oleh SPDC adalah dianggap sebagai *under mess house arrest*. Ini bukan dikatakan oleh saya. Istilah ini *mess house arrest outside Yangon* ada digunakan oleh *United Nations Human Rights envoy* – Paulo Sergio Pinheiro yang dua kali dalam tiga bulan hendak melawat ke Myanmar oleh kerana pada bulan Julai beliau akan membuat satu laporan kepada *United Nations General Assembly* mengenai keadaan di Burma tetapi tidak dibenarkan. Bukan sahaja beliau tidak dibenarkan untuk melawat Burma sekarang untuk meninjau *National Convention* tetapi wakil khas Presiden Megawati, Indonesia, bekas Menteri Luar Ali Al-Attas pun tidak dibenarkan untuk pergi ke Burma dan juga *envoy* has Tan Sri Razali Ismail pun yang hendak pergi ke Burma sebelum *National Convention* diadakan pada 17 haribulan ini pun tidak dibenarkan. Sebab itulah semua itu kita perlu ambil perhatian.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, adakah ini semua ada berkaitan dengan Institut Diplomasi?

**Tuan Lim Kit Siang:** Supaya Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negara patut tahu. Semua isu ini mustahak dan saya harap Institut ini ada satu unit yang khas mengenai Burma, bekerjasama dengan *Parliamentary Caucus* supaya apa yang berlaku dalam Burma tidak meracuni hubungan Malaysia, Asean dengan dunia luar khususnya Eropah. Ini kerana pada bulan Oktober, kalau saya tidak silap, akan diadakan Summit Europe-Asia. *Summit Europe-Asia* ini mungkin di *postpone* oleh kerana masalah Myanmar dan Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negara perlu memikirkan satu strategi bagaimana boleh mengelakkan mala petaka forum politik ini. *Relation* antara Europe dan Asia mustahak, kalau tidak kenapa ada institut? Institut mesti ada bincang bagaimana *master plan*?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Kalau tiada dasar bagaimana boleh bincang? Kita perlukan jawatankuasa.

**Tuan Lim Kit Siang:** Institut ada kuasa dan *Parliamentary Caucus* semua ada bersangkutan paut. Saya harap oleh sebab lagi satu mala petaka yang perlu kita mengelakkan bahawa Institut ini perlu ambil perhatian dan boleh bekerjasama dengan *Parliamentary Caucus* yang kita baru tubuh ini kerana pada tahun 2006 Myanmar dijadualkan menjadi tuan rumah (*host*) bagi Asean Summit 2006. Kalau tidak diiktiraf

mungkin ini akan menjadi satu *international embarrassment*. Mana lagi ada Asean Summit dan Asean *partner* mungkin semua boikot. Ini perlu kita elakkan.

Asean perlu mengambil satu pendirian bahawa kalau pada tahun 2006 tidak ada *general election* di Burma maka patutlah Myanmar dihalau daripada Asean. *Suspend* atau *expell* Burma daripada Asean kalau pada tahun 2006 belum ada *general election*. Oleh kerana kita tidak mahu *Asean Summit* tidak boleh diadakan atau menjadi satu *international embarrassment* bukan sahaja kepada Myanmar tetapi kepada semua ahli anggota dalam Asean.

Saya harap Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negara ini boleh mengambil perhatian bukan sahaja kita boleh berjaya bagi *Parliamentary Caucus* mengenai *Pro Democracy Myanmar* tetapi satu *Asean Inter-Parliamentary Caucus* pun boleh diadakan. Saya harap Ahli-ahli Parlimen di negara-negara lain di Asean mengambil perhatian dalam perkara ini dan boleh bekerjasama dengan kita supaya kita boleh membuat satu *contribution* untuk memulihkan demokrasi di Myanmar. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Pihak kerajaan menjawab.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tuan Pengerusi, boleh saya? Sedikit sahaja. Ini Kementerian Luar ini..

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, saya sudah buat keputusan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Sedikit sahaja, Tuan Pengerusi. Saya cuma hendak buat kenyataan kita menyokong apa yang diperkatakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengenai soal Selat Melaka bahawa kita tidak mahu campur tangan luar kerana negara-negara yang berkaitan dengan Selat Melaka mampu untuk menjaga keamanan Selat Melaka daripada apa juga ancaman.

Jadi, saya menyokong penuh apa juga kenyataan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sewaktu persidangan di Singapura. Saya hendak merakamkan sokongan kita kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri atas kenyataan bahawa Selat Melaka selamat dijaga oleh negara-negara yang mempunyai sempadan dengan Selat Melaka. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, cukuplah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih.

**3.10 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Osman]:** Soalan daripada Ipoh Timor tadi sebenarnya di luar daripada tajuk yang kita bincangkan. Apa yang berada di sini sebenarnya adalah RM4.260 juta yang perlu dibiayai daripada program Institut Diplomasi dan Hubungan Luar dipindahkan daripada vot Jabatan Perdana Menteri ke kementerian luar negeri. Itu isunya. Tetapi walau bagaimanapun, menghormati Ketua Pembangkang ini saya telah mengambil segala maklumat Yang Berhormat berikan untuk ceramah saya di Institut Diplomasi dan Luar Negara selepas ini bila saya pergi berceramah, saya akan ambil *point-point* Yang Berhormat ketengahkan. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat tentang pro-demokrasi Burma yang kita punya kawan tentang *Parliamentary Caucus on Burma* ini akan bersama-sama diberi peranan oleh Kementerian Luar Negeri dapat berbincang supaya isu Burma ini dapat kita bawa ke tengah dan cari jalan penyelesaian.

Saya juga bersetuju dengan Yang Berhormat tentang *Inter-Action Parliamentary Caucus*, satu idea yang baik dan ini akan kita boleh ketengahkan dalam mesyuarat dengan Menteri-menteri Luar ASEAN. Saya ambil maklum sedikit tentang apa Yang Berhormat beritahu tadi dan insya-Allah, bila ada ceramah di Institut Diplomasi dan Luar Negara, saya akan bawa perkara ini ke atas untuk beri keterangan kepada mereka yang mengikuti kursus tersebut.

**Tuan Lim Kit Siang:** Mungkin saya boleh tambah sedikit *point-point* untuk ceramah beliau, adakah beliau sedar bahawa wakil-wakil yang menghadiri *national convention* yang ada di Yangoon tidak boleh buat kritik, tidak boleh mengkritik kerajaan Myanmar. Kalau ada buat kritikan boleh dipenjarakan 20 tahun. Ini menunjukkan bahawa ini bukan satu usaha untuk memulihkan demokrasi, tetapi apa yang dianggap sebagai satu *farce* dan sebenarnya ada dilihat dengan izin, bahawa *impression that the conference is little more than a political show, clumsily design to give the government a much needed scene of respectability*. Terima kasih.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Hal-hal yang menyentuh tentang Burma ini kita tidak ada banyak perbezaan. Jadi, selepas ini kita boleh minum kopi sama-sama kita bincang dengan lebih terperinci. Saya ingin maklumkan di sini sedikit tentang Institut Diplomasi dan Hubungan Luar ini sebenarnya ditubuhkan pada tahun 1991, ada sebanyak 50 orang kakitangan dan tugas utama adalah melaksanakan latihan

kepada pegawai-pegawai luar negara Malaysia serta pegawai-pegawai lain yang ditugaskan di luar negara. Jadi, itulah gunanya institut ini satu tempat latihan dan rasanya perkara ini tidak begitu menyentuh perkara prinsip kerana cuma RM4 juta kita pindahkan daripada vot JPM.

Saya ingin menyentuh komen rakan saya daripada Sri Gading tadi tentang sokongan tidak berbelah bagi kepada Timbalan Perdana Menteri kita. Kita bersetuju sangatlah tentang isu Selat Melaka ini kita selesaikan dengan secara kita dengan negara-negara yang berkepentingan dengan selat seperti Malaysia dan Indonesia dan kita tidak perlu pihak ketiga untuk datang menyelesaikan masalah. Walau bagaimanapun, kalau ada pihak ketiga kita boleh berbincang tentang sama-sama bertukar fikiran tentang *intelligent report*, maklumat-maklumat kerjasama dari segi teknikal dan juga *intelligent* tetapi tidak dari segi ketenteraan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM4,026,916 untuk Maksud B.15 di bawah Kementerian Luar Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM4,026,916 untuk Maksud B.15 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Maksud B.20 [Jadual] –  
Maksud P.20 [Anggaran Pem. (Penguntungan Semula Peruntukan Perbelanjaan)  
2004] -**

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Kepala Bekalan B.20 dan Kepala Pembangunan P.20 di bawah Kementerian Perdagangan dan Komoditi dikemukakan untuk dipersetujui.

*[Tiada perbahasan]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM8,000,000 untuk Maksud B.20 di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah diluluskan.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM8,000,000 untuk Maksud B.20 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM3,675,500 untuk Maksud P.20 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2004 bagi tahun 2004 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM3,675,500 untuk Maksud P.20 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2004.

**Maksud P.22 [Anggaran Pemb. (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2004] -**

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Kepala Pembangunan P.22 di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dikemukakan untuk dipersetujui.

**Tuan Lim Kit Siang:** Mereka mahu bahas, bagi mereka *chance*. Jangan terlalu cepat, laju. Kalau tidak mahu bahas saya mahu bahas. Saya mahu bagi *chance*.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, tak perlu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, itu perlu oleh kerana yang baru.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat hendak bahas, bahaslah, tak payah tunggu sampai mereka tidak mahu berbahas.

*[Tiada perbincangan]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM46,870,400 untuk Maksud P.22 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2004 bagi tahun 2004 di bawah Kementerian Pertanian hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM46,870,400 untuk Maksud P.22 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2004.

**Maksud B.23 [Jadual] –  
Maksud P. 23 [Anggaran Pemb. (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan)  
2004] -**

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Kepala Bekalan B.23 dan Kepala Pembangunan P.23 di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dikemukakan untuk dipersetujukan. Rantau Panjang.

**3.27 ptg.**

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya menyentuh Butiran 07000 – Pembangunan Zoo dan 071000 – PEHILITAN, oleh kerana kedua-duanya ada kaitan di antara satu sama lain. Dahulu saya pernah bercakap tentang kedudukan Zoo, terutama sekali Zoo Negara kita sekarang ini yang binatang-binatang di dalamnya hampir-hampir pupus kerana kekurangan bekalan makanan. Peruntukan diberikan saya rasa tidak begitu besar dan perlu ditambah. Apatah lagi sekarang ini kita lihat syarikat-syarikat yang selama ini membantu menjadikan anak angkat kepada beberapa binatang yang berada di dalam Zoo tersebut telah pun masing-masing menarik diri sehingga sebahagian besar binatang-binatang itu nampak kurus menjadi bengis sekarang ini, terutama sekali harimau.

Saya dimaklumkan oleh penduduk kampung terutama sekali di jajahan Jeli dikatakan harimau yang bengis yang makan manusia itu sebahagian besarnya harimau-harimau yang dibawa keluar daripada beberapa zoo di Malaysia ini yang dilihat makanan dalam zoo tidak cukup maka dibawa keluar daripada zoo dihantar terutama sekali di jajahan Jeli yang menyebabkan binatang tersebut tidak pandai hendak mencari makan sendiri. Biasanya harimau ini pandai mencari makan sendiri, tetapi oleh kerana terlalu lama berada dalam zoo, ia sentiasa diberi makan oleh penjaga-penjaga zoo, maka bila ia berada di luar zoo maka binatang tersebut tidak pandai mencari makan sendiri. Sebab itulah bila bertembung dengan manusia maka harimau ini menerkam dan memakan manusia.

Sebelum daripada ini berpuluh-puluh tahun rakyat terutama sekali di jajahan Jeli tidak pernah mendengar harimau-harimau ganas ini memakan manusia, kecuali harimau memakan binatang-binatang seperti lembu liar dan sebagainya. Tetapi di akhir-akhir ini kita lihat harimau sentiasa menerkam manusia, harimau ini memakan

binatang-binatang peliharaan manusia. Jadi, saya mengharapkan supaya pihak kerajaan memberi pertimbangan yang lebih sedikit dan merayu kepada syarikat-syarikat yang besar yang mendapat keuntungan yang banyak....

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Minta penjelasan bolehkah?

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Sila.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Terima kasih sahabat saya. Masih kedengaran suara Yang Berhormat. Soalannya Yang Berhormat, apa agaknya, kita pun bimbang jugalah harimau ini mengganas. Apa agaknya menyebabkan harimau ini mengganas. Apakah ia ada kena mengena dengan iklim suasana politik di Kelantan dan Terengganukah ataupun apa puncanya sehingga ia begitu mengganas membaham manusia itu. Minta penjelasan sedikit.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Ya, apabila UMNO tidak mampu hendak mengganas kepada PAS di Kelantan maka hantar harimau, harimau berjaya. Oleh kerana itu, saya harap sekurang-kurangnya syarikat-syarikat yang besar, walaupun syarikat itu berniaga hasil daripada perjudian pun boleh memberi bantuan kepada zoo kerana duit daripada jalan yang haram sekali pun, untuk makanan binatang saya rasa tidak menjadi masalah. Kalau syarikat-syarikat besar yang mendapat punca daripada halal tidak sanggup hendak memberi bantuan kepada zoo, carilah syarikat-syarikat Empat Nombor Ekor, lumba kuda boleh memberi bantuan. Tetapi nampaknya syarikat-syarikat yang besar seperti itu juga pun tidak ada simpati kepada binatang-binatang yang berada di zoo ini. Jadi, saya harap kepada pihak kementerian yang bertanggungjawab kepada Zoo Negara ini carilah sumber-sumber yang lain walaupun kerajaan sendiri tidak sanggup membantu pembangunan Zoo ini.

Kedua, masalah PERHILITAN. Saya melihat pada zaman akhir-akhir ini, binatang-binatang dia menjadi *protected* khususnya binatang-binatang yang *fully protected*. Yang kita lihat sekarang ini terutama sekali rusa. Memang kalau dahulu kita tengok makin hari makin pupus, makin hari makin pupus. Maka patutnya diadakan peraturan-peraturan atau undang-undang untuk mencegah supaya binatang tidak diburu dengan cara sewenang-wenangnya kecuali pada masa-masa yang tertentu dibuka ataupun diberi lesen kepada pemburu-pemburu.

Tetapi binatang-binatang rusa sekarang ini nampaknya semakin hari semakin banyak, berselerak orang pelihara di mana-mana sahaja. Malah hatta sampai Parlimen sendiri pun pelihara sampai beratus-ratus dah. Saya ingat kalau manusia

rasa hendak makan rusa, ada lagi rusa-rusa liar ataupun payau, bagi orang Sabah dan Sarawak dia panggil payau, saya rasa bagilah peluang kepada mereka itu supaya mereka itu boleh memburu secara biasa. Jangan sampai ke satu peringkat pemburu-pemburu ini merasa tersepit terutama kepada sahabat-sahabat kita yang berada di kawasan pedalaman yang mempunyai senjata tetapi tidak dibenarkan menembak rusa secara sewenang-wenang walaupun kadang-kadang rusa ini menjadi musuh kepada tanaman terutama sekali kepada pokok getah baru yang katanya pokok getah baru itu, batangnya manis menyebabkan rusa ini suka makan batang getah itu.

Saya rasa masa sudah sampai bagi kita untuk menarik balik halangan-halangan yang telah dikeluarkan oleh pihak PERHILITAN kepada penembak-penembak rusa ini.

Kemudian saya lihat pula masalah PERHILITAN ini. Gajah liar, gajah liar ini kalau kita lihat di Kelantan khususnya oleh kerana Kelantan baru sahaja membangun dengan tanaman-tanaman kelapa sawit, hutan-hutan rimba yang dahulunya telah pun ditebang ditanam dengan kelapa sawit. Tetapi didapati berpuluh-puluh ekor gajah-gajah liar berada di kawasan-kawasan kelapa sawit yang baru ditanam. Bila diminta supaya gajah-gajah ini dipindahkan ke tempat lain supaya dihalau ke kawasan hutan simpan khususnya, jawapan yang diberikannya ialah kos untuk mengangkut atau menghalaukan gajah-gajah liar ini terlalu tinggi. Mereka ini tidak mampu, tidak mampu hendak menghalau gajah-gajah tersebut. Ini menyebabkan pihak-pihak yang mengusahakan ladang kelapa sawit ini mengalami kerugian berjuta-juta ringgit dari setahun ke setahun. Sehingga kadang-kadang ada rasa *frustrated* tidak mahu lagi hendak meneruskan ladang kelapa sawit ini kerana musuh tanaman yang agak besar sekarang ini ialah masalah gajah-gajah liar ini.

Bila ditembak maka satu kesalahan besar kepada penembak-penembak tersebut kerana dia juga merupakan satu binatang di bawah naungan ataupun *protected* sekarang ini. Gajah liar ini biasanya ditumpukan di tiga negeri iaitu di Terengganu, Pahang dan di Kelantan. Di Perak nampaknya tidak begitu banyak tetapi di Kelantan lah yang menjadi sasaran utama sekarang ini.

Kita lihat baru-baru ini di dalam akhbar, gajah telah memijak manusia, memijak orang-orang yang berada di kawasan pedalaman tetapi pihak PERHILITAN tidak sanggup hendak menembak tersebut malah cuba menghalau ke suatu tempat. Tetapi



tidak menghalau jauh sampai masuk kepada Taman Negara. Jawapannya kalau dihalau ke Taman Negara, kos terlalu tinggi.

Saya harap kepada pihak PERHILITAN supaya pastikan perkara-perkara yang saya sebutkan ini, mencari punca kewangan bagaimana untuk mengelakkan daripada gajah memusnahkan tanaman-tanaman yang sedang rancak terutama sekali di ladang-ladang yang berada di kawasan Hulu Kelantan sekarang ini.

Yang akhir sekali saya hendak sebut di sini ialah masalah PERHILITAN juga yang saya anggap Jabatan PERHILITAN yang ada di Kelantan khususnya sekarang ini tidak mencukupi senjata ataupun *short gun* yang mempunyai peluru yang boleh tembak harimau dan gajah tetapi ia tidak mati. Saya tidak tahu perkataan apa hendak digunakan tetapi itulah jenis peluru yang digunakan.

Sebahagian besar jawapan-jawapan PERHILITAN yang ada di jajahan umpamanya yang berada di Gua Musang dan di Jeli tidak mempunyai peluru tersebut. Mereka terpaksa mengambil peluru di Kota Bharu yang memakan masa yang begitu lama sehingga menyebabkan binatang-binatang yang perlu ditembak dengan peluru yang saya sebutkan tadi telah pun masuk ke dalam hutan menyebabkan gagal kita hendak mengambil tindakan sesuatu.

Saya rasa benda-benda yang hendak saya sebutkan pada petang ini dan Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Santubong.

**3.36 ptg.**

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak kompelin, lambat api ini keluar Tuan Pengerusi. Biasa dia api ini berapa cepat dia daripada sana sampai ke sini keluar. Bila api tidak keluar, suara tidak keluar.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Bukan dikawal di sini.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tidak dikawal di sini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Bukan. Bukan di sini.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Teknologi ini kena improve lah sedikit. Kita ada MSC, teknologi masih kebelakangan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat boleh cubalah bila saya sebut nama kawasan, Yang Berhormat tidak payah tekan. Saya ingat dia sendiri, ada orang yang boleh membantu Yang Berhormat.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Minta orang cepat tekan kalau panggil Santubong, cepat-cepat sedikit tekan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah. Ambil ingatan.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya melihat dalam Maksud P23 – Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar – Butiran 07400 – Kalau dibaca semua Tuan Pengerusi mungkin memakan masa sampai pukul 6.30 petang. Saya bincang satu persatu sampai besok hari.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, memang telah dihadkan masa 10 minit. Ini terpulang kepada Yang Berhormat lah.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** 10 minit. Oleh kerana saya akur apa yang Tuan Pengerusi sebut, saya akan bincang pendek sahaja.

Kalau kita lihat dalam senarai tindakan kerajaan ini daripada 74 hingga ke 200, berpuluh-puluh tindakan dan strategi kerajaan, semua menghala kepada penjagaan, kawal selia, sumber yang kita dapati di hutan kita ataupun di belukar kita.

Persoalannya Tuan Pengerusi, pendek soalan saya. Apakah halangan kementerian mengapa Bio-Diversity Act tidak dibawa ke Dewan ini untuk mempertahankan *resource* kita ini, kekayaan negara kita ini yang wujud dalam hutan Malaysia ini di bawa ke Dewan untuk diluluskan.

Saya telah membawa perkara ini dua atau tiga kali. Di Sarawak sudah ada. Tujuannya Tuan Pengerusi, ialah supaya khazanah yang ada di simpan dalam hutan kita itu tidak dicuri, diselidik orang, diambil orang, lepas itu didaftar orang, dipunyai orang di belakang rumah kita tetapi orang lain yang punya. Kita kena ambil tindakan dari sekarang, kenapa tidak. Saya bertanya menteri baru ini, kementerian baru mintalah bawa kalau perlu *technicality* yang kita dapat dari Sarawak ke sini keluarkan undang-undang di Dewan ini, kita akan sokong.

Kalau ada ego tiap-tiap negeri-negeri berkehendakkan undang-undang sendiri itu biarlah untuk khazanah negara ini kita lupakan sedikit. Biarlah buat undang-undang bercorak federal ini untuk mempertahankan kedudukan kita. Kalau hendak sebut banyak sekali. Saya cukup kagum dan saya berterima kasih dengan tindakan ini.

Tetapi kebanyakan tindakan-tindakan ini tidak boleh mempertahankan *resource* ini, khazanah ini daripada diambil oleh orang luar.

Sekarang teknologi kita sudah macam-macam, ada orang bagi tahu GPS pergi ke hutan tekan butang sahaja pergi satelit dah *registered* di mana sahaja di Amerika kah di Eropahkah sudah tahu pokok bintangor terletak di belakang rumah saya. Bila dibuat kajian pokok bintangor tanam di belakang rumah mereka, sudah pokok bintangor, semua seluruh Malaysia kepunyaan orang Eropah ataupun di Amerika. Kenapa undang-undang tidak buat?

Saya berharap kita bersifat aktif dalam keadaan sekarang yang mana teknologi mereka sudah canggih, kepandaian mereka sudah ke hadapan, kita kena mempertahankan sumber negara kita.

Tuan Pengerusi, kita mesti berjaga-jaga, kita mesti ingat bahkan benda yang di bawah kaki kita ini boleh diambil orang begitu sahaja kalau kita tidak pandai jaga, kerana dikatakan ada Paten, adakan DNA, kita adakan *registration*, ada dikatakan *copy right* bermacam-macam lagi, tujuan ini tidak lain tidak bukan untuk mengambil harta sama ada dibuat dia sendiri, ataupun dibuat orang lain, duduk di negara dia, ataupun duduk di negara orang lain, jadi kepunyaan mereka.

Pada persidangan yang lepas banyak disebut, saya sendiri menyebut, yang dahulu Yang Berhormat Dato' Ron dahulu banyak menyebut persoalan, misalannya yang disebut, yang mana beras kepunyaan orang Bangladesh, sekarang dipunyai oleh orang Amerika, Bangladesh yang tanam tetapi Amerika yang punya, besok kita eksport dia tuntutan royalti.

Itulah tongkat alinyalah, rumput siti fatimahnyalah, bermacam-macam lagi, herbal dan *medicinal valuesnya* yang dianggap boleh mengeluarkan, menjana industri bernilai RM2 bilion duit Malaysia, kita belum mempunyai saintis, belum mempunyai *researchers*, kemudahan yang mencukupi untuk mengambilkan semua khazanah ini untuk kita sendiri, tetapi sebelum itu kita pertahankan dahulu khazanah ini supaya diambil orang lain, siapa tahu lima tahun yang akan datang, universiti banyak, teknologi kita sudah makin meningkat, orang luar masuk Malaysia, buat penyelidikan, dan kita boleh menjanakan menjadi sumber kekayaan Malaysia.

Tuan Pengerusi, satu pertanyaan, percakapan panjang, bila undang-undang yang dibawa ke Dewan ini untuk diluluskan? Terima kasih, saya menyokong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Mambong.

**3.42 ptg.**

**Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya ingin menyentuh Butiran 07200 di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Semalam saya ada menyentuh tentang sisa-sisa toksik yang terdapat di Labis, Segamat.

Dan saya tidak dapat jawapan daripada menteri tentang hal ini, adakah kementerian tidak tahu bahawa sisa-sisa toksik telah pun terkumpul di kawasan kilang batu bata di Labis.

Saya juga menyarankan semalam bahawa sisa-sisa ini haruslah dihantar balik ke negara Taiwan dan pada pagi ini saya nampak dalam akhbar *The New Straits Times*, bahawa menteri telah pun menyebut bahawa sisa-sisa toksik ini akan dihantar balik ke Taiwan, tetapi siapakah yang akan membayar jika sisa-sisa ini dihantar ke Taiwan?

Perkara yang kedua, di bawah Butiran 07500 iaitu Stesen Penyelidikan Luar FRIM dan Pembaikan Am dan Penyelenggaraan.

FRIM adalah satu institusi penyelidikan yang paling penting, yang membuat penyelidikan dalam bidang-bidang perhutanan dan juga produk-produk yang dihasilkan daripada hutan.

Saya tahu bahawa ada satu penyelidikan iaitu pembuatan arang daripada dirian asli buluh di Nami, Kedah. Sejauh manakah penyelidikan pembuatan arang daripada buluh ini berjaya, kerana di negara kita kawasan dirian asli buluh sangat luas, di Semenanjung Malaysia sahaja sekurang-kurangnya 400,000 hektar, jadi kegunaan buluh ini adalah amat penting, tambah lagi Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, ada juga projek penanaman buluh, saya ingin tahu keluasan kawasan yang sudah ditanam di Semenanjung Malaysia.

Satu lagi penyelidikan di bawah FRIM adalah di dalam bidang Botani. Saya amat berasa menakjubkan bahawa ada satu spesies baru yang dinamakan 'vatica yee chong nyai', yang ditemui di hutan rekreasi Sungai Tekala, hutan simpan Sungai Lalang Selangor, adakah spesies ini dijumpai ataupun ditemui di tempat-tempat lain di negara kita.

Ini adalah satu *contribution to science* kerana spesies baru ini. Sekian, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Batu Gajah.

**3.45 ptg.**

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya ingin merujuk kepada Butiran 07200 – Jabatan Alam Sekitar.

Tuan Pengerusi, saya amat terkejut dengan laporan akhbar hari ini di mana Timbalan Menteri bagi Sumber Asli dan Alam Sekitar telah menyatakan bahawa berkenaan kes penghantaran kemasukan sebanyak 12,000 tan bahan toksik dari Taiwan telah diketahui oleh kementerian sejak akhir tahun yang lalu.

Jadi, saya ingin tahu mengapakah kementerian tidak mengambil tindakan jika ada, mengapa tunggu sehingga pihak Taiwan membongkarkan berkenaan penghantaran secara haram bahan sisa ini di dalam surat khabar, di media Taiwan baru pihak kerajaan, pihak kementerian mengambil tindakan.

Saya juga ingin tahu mengapa wujud kelewatan sekurang-kurangnya enam bulan selepas bongkar baru sekarang kementerian berkata, mengakui telah mengetahuinya dan baru berkata, telah ambil bahan untuk buat tinjauan dan telah ambil bahan untuk membuat penyelidikan, analisis.

Apa yang telah dilakukan dalam jangka masa di mana kerajaan mengetahui kewujudan pengimportan secara haram, kewujudan bahan sisa toksik ini di Labis sejak akhir tahun lalu, apa yang telah dibuat dalam jangka masa sekurang-kurangnya enam bulan ini?

Saya rasa kementerian harus bertanggungjawab dan tidak menolak tanggungjawab ini dengan menyatakan bahawa perkara ini adalah di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar yang lalu.

Jadi, saya rasa *there must be a collective responsibility on this issue, I hope*, dengan izin, Timbalan Menteri ada hadir.

Semua orang hendak tahu kerana ia telah menjejaskan imej bukan sahaja kementerian, imej negara, kerana persepsi orang luar sekarang, orang ramai sekarang, mengapakah kementerian tidak memperindungi keselamatan dan kesihatan masyarakat sekarang.

Maklumat saya terima daripada pihak Taiwan melalui *e-mail* mengenai isu ini dan mereka telah memberi banyak maklumat berkenaan dengan penghantaran bahan toksik secara haram ini.

Jadi, mereka sekarang ingin tahu apakah tindakan yang serius yang akan diambil oleh kementerian berkenaan perkara ini, sebab yang memalsukan kerana

kementerian menyatakan bahawa bahan itu telah diimport masuk ke Malaysia melalui satu dokumen yang telah dipalsukan, jadi saya harap menteri boleh memberitahu, siapa yang telah memalsukan dokumen pengimportan lesen ini, itu satu.

Sama ada kementerian telah membuat laporan polis berkenaan kes ini, ini adalah, Tuan Yang di-Pertua, jenayah antarabangsa, bukan di antara individu, *it is between two countries*. Imej negara telah terjejas, *it is an international news* sekarang, berita antarabangsa.

Kedua, ialah mengapakah boleh 12,000 tan bahan sisa toksik boleh masuk menurut laporan sejak bulan Januari hingga November tahun lalu, tanpa tindakan pengetahuan langsung pihak-pihak Kastam, mengapa ini boleh mengambil tempat?

Saya juga ingin tahu siapakah yang terlibat, apakah ada orang dalaman dalam kementerian terlibat dalam pemalsuan dokumen lesen pengimportan bahan ini yang diberi kepada kononnya syarikat Taiwan Hong You telah mendakwa mereka juga mangsa penipuan, mereka tidak tahu bahawa dokumen ini adalah palsu, apakah terlibat pegawai-pegawai dalaman dalam kementerian dalam perkara ini.

Sebab dalam laporan akhbar menyatakan pengarah ada menyatakan bahawa *letter head*, dengan izin, kementerian telah disalahgunakan oleh pihak tertentu dan mencatat dalam *letter head* surat tersebut bahawa ia adalah kelulusan dibuat oleh kementerian untuk mengimport bahan-bahan tersebut. Saya pohon penjelasan dari pihak kementerian dalam perkara ini.

Saya juga ingin tahu sama ada pihak pegawai dari kementerian pernah mengadakan satu pertemuan sebelum isu ini. Pernah kah ia mengadakan pertemuan dengan pihak Syarikat Hung Yew, wakil Hung Yew, itu satu.

Kedua, Sin Environment Sdn. Bhd. yang mana ia adalah pihak Malaysia yang mewakili syarikat Malaysia untuk membawa masuk, menerima masuk. Syarikat yang hantar itu ialah Taiwan Hung Yew yang menerima perjanjian, yang menerima adalah Sin Environment Sdn. Bhd., wakil syarikat ini dengan wakil pegawai kementerian atau wakil Jabatan Alam Sekitar peringkat negeri Johor. Adakah benar sebelum ini ada pertemuan di mana saya menerima maklumat, telah berlaku satu perjumpaan di antara ketiga-tiga pihak ini dengan konsultan, di mana selepas perjumpaan ini telah ada satu *presentation* dengan izin, bagi meyakinkan bagi Syarikat Heng Yew bahawa pihak syarikat Malaysia ini mempunyai kemampuan untuk memproses bahan-bahan ini.

Jadi saya hendak tahu, kenapa mereka memperoleh kononnya satu lesen, lesen kebenaran untuk mengimport. Jadi Syarikat Heng Yew pun percaya sebab semasa berjumpa, ada pegawai kononnya menurut maklumat saya terima, kononnya ada pegawai dari pihak jabatan peringkat negeri ada hadir. Jadi mereka memberi kepercayaan bahawa dokumen yang mereka beri adalah yang tulen.

Jadi kesemua saya harap kementerian akan memberi satu jawapan yang munasabah

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Belum habis Yang Berhormat?

**Cik Fong Po Kuan:** Belum, belum lagi.

**Tuan Lim Hock Seng:** Yang Berhormat Batu Gajah, penjelasan. Seperti laporan yang diberitahu itu, perkara ini telah wujud selama enam bulan yang lepas dan adakah Yang Berhormat bagi Batu Gajah ingin mendesak kerajaan supaya menjalankan satu penyiasatan atau kajian, sama ada bahan toksik ini telah memudaratkan persekitaran tempat itu dan penduduk-penduduk serta pekerja-pekerja kilang itu, dan sekiranya ada, apakah tindakan akan diambil untuk memelihara dan memulihkan persekitaran dan juga sama ada pekerja-pekerja dan penduduk-penduduk yang terlibat akan diberi rawatan atau pampasan seperti apa yang telah berlaku di Bukit Merah, di Perak.

**Cik Fong Po Kuan:** Itu memang, saya harap kementerian boleh ambil perhatian kerana itu adalah perlu. Apakah sepanjang masa di mana laporan menyatakan, tiga bulan sejak bulan Januari sampai November bahan sisa toksik ini telah dibawa masuk. Apakah ada antara kandungan bahan itu telah digunakan untuk membuat batu bata dan salah sebuah rumah atau projek perumahan sedang menggunakan batu bata tersebut.

Saya ingin tahu, saya harap Timbalan Menteri jangan hanya senyum sahaja...*[Melihat ke arah Yang Berhormat bagi Telok Kemang]* Kita di sini ada membincangkan perkara berkenaan imej, imej negara. *Don't just smile. We want action to be seen, to be done*, dengan izin. Saya harap satu jawatankuasa .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, senyum ada salah kah?

**Cik Fong Po Kuan:** Tak ada salah tetapi ia hanya menunjukkan kurang keseriusan, pihak kementerian...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Itu tanggapan Yang Berhormatlah...

**Cik Fong Po Kuan:** Tetapi ini persepsi orang ramai, akan setujulah saya rasa. Ia memperlihatkan kurang keseriusan terhadap perkara yang begitu penting ini. Masih boleh senyum. Saya sangat risau kerana isu *environment* ini adalah *borderless*. *We don't need a passport for this environment pollution to transfer from one area to one area*. Saya amat terharu dan juga gembira kerana pihak Taiwan begitu prihatin sekali berkenaan isu ini. Sebab mengapa mereka boleh mengambil sikap tidak peduli kerana bahan toksik ini telah dihantar ke Malaysia tetapi sebaliknya apabila mereka menerima maklumat, mereka membocorkan, membongkar agar pihak kerajaan dan negara mengambil tindakan...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, masa cukup.

**Cik Fong Po Kuan:** Saya akan menggulung. Saya harap jawatankuasa..., cawangan khas akan ditubuhkan bukan sahaja untuk membawa syarikat yang bertanggungjawab ke mahkamah tetapi untuk menyiasat kementerian dalaman dan kaji apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bagan tadi. Apakah ada kesan-kesan dan akibat daripada bahan-bahan toksik ini.

Dan ketiga, dengan izin, *one last line*, Tuan Yang di-Pertua dan saya juga ingin tahu, apakah tindakan yang telah diambil di kawasan berkenaan di mana bahan simpanan toksik sekarang dibiarkan di situ. Sepanjang masa *at least six month* sebab yang saya tahu, sekarang siapa-siapa pun boleh pergi ke sana, tangkap gambar tidak ada orang jaga kecuali seorang pegawai *security guard* dari pihak syarikat, yang setahu saya menurut laporan akhbar.

Jadi kalau macam itu, syarikat boleh mengeluarkan bahan-bahan toksik waktu malam dan *disposed-off* dengan izin, melupuskan bahan tersebut. Kementerian akan kata, saya tidak ada maklumat untuk kawal...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]** Yang Berhormat, sudah tiga ayat.

**Cik Fong Po Kuan:** Dengan izin, sekian sahaja. Saya harap kementerian akan memulihkan, memulihkan imej bukan sahaja kementerian tetapi juga negara. Sekian terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]** Ipoh Barat.

**3.56 ptg.**

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Ya Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dikatakan oleh Batu Gajah, saya ingin petik satu *paragraph* dengan izin, dalam bahasa Inggeris yang juga telah dihantar kepada saya secara *e-mail* dengan izin, daripada



satu NGO kepada satu perbualan di antara seorang bernama Lee Heng Keng iaitu *Director of Hazardous Substance Division, DOE at Putrajaya*. Ini apa yang dikatakan, dengan izin, “*On hearing the narratives from us and seeing the relevant papers issued from the DOE, Mr. Lee frowned on what Taiwan has approved the shipment, especially the hazardous waste. Mr. Lee stressed that Johore DOE was not authorized to issue any importation permit for the scheduled waste and the company, Siniawaro Sdn. Bhd. has never been given any approval for the importation of scheduled waste from Taiwan into Malaysia*”.

Dalam perkara ini, ini adalah satu perkara yang diketahui oleh kementerian tersebut. Jadi saya hendak tanya, adakah kita terikat dengan *Basle Convention*, dan memandangkan sisa-sisa ini boleh apa dikatakan tidak ada *control* menjadi satu *international trans-boundary movement of hazardous waste and their disposal*. Dalam keadaan ini adakah toksik-toksik atau sisa-sisa ini yang sekarang dikenal pasti sebagai sangat serius, adakah ia dalam senarai *schedule waste*? Dan dalam *Basle Convention*, apakah tindakan yang akan diambil oleh kerajaan?

Dan dalam hal ini beberapa hari dulu saya ada membangkitkan satu kejadian di Kampung Acheh, Sitiawan di mana *atomic waste* juga sedang dieksport dari Malaysia dan ini sangat-sangat membahayakan kepada orang-orang yang di sekeliling tempat tersebut. Saya difahamkan sampai semalam langsung tidak apa-apa tindakan yang diambil oleh kerajaan. Bahan ini dieksport ke negara China sebanyak lebih kurang 12,000 *metric ton*. Hingga hari ini ia masih terletak di satu kawasan *industrial estate*, tidak ada pegawai-pegawai tertentu yang mengetahui *how serious* dengan izin, *how serious the toxic waste are*. Dan mereka juga membiarkan, bila hujan ia masuk ke Sungai Dinding, Sungai Sitiawan dan tidak ada tindakan langsung diambil, macam di Simpang Renggam juga perkara yang sama berlaku.

Jadi perkara ini kita sudah tahu bahawa perkara ini selalu berlaku. Bila kita dapat tahu hanya secara *e-mail* yang dihantar kepada kami pihak pembangkang atau orang-orang yang memantau atau ingin mengambil tindakan susulan, baru kita dapat cerita di surat khabar dan sebagainya. Yang saya khawatir, macam empat tahun dulu di Pantai Remis, di mana beberapa tong-tong sisa dijumpai di satu kawasan di mana nelayan menangkap ikan, dan ini sangat berbahaya *apparently*, dengan izin, *very cancerous*. Dari pengetahuan saya, ikan-ikan yang ditangkap di sungai tersebut tidak ditahan langsung, malah ia telah dijual kepada orang ramai. *What is the follow-up*

*action*? Apakah bila kita tahu ia berbahaya, mengakibatkan masalah *medical* dan sebagainya, kita tidak memantau, hanya bercakap sahaja dalam surat khabar dan sebagainya tetapi tidak mengambil tindakan yang tegas.

Yang saya kluatir, saya percaya, dengan izin, semua *coastal area* di Malaysia adalah menjadi satu tempat di mana sangat susah untuk melindunginya atau mengelak kejadian seperti ini terjadi. Saya kluatir kerana ini perkara yang bukan luar biasa. Kalau bahan ini boleh datang dari Taiwan, semestinya juga ia boleh datang dari Australia, New Zealand dan lain-lain negara, di mana macam dulu di Pantai Remis, sisa-sisa itu didatangkan dari Japan sebanyak lebih kurang 20 tong besar.

Perkara ini diketahui selepas ia terbongkar di dalam surat khabar dan barulah kerajaan memantau dan mengambil tindakan. Bolehkah satu *guarantee* diberi oleh kerajaan, oleh Timbalan Menteri atau Kerajaan Barisan Nasional bahawa perkara-perkara ini bukan sahaja tidak akan terjadi, dan kalau pun terjadi supaya sesiapa yang terikat atau terkena kesannya berdekatan dengan tempat sisa-sisa ini, tindakan susulan akan diambil supaya *third party, innocent victims* tidak akan disusahkan.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin mengatakan selain dari sisa-sisa ini, apakah strategi kerajaan dalam mengatasi masalah alam sekitar, pencemaran alam sekitar di seluruh negara di kawasan yang menempatkan *cottage industries*. Di kawasan ini wujud perusahaan-perusahaan membuat *bean curd* atau kasut dan terdapat banyak habuk yang dikeluarkan di merata tempat. Saya difahamkan ada beberapa penghuni rumah di sekitar kawasan ini yang tidak boleh langsung membuka tingkap mereka kerana terlampau banyak pencemaran alam sekitar.

Saya juga ingin tahu bagaimanakah kedudukan kawasan di mana orang-orang bukan Islam melakukan, dengan izin, *cremation of dead bodies*. Walaupun negara kita sudah dikatakan sebagai negara maju dan membangun, apakah cara ini masih dibenarkan lagi? Bukankah ia sepatutnya diberhentikan dan kerajaan patut menggalak dan memastikan bahawa di semua tempat kita ada *crematorium* supaya semua aktiviti pembakaran mayat yang boleh menyebabkan masalah alam sekitar boleh diberhentikan. Di merata-rata tempat, di Ipoh, di tengah-tengah bandar tersebut ada satu tempat di mana pembakaran mayat dibuat pada setiap hari sekurang-kurangnya dua atau tiga mayat dibakar sehari. Macam mana orang ramai boleh menikmati, dengan izin, *enjoy free and clean air*. Apakah kerajaan tidak memantau perkara ini atau apakah tindakan serius akan diambil?

Sebenarnya Tuan Pengerusi, pada tahun 1999 saya ada membangkitkan perkara ini dan kementerian yang berkaitan mempersoalkan sama ada adakah tindakan, adakah strategi tertentu supaya dalam tempoh empat lima tahun semua masalah ini akan dapat diselesaikan? Saya pun ada ambil cuti empat tahun dan selepas itu saya datang semula tetapi perkara ini masih lagi belum diselesaikan.

Adakah kerajaan lupa, lupa kewajipannya kepada masyarakat Malaysia ini? Apakah ini akan dibenarkan berlaku walaupun kita tahu bahawa ia bukan sahaja berlaku di merata-rata tempat di mana kejadian ini berlaku, Tuan Pengerusi, tetapi juga melibatkan kebanyakan orang yang terdiri dari golongan miskin. Mereka tidak ada kekuatan seperti Timbalan Menteri di mana kalau berlaku di dalam kawasanya, kalau dia mahu, dengan serta-merta dia boleh mengambil tindakan untuk mengatasi masalah tersebut. Tetapi di kawasan-kawasan lain, ini adalah *national phenomena* di mana alam sekitar, satu tindakan, satu polisi, satu strategi yang *immediate* perlu diambil.

Selain dari itu, kelmarin saya telah juga ada membangkitkan ....

**Timbalan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sila gulung, Yang Berhormat.

**Tuan M. Kula Segaran:** Saya akan gulung, di mana di antara negara-negara yang termiskin dalam dunia ini, negara Bangladesh, telah mengharamkan 100 peratus penggunaan plastik. Saya difahamkan, Tuan Pengerusi, satu NGO yang dianggotai oleh dua orang, namanya Don dan McLean, mereka mengadakan beberapa ceramah di seluruh negara dengan mengatakan, dengan izin, "*recycle your household waste for a clearer environment*". Adakah kerajaan tidak memantau perkara-perkara seperti ini? Saya khawatir penggunaan plastik menjadi satu perkara yang sangat serius.

Saya difahamkan bahawa kerajaan bukan sahaja tidak mengambil tindakan untuk mengatasi masalah ini tetapi memberi galakan-galakan yang lain di mana kita tidak pasti, beberapa tahun dahulu saya berada di India, di suatu pulau bernama Andaman Islands, *Third World country*, di mana bukan sahaja plastik tidak digunakan, tidak menggunakan plastik tetapi menggalakkan orang ramai menggunakan beg-beg *paper* di mana-mana sahaja untuk membeli barang-barang. Apakah kita tidak menghiraukan perkara seperti ini?

**Timbalan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Seputeh bangun.

**Tuan M. Kula Segaran:** Saya harap satu penjelasan.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Minta penjelasan.

**Tuan M. Kula Segaran:** Penjelasankah?

**Timbalan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Masa dia sudah hendak habis, Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, sebenarnya apa yang dilakukan oleh NGO dalam forum mereka di merata-rata tempat itu adalah perkara yang harus dilakukan oleh pihak kerajaan dan bukannya NGO. Saya rasa kerajaan kita telah selalu “kuotau” kepada pembuat plastik. Apakah pandangan Yang Berhormat?

**Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** [Menyampuk]

**Tuan M. Kula Segaran:** Yang Berhormat bagi Jerai ini sangat pandai bahasa Cina, jangan buat-buat tidak tahu. Dia profesor dalam hal ini.

Saya setuju tetapi saya katakan bahawa ia bukan sahaja tertakluk kepada NGO tetapi kerajaan juga. Bila saya pergi ke forum tersebut, Tuan Pengerusi, saya hairan di mana kita boleh proses, hendak menggunakan pakai plastik beberapa kali, dan kita selalu, Tuan Pengerusi, pergi ke kedai kuetiau atau kedai makanan, kita beli dalam bungkusan plastik. Saya difahamkan itu sangat toksik. Sebenarnya kita mencederakan diri kita sendiri dan ini tidak diketahui oleh orang ramai. Bukankah kewajipan kementerian untuk mengesyorkan, untuk menggalakkan penjual-penjual kuetiau supaya jangan menggunakan plastik.....

**Timbalan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup Yang Berhormat.

**Tuan M. Kula Segaran:** Ini tidak baik. Saya harap Timbalan Menteri hari ini akan dengan tegas jangan benarkan ini. *Enough is enough. Let’s change from now on.*

**Timbalan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat tidak cadangkan penggunaan daun pisang?

**Beberapa Ahli:** [Bangun]

**Timbalan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Saya bagi Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa.

**4.06 ptg.**

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya akan menyentuh Butiran 07200 – Alam Sekitar di bawah Kepala B.23.

Tuan Pengerusi, saya akan menyentuh tiga perkara mengenai alam sekitar. Pertama sekali, iaitu dalam tahun 1980-an, Kerajaan Negeri Kelantan telah pun memohon supaya *Sub-district* Gua Musang di Lojing ditubuhkan. Sekarang ini sudah lebih 14 tahun masih belum lagi diluluskan oleh JPA. *Sub-district* ini sangat penting kerana inilah agensi penguat kuasa dan pemantauan bagi menjaga alam sekitar sebab Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar tidak mempunyai kemampuan yang cukup untuk memantau setiap masa di tempat-tempat tersebut.

Saya berharap JPA akan menimbang selepas menimbang dengan secepat mungkin, selepas Lojing dan Cameron Highlands sendiri dibangunkan begitu pesat. Kerajaan negeri juga telah pun meluluskan cadangan untuk bandar baru seluas 2,500 ekar di Lojing. Begitu juga pembinaan lebuh raya yang kedua Timur-Barat dari Simpang Pulai ke Gua Musang telah pun hampir siap. Jadi, sekiranya JPA tidak dapat meluluskan pewujudan *Sub-district* ini, saya rasa dan saya yakin bahawa keadaan alam sekitar di situ tidak dapat dipantau dan tidak dapat dijaga dengan baik.

Tuan Pengerusi, yang keduanya iaitu pemindahan butiran belanjawan daripada Kementerian Pertanian kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar ini mengenai hakisan pantai. Saya difahamkan oleh Yang Berbahagia Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri bahawa Kerajaan Pusat telah meluluskan sebanyak RM40 juta sebagaimana saya katakan dulu, untuk menambak Pantai Sabak dengan sejenis teknologi yang baik seperti di Melaka, Sabah dan Sarawak. Ia dapat mengekang aliran ombak sejauh lebih kurang satu kilometer ke dalam laut.

Saya harap bahawa jumlah ini, semasa dibuat Kajian Separuh Penggal (*Mid-Term Review*) bagi Rancangan Malaysia Yang Kelapan, saya harap peruntukan ini akan diteruskan, diletakkan di bawah Jabatan Alam Sekitar atau Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan dapat dimulakan dari sekarang juga kerana ia sangat-sangat diperlukan bagi melindungi penduduk-penduduk. Kerajaan negeri hanya boleh menempatkan semula sahaja tetapi usaha-usaha untuk memperbaiki hakisan ini adalah terletak di bawah tanggungjawab Kerajaan Pusat.

Yang ketiganya, Tuan Pengerusi, Limbang Sungai Golok. Sungai Golok adalah merupakan sempadan di antara negara Thai dan negara Malaysia. Pada dasarnya

tempat yang paling dalam itulah yang menjadi sempadan. Sekarang ini negara Thai telah pun menambak, membentengkan sepanjang sungai, daripada hulu sampai ke kuala Tak Bai Sungai Golok ini. Jadi jika berlaku arus apabila banjir, ia akan menghakis di Malaysia, akan mengubah tempat yang dalam itu ke arah Malaysia bukan ke arah negara Thai. Begitu juga banjir, bila berlaku banjir disebabkan hujan lebat di Selatan Thai ataupun di hulu Sungai Golok, ia akan terus melanda Rantau Panjang, Tumpat dan sebagainya, beberapa buah kampung serta beribu-ribu ekar tenggelam.

Sekarang ini Kerajaan Malaysia di bawah Rancangan Limbang Sungai Golok ini telah pun menambak dan membentengi sebahagian di sebelah hulu ini. Tetapi lebih kurang 15 kilometer lagi tidak ada projek, tidak ada peruntukan ataupun tidak ada rancangan untuk melaksanakannya sampai kepada Kuala Tabai. Oleh kerana itu saya meminta dan memohon jasa baik Kerajaan Pusat supaya diambil perkara ini sebagai satu perkara yang serius supaya sempadan negara Malaysia dan Thailand ini tidak berubah. Yang kedua ialah untuk menyelamatkan mangsa-mangsa bencana alam apabila berlaku banjir setiap tahun. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Saya beri Yang Berhormat bagi Bagan, selepas ini Menteri menjawab.

#### **4.12 ptg.**

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Terima kasih. B.23, Butiran 4.5. Saya menyentuh berkenaan dengan Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS). Saya ingin menanyakan kepada Yang Berhormat mengapa paras air laut dalam satu dua bulan ini amat tinggi jikalau dibandingkan paras laut pada masa-masa yang lalu. Semalam kami mendengar Ahli Yang Berhormat bagi Jerai menangis-nangis mengatakan pantai di kawasan beliau telah dihakis dengan begitu kritikal dan hari ini kami membaca..

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia bangun Yang Berhormat

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Hendak perbetulkan..

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Hendak beri jalankah?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya tidak menangis, *[Ketawa]* saya kata orang-orang yang tinggal di tepi pantai..

**Tuan Lim Hock Seng:**... rintihan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Oh, rintihan. Ayat kena betul Yang Berhormat kalau tidak susah.

**Tuan Lim Hock Seng:** Sebab saya dengar kamu macam mahu menangis.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Tuan Lim Hock Seng:** Hari ini kami baca dalam surat khabar pantai di Sekinchan Selangor pun menghadapi masalah yang sedemikian. Saya dapat satu jawapan mulut bahawa satu kajian hakisan pantai negara atau *National Coastal Erosion Study* yang telah disiapkan pada tahun 1986 dan telah mengenal pasti kira-kira 1,372 kilometer dari jumlah pantai sepanjang 4,809 kilometer telah menghadapi masalah hakisan sejak dari tahun 1984.

Jadi, bukan kerajaan tidak tahu, kerajaan sememangnya sudah tahu betapa seriusnya hakisan pantai, tetapi adakah kerajaan menjalankan kerja-kerja yang bersungguh-sungguh untuk mencegah hakisan ini. Saya juga dapat tahu bahawa ada satu *Integrated Shoreline Management Plans (ISMP)* yang telah dijalankan sejak Rancangan Malaysia Ketujuh tetapi hakisan pantai ini masih berlaku lagi. Saya berharap kerajaan boleh memandang serius tentang hakisan pantai ini dan menjalankan kerja-kerja supaya boleh mempertahankan tanah-tanah yang telah dihakis itu.

Tuan Pengerusi, tadi saya ada menanyakan mengapa paras air laut yang lebih tinggi pada dua tiga bulan ini, yang mana ini telah mengakibatkan tempat-tempat atau kawasan-kawasan yang rendah parasnya mengalami kebanjiran, walaupun tidak ada hujan. Di kawasan saya ada satu tempat yang bernama Mak Mandin, ada sebatang sungai Mak Mandin. Saya mendapati kawasan ini selalu dibanjiri air laut kerana masalah air pasang ini. Saya telah menjalankan satu penyiasatan dan mendapati *flood gate* di Jalan Permatang Pauh, iaitu dekat kilang cat *Hong Kong Paint* telah rosak tidak boleh berfungsi lagi. Saya telah memberitahu pihak JPS Pulau Pinang enam bulan yang lepas, tetapi sehingga sekarang tiada tindakan untuk mengganti atau untuk membaik pulih *flood gate* ini.

Saya agaklah *flood gate* yang tidak dapat berfungsi dan mempertahankan air laut masuk ke kawasan Mak Mandin. Saya berharap kerajaan boleh mengambil perhatian kerana kami di sini ada memperuntukkan RM45 juta untuk program ini dan

kita mungkin memerlukan hanya beberapa ribu ringgit untuk *merepair* atau menggantikan *flood gate* ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin juga menyentuh berkenaan Butiran 4.6 iaitu Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia. Di sini kami Kerajaan Pusat dan melalui Parlimen memperuntukkan jumlah yang besar untuk menyelidik dan membangunkan hutan negara kita, tetapi di sana sini ada orang mencuri balak. Hari ini kami membaca dalam surat khabar menuduh bahawa kerajaan Terengganu yang lepas telah memberi lesen balak kepada lebih kurang 400 lebih syarikat dan juga menuduh bahawa walaupun Parlimen sudah dibubarkan atau Dewan Undangan Negeri telah dibubarkan masih mengeluarkan lesen. Ini sangat pandai menuduh orang mengeluarkan lesen membalak, tetapi saya boleh merasa di negeri-negeri lain yang diperintah oleh Barisan Nasional juga berlaku sedemikian.

Sebab di mana-mana tempat kita selalu ada mendengar orang mencuri balak sama ada halal atau secara sah yang dikeluarkan lesen. Kita juga merasa siasatan yang dijalankan oleh pihak yang berkuasa ini selalunya tiada hasil yang muktamad atau tiada hasil yang boleh ditemui dan perkara itu didiamkan begitu sahaja. Bukankah bekas Menteri Besar Pahang telah disiasat berkenaan dengan pembalakan ini. Sampai hari ini tiada jawapan diberi. Saya berharap sesiapa juga tidak mengira pangkat atau kedudukannya sekiranya ia ada melakukan sesuatu yang tidak sah, maka ia perlu disiasat seperti apa yang telah dilaung-laungkan oleh Barisan Nasional hendak membanteras rasuah. Sekian sahaja.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Timbalan Menteri sila.

**4.19 ptg.**

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tuan S.G. Sothinathan]:**

Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah pun membangkitkan beberapa perkara di peringkat jawatankuasa berkaitan dengan penguntukan semula peruntukan kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Jadi saya akan cuba menjawab mana-mana perkara yang di bawah pengetahuan saya dan di mana yang tidak ada saya akan cuba memberikan secara bertulis kepada Ahli-ahli Yang Berhormat .

Yang Berhormat bagi Rantau Panjang telah membangkitkan tentang pentadbiran dan pengurusan zoo. Sebenarnya beliau pun telah mencadangkan



supaya mencari penaja-penaja daripada syarikat-syarikat yang juga mengaut banyak keuntungan hasil daripada urusan judi dan sebagainya.

Memang walaupun kerajaan menyediakan peruntukan untuk penyelenggaraan dan juga pengurusan zoo ini tetapi kita juga mendapat sumbangan daripada syarikat-syarikat yang terus membantu kerajaan atau membantu kita dalam mengendalikan zoo-zoo ini. Saya rasa kalau tidak ada sumbangan daripada mereka, maka akan jadi susah bagi kita menguruskan zoo-zoo ini. Kepada pihak ini saya ucapkan terima kasih kepada semua syarikat yang turut memberi sumbangan dalam pengendalian zoo-zoo ini.

Satu lagi perkara yang dibangkitkan ialah tentang PERHILITAN iaitu binatang-binatang seperti rusa hanya dibenarkan untuk diburu pada waktu-waktu tertentu. Ini sebenarnya adalah untuk memastikan bahawa kita mempunyai satu sistem pemburuan yang dibenarkan di mana aspek keselamatan diambil kira. Ia tidak boleh dibenarkan pada bila-bila masa. Kadang-kadang kawasan hutan ini walaupun kita tahu bukan pemburu sahaja yang berada di hutan tetapi ada juga lain-lain tujuan. Mungkin untuk latihan, kajian dan sebagainya dan juga pada waktu-waktu tertentu memang ianya membahayakan orang-orang yang berada dalam hutan ini.

Jadi, itulah sebabnya masa-masa yang tertentu dihadkan untuk pemburuan di dalam hutan-hutan. Jadi, saya harap Yang Berhormat dapat terima apa yang kita amalkan pada masa ini.

Berkaitan dengan gajah liar di Kelantan di mana dikatakan ada berpuluh-puluh ekar di kawasan yang telah pun merosakkan tanaman kelapa sawit yang baru ditanam. Kita harus sedar bahawa ini adalah kawasan milik mereka pada satu ketika kerana pembangunan, jadi kita terpaksa berusaha untuk memastikan ianya dapat dipindahkan ke satu habitat yang lebih sempurna tetapi ada juga banyak pemaju seperti di Johor di mana mereka menggunakan *electric fencing* untuk memberi *shock* kepada haiwan-haiwan supaya mengelakkan mereka daripada menceroboh masuk ke kawasan tanaman mereka. Ini adalah di antara langkah-langkah yang juga boleh diambil oleh pemaju-pemaju kawasan tersebut.

Satu lagi perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Rantau Panjang ialah menyatakan bahawa Jabatan PERHILITAN di Kelantan tidak cukup senjata seperti peluru katanya untuk..., saya tidak tahu tetapi saya percaya ia adalah untuk menjinakkan haiwan tersebut supaya ia dapat menidurkan haiwan tersebut untuk

dipindahkan. Saya harus siasat perkara ini dan sekiranya ia adalah benar, kita akan mengambil tindakan untuk mengatasinya. Saya rasa ini bukan satu perkara yang susah diatasi, jadi kita akan mengambil tindakan sewajarnya tentang perkara ini.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Santubong telah bertanya tentang halangan kementerian, kenapa Akta Biodiversiti belum dibawa ke Dewan untuk diluluskan. Jadi, saya harap Yang Berhormat dapat bersabar dengan kita. Di bawah kementerian ini, kita akan cuba mengkaji perkara ini. Memang kita terima dan akui kerisauan beliau dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain tentang perkara ini dan kita akan berusaha untuk membawa akta ini ke Parlimen seberapa segera yang mungkin. Buat masa ini saya tidak dapat memberi butiran lanjut tentang akta ini tetapi saya sendiri akan menyemak semula perkara ini dan kalau boleh saya akan berusaha untuk menyegerakan pembentangan *bill* ini di masa akan datang.

Yang Berhormat bagi Mambong dan juga beberapa Ahli Yang Berhormat yang lain seperti Yang Berhormat bagi Batu Gajah, Yang Berhormat bagi Ipoh Barat telah menyentuh tentang perkara pencemaran alam yang sangat heboh pada masa ini di dalam surat khabar-surat khabar.

Ingin saya jelaskan di sini bahawa apa yang telah kita lihat dalam surat khabar dua hari yang lalu sebenarnya memang ada satu syarikat yang dinamakan Sinen Biro Sdn. Bhd. dari Johor yang telah mengimport *copper dioxide* dari Taiwan tetapi masalahnya ialah pengimportan ini sebenarnya dilakukan secara haram iaitu mereka telah menggunakan dokumen-dokumen yang palsu untuk meyakinkan pihak berkuasa Taiwan bahawa bahan toksik ini boleh dibenarkan diimport ke negara kita.

Jadi, kerajaan pada bila-bila masa memberi kelulusan ataupun persetujuan untuk ianya diimport ke negara kita. Dengan itu, kementerian ataupun Jabatan Alam Sekitar telah pun mendapat tahu perkara ini pada akhir tahun 2003.

Ada ramai Ahli Yang Berhormat yang bertanya kenapa enam bulan tidak ada apa-apa tindakan. Kita telah mengambil semua tindakan yang perlu dan wajar telah pun diambil iaitu satu daripadanya ialah kita telah pun dengan izin, *clear off the area*. Kita telah pun *clear off the area* dan mengambil tindakan-tindakan yang perlu untuk pastikan bahawa tidak ada sebarang pencemaran kepada alam sekitar, khususnya kepada udara dan air. Jadi, ianya telah disimpan di kilang di mana yang dikatakan kilang membuat batu-bata, memang tidak ada sebarang aktiviti pembuatan batu-bata, ia adalah satu kilang lama kita telah *clean off* kawasan itu dan telah simpan barang-

barang toksik itu di situ. Memang tidak ada sebarang *leaking* ataupun di mana pencemaran udara boleh berlaku. Lagi pun *copper dioxide* ini bukanlah sesuatu...

**Tuan M. Kula Segaran:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat.

**Tuan S. G. Sothinathan:** ...yang boleh...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Ipoh Barat bangun, Yang Berhormat

**Tuan M. Kula Segaran:** Terima kasih dengan penjelasan Timbalan Menteri. Mengenai *copper* yang Timbalan Menteri kata, saya difahamkan bukan itu sahaja. Di antaranya, dengan izin, saya baca apa yang saya dapat secara e-mel, perkara-perkara *hazardous waste*, sisa-sisa yang terdapat di sana adalah di antara lain *acid, sludge, fly ash which containing heavy metal components, compound copper, led, mercury, arsenic, cranium, cardonium* dan sebagainya. Dan saya difahamkan ini semua terkandung di sana. Ini adalah satu perkara yang akan mengakibatkan *long term effect* kepada masyarakat.

Selepas kita mengetahuinya, saya baru sahaja dapat tahu bahawa ada beberapa tindakan sekuriti diambil tetapi sehingga semalam, saya diberitahu hanya ada satu *security guard* sahaja di sana. Itu pun oleh syarikat tersebut, bukan oleh kerajaan. Nombor satu.

Nombor dua, berapakah tan yang telah dibenarkan masuk dengan kebenaran atau dengan tidak kebenaran? Boleh kita tahu mengenai hal itu?

**Tuan S. G. Sothinathan:** Tuan Pengerusi, saya telah katakan kenapa Yang Berhormat mengatakan perkataan "dibenarkan" atau "tidak"? Saya telah pun menjelaskan bahawa ianya dilakukan secara haram. Yang Berhormat kata ini perkara serius so kita mesti *do it very seriously*, Yang Berhormat. Saya telah katakan ianya dibawa secara haram. Kerajaan pada bila-bila masa tidak menggalakkan ataupun membenarkan bahan toksik yang berbahaya dimasukkan ke dalam negara kita untuk apa jua tujuan.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, Yang Berhormat. Ya, Ayer Hitam.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau kita lihat kepada Akta Kualiti Alam

Sekeliling 1974, buangan terjadual (*scheduled waste*) dan saya juga difahamkan kerajaan sudah lama membuat promosi tentang Kualiti Alam Sendirian Berhad untuk menguruskan sisa-sisa toksik ini. Kalau kilang lain, walaupun simpan sedikit sisa toksik akan disamakan dan dibawa ke mahkamah. Persoalannya sekarang, kenapa sudah enam bulan – semalam saya menonton TV3, bekas itu masih lagi disimpan di sana. Kalau saya jadi Menteri atau Timbalan Menteri, saya akan mensyaratkan dia... [Tepuk] Supaya dihantar ke Kualiti Alam, suruh syarikat itu bayar berapa wang yang perlu dibayar dan...

**Tuan S. G. Sothinathan:** Itu sebab *you* tidak boleh jadi Menteri.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** ....dengan cara itu...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Dengan cara itu, barulah kita dapat mengatasi masalah supaya bahan-bahan toksik ini tidak meresap ke dalam air, *water tabor*. Itu akan menjejaskan kesihatan manusia. Minta penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

**Tuan S. G. Sothinathan:** Yang Berhormat, sebenarnya saya belum menjelaskan atau memberitahu apa yang telah kita laksanakan. Saya katakan kita telah memastikan bahawa bahan toksik itu tidak boleh mengalir ke air ataupun ke udara. Kita telah pun mengambil langkah-langkah. Kedua, kita harus sedar kalau kita hendak bawa dia ke mahkamah, kita mesti ada bukti. Kalau tidak ada bukti, bagaimana kita hendak bawa dia ke mahkamah. Kalau dihantar ke Kualiti Alam, apa kita hendak buat?

**Cik Fong Po Kuan:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Batu Gajah bangun, Yang Berhormat.

**Cik Fong Po Kuan:** Saya memang sokong tindakan kerajaan untuk membawa pihak yang telah menyalahgunakan nama baik kementerian, jika ada dan juga memalsukan dokumen bagi menipu pihak berkuasa di negara Taiwan bagi menerima masuk bahan-bahan toksik ini.

Saya rasa Yang Berhormat bagi Ayer Hitam ada kelayakan dan syarat-syarat untuk menjadi Menteri dalam Kementerian Sumber Asli... [Ketawa] [Tepuk]

Saya sekarang ini dan semua orang bertanya bukan hendak dengar kata-kata Yang Berhormat bahawa sudah ada ambil tindakan kami telah pastikan ini, pastikan itu

kita telah kepung tempat tersebut, sekarang yang apa mereka nampak dengan mata mereka sendiri bahawa bahan-bahan itu dibiarkan di situ begitu sahaja. Enam bulan telah dibiarkan begitu sahaja..

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, minta penjelasan.

**Cik Fong Po Kuan:** Dalam masa 6 bulan tindakan mahkamah penyiasatan telah kemudian serius, telah dapat diselesaikan dan dia bukan sebaliknya sekarang tawaran daripada pihak negara Taiwan kami sudi terima. Kalau kementerian ada ambil tindakan kemudian sepatutnya yang memaksa pihak Taiwan untuk terima balik dan bukan sekarang tunggu dan sedang menunggu surat dari Taiwan yang telah meluahkan tawaran untuk terima balik.

Jadi sekarang orang ramai hendak tanya, hendak tahu mengapa kelewatan 6 bulan ini kalau saya percaya khabar ini telah dihebohkan, telah disiarkan, telah dibongkarkan oleh pihak Taiwan dalam masa dua hari ini. Saya percaya kalau kementerian serius dan memandang berat perkara ini boleh selesai dalam masa seminggu *or less*, esok mungkin semua barang telah hantar balik, mungkin. Mengapa 6 bulan tidak boleh buat?

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup, cukup Batu Gajah.

**Puan Fong Po Kuan:** Apabila sudah dihebohkan baru boleh buat, kalau memang kementerian memandang serius perkara ini. Jadi *this is a very important issues* dengan izin. Jadi sekarang ialah mengapa sehingga begini? Dan saya ingin tahu berapakah pegawai yang telah terlibat dalam perkara ini? Jika ya, apa tindakan yang telah diambil atau apa jadi? Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup, cukup Batu Gajah.

**Tuan S.G. Sothinathan:** Dato' Pengerusi, saya minta izin supaya saya menjawab secara menyeluruh sebelum mana-mana Ahli Yang Berhormat membuat pertanyaan lanjut kerana saya belum katakan apa yang hendak dikatakan.....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Sri Gading.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya boleh jadi tidak boleh fahamlah Timbalan Menteri ini menjawab, Ayer Hitam sudah buat kenyataan begitu Timbalan Menteri kata hendak ada bukti, bukti apa? Dari bulan Februari, 12,000 tan. 12, 000 tan bukti apa? Apa benda jawapan ini? Apakah jawapan boleh mempermainkan

Parlimen? Timbalan Menteri kena bertanggungjawab jawapannya, ini Parlimen tidak boleh berbohong di sini, bukti apa lagi hendak?

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, cukup, cukup, Sri Gading.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** 12, 000 matrik tan, bulan Februari tahun lepas....

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup Sri Gading, biar Timbalan Menteri apa yang hendak dijawab. Ya, sila.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Menyampuk lagi tanpa pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, dia belum habis lagi menjawab Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Menyampuk]* Bertanggungjawablah sedikit!

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, sila. Sri Gading, Sri Gading cukup.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Sebelah menyebelah sahaja, kawasan saya! Sebelah menyebelah, sebelah Ayer Hitam, saya pun bertanggungjawab juga. Jangan sedap-sedap jawab sahaja, kena bertanggungjawab tentang jawapan. Apa *you* fikir boleh main-mainkah Dewan ini? *[Ketawa]*

**Tuan S.G. Sothinathan:** Tuan Pengerusi, sebenarnya jumlah yang didapati di tempat tersebut adalah 1,500 tan. Dan perkara ini adalah ianya berasal daripada Taiwan, jadi untuk membawa kes ini ke mahkamah kita mesti pastikan di mana, dari mana, macam mana bahan toksik ini wujud, sama ada ianya melalui satu proses pengeluaran ataupun dari sumber mana? Jadi banyak perkara-perkara yang perlu disiasat, tidak guna kita bawa secara tergesa-gesa perkara ini ke mahkamah dan kita rasa perkara ini adalah yang sangat serius dari segi undang-undang. Dari segi alam sekitar kita telah pun mengambil segala tindakan. Saya telah mengatakan tidak ada sebarang ancaman daripada bahan yang disimpan di sini buat masa ini kerana segala tindakan yang perlu telah pun diambil. Tetapi apa yang kita sedang berusaha ialah kita hendak pastikan bahawa orang yang telah melakukan kesalahan ini supaya mereka melalui proses undang-undang.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ayer Hitam bangun, Yang Berhormat.

**Tuan S.G. Sothinathan:** Saya ingat Yang Berhormat semua faham, Ahli Yang Berhormat bagi Batu Gajah, Sri Gading, Ayer Hitam semua faham kita kena adakan bukti yang kukuh sebelum perkara ini dibawa ke mahkamah. Jadi kita hendak pastikan bahawa ini adalah kes pertama, kita hendak betul-betul memastikan bahawa kita mengajar orang yang telah melakukan kesalahan. Di sini ada dua kesalahan...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi jalankah atau tidak?

**Tuan S.G. Sothinathan:** Biar saya selesaikan dahulu baru Yang Berhormat tanya ya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia belum bagi jalan, Yang Berhormat.

**Tuan S.G. Sothinathan:** Jadi dua perkara, iaitu satu ialah tentang pemalsuan dokumen di mana laporan polis telah pun dibuat dan kita serahkan kepada pihak polis untuk melakukan siasatan dan mengambil tindakan undang-undang yang sewajarnya.

Yang keduanya ialah pengimportan bahan toksik ini daripada luar negeri, ia adalah di bawah Environment Quality Act 1974, di mana untuk tujuan pendakwaan di bawah akta ini, kita sedang mengumpul dan sedang menjalankan penyiasatan, sedang mengambil bukti-bukti untuk memastikan bahawa kita berjaya dalam pendakwaan ini. Kita tidak berhasrat untuk melengah-lengahkan perkara ini, tidak.

Tuan Pengerusi, dari segi alam sekitar kita telah pun melakukan apa yang perlu. Yang kedua itu iaitu tentang aspek undang-undang itu biarlah kita serahkan kepada pegawai-pegawai untuk memastikan bahawa mereka betul-betul menjalankan tugas mereka supaya pendakwaan mereka itu berjaya supaya ini dijadikan satu pengajaran kepada mana-mana syarikat ataupun mana-mana pihak yang berhasrat untuk melakukan sedemikian di masa akan datang. Kita tahu perkara ini agak serius, tetapi dari segi alam sekitar semua sudah dibuat, tidak perlu bimbang. Saya juga ingin mengatakan bahawa mungkin ada yang tanya kenapa kita hantar balik.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada yang bangun Yang Berhormat, ada yang bangun.

**Tuan S.G. Sothinathan:** Kita telah hantar balik ke Taiwan, Yang Berhormat, saya...

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tiga yang bangun, Yang Berhormat

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun]*

**Dr. James Dawos Mamit:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Kita bimbanglah dengan alam sekitar ini!

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sri Gading, Sri Gading, dia belum beri jalan lagi. Sila duduk, duduk.

**Tuan S.G. Sothinathan:** Kenapa ia tidak dihalang, saya telah katakan. Yang Berhormat, sabar sekejap Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia belum bagi jalan, sila duduk.

**Tuan S.G. Sothinathan:** Kita telah katakan kita perlukan bukti ini, kalau kita hantar balik ke Taiwan atau kita hantar balik ke kualiti alam untuk dilupuskan jadi bermakna kita tidak ada bukti dan kita tidak boleh berjaya dalam dakwaan kita. Kita memang sedar tentang bagaimana Yang Berhormat semua bertimbang rasa dan memberi perhatian yang serius ke atas masalah pencemaran ini. Begitu juga itulah tugas kita, kita akan lakukan.

**Dr. James Dawos Mamit:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada yang bangun, Yang Berhormat

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya berterima kasih dan tahniah kalau Timbalan Menteri kata memang kita ambil tindakan, saya minta dahulu!

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang lain itu, sila duduk dahulu. Yang lain duduk dahulu.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya ada bukti bagaimana alam sekitar, kalau orang kampung ada longgokan kayu bakar, bakar, Oh! Ambil tindakan orang kampung lekas terus saman, kalau orang kampung. Saya ada bukti kawasan perindustrian di Sri Gading. Banyak kilang-kilang mengeluarkan pencemaran kita adu, tidak ada kisah apa-apa? Tidak ada tindakan apa-apa? Banyak, saya ada bukti,



bukan tidak ada bukti. Sebab itu UMNO Bahagian, Ahli Parlimen, macam-macam surat datang merayu pada saya ambil tindakan atas pencemaran kilang-kilang tapi tidak ada apa-apa bukti. Oh! Kalau orang kampung bakar sedikit kayu, ambil tindakan, saman. Orang kampung boleh ambillah, orang yang kaya, orang yang kilang besar-besar *you*, apa? Menteri boleh buat kerja ini sampai ke bawah, boleh tengok pegawai-pegawai dia?

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sudah? Ya, sila.

**Tuan S.G. Sothinathan:** Tuan Pengerusi, saya harap Yang Berhormat sedar bahawa perkara ini satu perkara yang serius. Kita telah katakan kita tahu bahawa ianya adalah satu bahan toksik jadi mungkin ada juga kemungkinan ianya akan boleh menjadi salah satu toksik berjadual. Jadi kita hendak pastikan bahawa semua butir-butir ataupun bukti ini sebelum dapat menentukan di mana sebenarnya bahan toksik ini wujud kerana ini adalah sisa *industrial* dan bukan seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat tentang pembakaran di kawasan-kawasan pertanian dan sebagainya di mana bukti ia mudah diperolehi. Jadi ini adalah juga melibatkan dua negeri, bukan dalam negeri sahaja.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *[Bangun]*

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** *[Bangun]*

**Dr. James Dawos Mamit:** *[Bangun]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada lima yang bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** *Vaneekum!*

**Tuan S.G. Sothinathan:** Saya bagi Jerai.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang lain, sila duduk.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan terima kasih Timbalan Menteri. Saya faham memanglah peraturan dan perundangan telah pun kita luluskan di Dewan yang mulia ini tetapi saya pun faham kementerian juga kadang-kadang masalah kekurangan pegawai untuk mengambil tindakan-tindakan yang tertentu. Tetapi saya kira kalau ini dapat disusun semula memastikan pegawai-pegawai yang menjaga alam sekitar ini dapat

diperbanyak. Barangkali ini salah anggapan daripada JPA dan sebagainya untuk pengambilan pegawai-pegawai ini, itu yang menyebabkan Sri Gading naik angin.

Jadi saya cuba hendak menenteramkan keadaan, kalau boleh [*Ketawa*] pihak kementerian memperbanyak. Dia memang macam itu, Tuan Pengerusi, mulut dia deras tetapi hati dia baik, hati cukup baik, fasal dia tidak boleh balik kampung. Ini kalau dia balik kampung - teruk, fasal alam sekitar.

Jadi saya harap kalau boleh kementerian, peraturan sudah ada, undang-undang sudah ada, kita tengok nanti bukan setakat toksik dan sebagainya. Karam Singh pun sudah pergi Attar sekarang ini, Karam Singh dengan peribahasanya, dengan kata-katanya, tangan macam ini, macam ini [*sambil menunjukkan demonstrasi pergerakan tangan*] bercakap macam ini tiap-tiap malam dalam televisyen, [*Ketawa*] itu Karam Singh.

Ini Karpal Singh tidak buat apa-apa pun, tetapi 'Sri Gading Singh' mungkin hari ini dia sudah naik angin. [*Ketawa*]

Cuma saya minta pihak kementerian, peraturan sudah ada, undang-undang ada, kalau pegawai tidak cukup untuk menjalankan tindakan-tindakan ini, minta di Jabatan Perkhidmatan Awam. JPA kena tolong kerana ini hendak menguatkan kuasa, kalau tidak kita tidak boleh berjawab dengan rakyat. Jadi, saya harap pihak Menteri faham bahawa kita dapat lihat bahawa kebanjiran, hakisan, semua dicakapkan pada hari ini, dan saya pun faham, kalau saya jadi Menteri pun saya pening.

Hakisan bukan berlaku di satu tempat, di seluruh negara, jadi kementerian kena duduk betul-betul, pakat, selesai yang mana perlu diutamakan, utamakan, kalau perlu kita buat *resettlement* untuk rakyat kerana hakisan, buat itu dahulu, kemudian kita cari duit untuk hendak menambah pantai-pantai yang sedang terhakis ini. Jadi Yang Berhormat, saya ingat cara saya cerita pada Yang Berhormat pun elok, tidak kacau apa-apa, pegawai-pegawai di kementerian pun ada, balik buat kerja elok-elok. Hah! Buat kerja elok-elok. Terima kasih. *Nandre, nandre.* [*Ketawa*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri sila beri jawapan konkrit, selepas itu pindah ke tajuk lain.

**Tuan S. G. Sothinathan:** Saya beri Yang Berhormat bagi Mambong, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya! Yang Berhormat bagi Mambong, sila.

**Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri dan terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, kita memang serius tentang pencemaran kualiti alam sekitar. Itulah sebabnya kita menimbulkan isu ini yang dilaporkan di dalam surat khabar dua hari yang lepas, kalau betul. *[Disampuk]* *[Ketawa]* Kenapalah dia hendak salam dengan saya tiba-tiba. *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Teruslah Yang Berhormat bagi Mambong.

**Dr. James Dawos Mamit:** Kalau betul yang *disclaimed* oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Barat bahawa selain daripada *copper oxide, acid, sludge* dan *fly ash*. Asid memang kita tahu, *sludge* dan *fly ash* yang mengandungi *heavy metal* yang dikatakan tadi, seperti *lead, mercury, arsenic, chromium* dan *cadmium*. Ini adalah sisa-sisa yang berjadual dan haruslah dilupuskan. Memang saya setuju dengan pihak kementerian bahawa kita tidak perlu melupuskan pada masa dan waktu yang terdekat, kerana kita belum mengheret lagi *culprit* ini ke mahkamah.

Tetapi saya bimbang tentang penyimpanan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa tindakan yang diperlukan sudah diambil. Jadi, apakah tindakan-tindakan ini dari segi penyimpanan, dari segi tong-tong yang digunakan untuk menyimpan bahan-bahan ini, adakah ia boleh tahan jika *oxidation* berlaku dan ia tidak bocor. Jika ia bocor, memanglah ini semuanya mengalir ke dalam sumber air tanah. Ini yang kita bimbangkan. Dan lagi, kalau kaedah penyimpanan ini tidak betul, maka ada juga timbul gas-gas yang boleh terkeluar daripada tempat-tempat penyimpanan tersebut. Ini juga yang kita bimbangkan.

Itulah sebabnya kita menimbulkan perkara ini dan saya haraplah dari pihak kementerian untuk mempercepatkan *investigation* agar *culprit* ini boleh dibawa ke mahkamah. Sekian.

**Tuan S. G. Sothinathan:** Tuan Pengerusi, saya .....  
*[Tiga Ahli Yang Berhormat bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada tiga Ahli Yang Berhormat bangun, Yang Berhormat.

**Tuan S. G. Sothinathan:** Saya teruskan sahajalah, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat. Sila duduk.

**Tuan S. G. Sothinathan:** Okey! Yang Berhormat bagi Santubong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Santubong, yang lain sila duduk.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Hah! Yang lain duduk. Yang lain duduk. Tuan Pengerusi, kita sudah dengar penjelasan daripada Timbalan Menteri dan saya juga telah mendengar penjelasan daripada pakar kita berhubung perkara ini, masa yang diambil ialah 6 bulan. Saya ingin bertanya dari segi perundangannya, adakah sebab yang ada pada kita masa sekarang tidak mencukupi untuk membolehkan kita mempercepatkan pembungkusan toksik-toksik ini, oleh kerana mungkin *evidential rule* kita mengikut *evidence* yang biasa, yang mana perkara ini mesti wujud di sana, dibawa ke mahkamah, selepas mahkamah melihat dan menilai baru perkara ini boleh dipupuskan, ataupun perundangan-perundangan asas kita belum mencukupi.

Yang ketiga, kepakaran dalam kementerian itu sendiri, cukup ataupun tidak untuk memeriksa dan menjalankan penyelidikan selama 6 bulan. Kalau ini belum mencukupi saya mencadangkan, Tuan Pengerusi, supaya kementerian melihat secara dalam, oleh kerana sekarang kita sudah melihat, kalau berlakulah sesuatu perkara, 6 bulan atau setahun kita tunggu, dan kalau banyak perkara ini datang ke Malaysia, maknanya kita akan *broke down*, dengan izin.

Jadi, lihat semula soalan *evidence*, lihat semula soalan perundangan, lihat semula soalan kepakaran dalam kementerian, sama ada kita boleh memupuskan dan menyelesaikan masalah toksik ini, kerana kita bimbang *the shipping* ke dalam air dan keluar gas yang ke udara oleh kerana simpanan begitu lama. Terima kasih.

**Tuan S. G. Sothinathan:** Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih ke atas segala pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat bagi Jerai, Yang Berhormat bagi Mambong dan Yang Berhormat bagi Santubong sebentar tadi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada yang bangun, Yang Berhormat.

**Tuan S. G. Sothinathan:** Saya belum habis lagi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia belum bagi, Yang Berhormat. Bagi dia jawab dahulu.

**Tuan S. G. Sothinathan:** Biar saya jawab. Nanti saya lupa hendak jawab. Jadi, kita memang menghargai segala kebimbangan Ahli-ahli Yang Berhormat, tetapi dalam proses perundangan kita, biasanya ada dua perkara iaitu '*search and surge*' dalam CPC (*Criminal Procedure Code*). - itu mesti mengikut perundangan. Jadi, memang kita semua faham tentang bagaimana sesuatu barang yang digunakan untuk kes-kes ini harus dilupuskan, sangat penting. Kita tidak boleh lupuskan, lepas itu tidak boleh mengemukakan bukti, itulah sebabnya. Tetapi buat sementara waktu, apa sahaja langkah yang perlu untuk pastikan bahawa tidak ada sebarang pencemaran udara, tidak ada pencemaran air, tidak memudaratkan manusia, semuanya telah pun diambil oleh pihak kementerian.

Jadi, yang penting ialah sekarang proses perundangan dan saya telah katakan bahawa perkara ini adalah *hazardous* toksik yang telah dibawa masuk daripada Taiwan. Jadi, kita perlu juga mengadakan beberapa siasatan daripada pihak pengekspor daripada Taiwan, kita perlu mendapatkan maklumat. Jadi, bila melibatkan dua negara, apatah lagi Taiwan, jadi kita mesti mendapatkan banyak maklumat daripada sana, dan, itulah sebabnya. Memang saya boleh berikan jaminan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat isu alam sekitar ini adalah satu isu yang sangat penting, saya memang kagum dengan sikap yang ditunjukkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang begitu prihatin dan begitu agresif dalam isu alam sekitar.

Jadi, saya beri jaminan, kita akan pastikan bahawa kalau ada sebarang kelemahan dari segi anggota untuk melaksanakan ataupun menjalankan undang-undang, pastikan bahawa undang-undang dapat dikuatkuasakan. Kita akan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya dan juga kita akan minta sokongan daripada JPJ atau Jabatan Perkhidmatan Awam ataupun Bahagian Perbendaharaan untuk pastikan bahawa alam sekitar diberi keutamaan oleh semua pihak termasuk juga agensi-agensi kerajaan. Pihak kerajaan negeri, dan pihak berkuasa tempatan turut memberi pertimbangan dan minat seumpama ini, jadi masalah ini akan lebih mudah bagi kita, tetapi kita akan ambil ini bukan sebagai satu teguran, kita ambil ini sebagai satu cabaran.

**Beberapa Ahli:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada dua orang Ahli Yang Berhormat bangun, Yang Berhormat.

**Tuan S. G. Sothinathan:** Satu cabaran kepada kementerian yang baru ini, di mana kita akan melaksanakan sedaya upaya mungkin dengan sokongan semua Ahli Yang Berhormat. Jadi, itulah sahaja yang dapat saya katakan tentang perkara kes pengimportan daripada Taiwan ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat ada dua, dia tidak bagi Yang Berhormat.

**Tuan S. G. Sothinathan:** Okey, okey Yang Berhormat bagi Bagan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Bagan. Ya, sila. Cakap Yang Berhormat.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Pengerusi, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah berkata, segala tindakan untuk melarang kebocoran bahan toksik ini telah diambil, tetapi kita nampak dalam surat khabar bahawa barang-barang ini, *just put in the open air*. Beg guni itu pun sudah pecah, tidak tutup dan apa-apa pun, bagaimana bau itu tidak lepas. Tadi, Yang Berhormat kata polis *report* telah dibuat. Saya ingin tahu, polis *report* telah dibuat pada bila? Enam bulan dahulu atau baru dua, tiga hari ini sahaja, dan apa peranan pihak polis dalam menyiasat kes ini, sama ada kementerian akan menyerahkan kes ini kepada pihak polis untuk menyiasat atau pihak Yang Berhormat sendiri sedang menyiasat. Terima kasih.

**Tuan S. G. Sothinathan:** Tuan Pengerusi, *copper oxide* ini memang tidak dapat '*vibrate*' ke udara, jadi tidak perlu bimbang tentang gambar yang Yang Berhormat telah lihat, dan tentang pemalsuan dokumen tersebut, kita telah pun menyerahkan perkara ini, pada awal tahun ini untuk buat laporan kepada polis dan kita serahkan kepada polis. Kita tidak mengambil tugas penyiasatan dan dakwaan. Tetapi tentang pengimportan bahan toksik tersebut daripada Taiwan itu, Jabatan Alam Sekitar akan buat pendakwaan setelah bukti-bukti semuanya terkumpul.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tolong beri tarikh laporan polis itu dan kalau ada nombor laporan kita pun juga ingin membeli senaskhah untuk disemak.

**Tuan S. G. Sothinathan:** Saya tidak ada tarikh laporan polis Yang Berhormat. Tetap[*l*] tindakan telah diambil.

**Tuan Lim Hock Seng:** Yang Berhormat boleh beritahu selepas ini secara bertulis sebab kami berminat untuk membeli se naskhah...

**Tuan S. G. Sothinathan:** Okay, terima kasih, Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, perkara ini telah kita bincang lama, boleh pergi kepada yang lain.

**Tuan S. G. Sothinathan:** Jadi, itu sahajalah tentang perkara toksik ini...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah yang itu.

**Tuan S. G. Sothinathan:** Perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Barat mengenai *crematorium*. Sebenarnya pembakaran di dalam *crematorium* adalah dibenarkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekitar. Kawalan terhadap pelepasan asap dikuatkuasakan melalui pengukuran untuk memastikan ianya mematuhi standard yang ditetapkan. Jadi, ianya memang terkawal Ahli Yang Berhormat.

Tentang kawalan penggunaan bahan plastik diambil kira dalam Strategi Kebangsaan Pembuangan Pepejal yang sedang diuruskan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Memang ini adalah satu perkara yang bukan sahaja di negara kita tetapi di seluruh dunia, perkara ini memang hangat diperdebatkan dan kita juga mengambil kira tentang segala kebimbangan dan kerisauan Ahli-ahli Yang Berhormat di mana kita juga melalui Jabatan Alam Sekitar, kita akan memberi pandangan kita kepada kerajaan tentang perkara ini supaya kerajaan dapat mengambil kira semua pandangan ini sebelum satu keputusan yang muktamad dapat diambil oleh kerajaan...

**Tuan M. Kula Segaran:** Tuan Pengerusi, penjelasan. Saya minta penjelasan mengenai hal pertamanya mengenai *crematorium*. Saya menyatakan dahulu ialah mengenai penggunaan kayu-kayu untuk membakar mayat-mayat yang menjadi satu perkara yang serius dan saya mencadangkan supaya kita perlu mengadakan satu *crematorium* di merata-rata tempat. Itu perkara yang pertama.

Perkara kedua ialah mengenai plastik. Saya rasa satu formula atau strategi tidak wujud dalam negara ini untuk mengatasi masalah penggunaan plastik yang sewenang-wenangnya. Di merata-rata tempat orang menggunakan bahan plastik seolah-olah *it is free for all* dengan izin, kerana harganya terlampau murah. Saya mencadangkan kerajaan memantau dan perlu ada satu cara untuk mengatasinya.

Pertamanya kita perlu mengadakan cukai atau *tax* yang kementerian ini perlu mencadangkan. Keduanya kita perlu ada satu inovasi – satu perkara yang luar biasa supaya rakyat Malaysia dapat menggunakan bahan selain daripada plastik kerana ia *not biodegradable*. Itulah yang katakan dahulu *the two men on NGO* yang saya hadiri

forum tersebut dan saya tertarik dengan apa yang mereka katakan. Mereka berkata dengan izin, Timbalan Menteri bahawa kementerian ini tidak begitu mantap. Macam saya pernah katakan dahulu, di Bangladesh ada undang-undang mengenai perkara ini. Adakah kita takut atau tidak berani atau *no responsibility – moral or social responsibility* dalam negara ini untuk membawa undang-undang khas untuk mengawal perkara ini.

**Tuan S. G. Sothinathan:** Tuan Pengerusi, tentang perkara *crematorium* tadi, sebenarnya *crematorium* yang dibina khas itu saya telah katakan tadi tetapi tentang *open burning* itu, memang pihak-pihak berkuasa tempatan harus memasukkan ke dalam bajet pembangunan mereka. Kita juga akan mengemukakan pandangan kita kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya perkara ini boleh diberi pertimbangan di mana-mana tempat yang sesuai untuk perkara ini.

Tentang bahan plastik ini saya telah pernah menyatakan bahawa seperti yang saya katakan tadi, memang kita sedar dan semua orang sedar tetapi ada beberapa faktor ataupun sebab di mana kita tidak boleh mengambil tindakan dengan segera. Jadi, memang kita tahu bahawa ia adalah *non biodegradable*. Kita akui fakta tersebut tetapi mungkin ini akan mengambil masa yang lama dan perlu dipertimbangkan secara mendalam bukan sahaja oleh kementerian saya tetapi kerajaan harus mengambil kira beberapa aspek kepentingan pada semua pihak – pihak industri, alam sekitar dan menimbangkan dua-duanya sekali sebelum sebarang keputusan dibuat. Jadi, akan sampai masa bila mana hasrat kita untuk tidak menggunakan plastik itu mungkin tercapai itu tidak dapat saya nyatakan dengan pasti di sini buat masa ini. Tentang...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ipoh Barat bangun, Yang Berhormat.

**Tuan M. Kula Segaran:** Penjelasan sedikit. Saya sendiri kenal Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya bersetuju pandangan *on your personal basic*, dengan izin tetapi saya rasa kerajaan tidak serius. Saya rasa ini bukan sahaja pandangan saya tetapi kebanyakan Ahli-ahli Parlimen juga seperti saya dalam hal ini Plastik ini pada *in the long term*, dengan izin, *has got very-very severe damage to the environment*. Di merata-rata tempat yang berlaku banjir adalah disebabkan oleh plastik *because* dengan izin, *it's not biodegradable*. Apabila ia di dalam tanah, air tidak dapat masuk ke tanah. *It is something* dengan izin, *known by the ministry* tetapi kerana industri-industri plastik sangat kuat, ia menyokong dan sependapat dengan



kementerian, maka tidak ada apa-apa tindakan yang dibuat oleh kerajaan terhadap industri tersebut.

Saya sendiri tahu banyak industri yang mengatakan bahawa, *turn-over* nya sangat lumayan dan ada banyak pekerja yang bekerja di sana, maka yang lain boleh di *sacrifice*, dengan izin. Jadi bukankah kita dengan izin, *we are avoiding the real, addressing the real problem*.

Sebagaimana yang saya katakan dahulu, membeli bahan-bahan makanan yang panas dari *market* sebenarnya itu menyebabkan satu masalah kanser kepada masyarakat. Kenapa kerajaan tidak ingin memberitahu kepada orang ramai seperti yang kita katakan "*Jangan Merokok. Tak nak*" Mengapa kita tidak katakan "Jangan gunakan plastik, itu mengakibatkan kanser, mengakibatkan kesakitan yang teruk" Kepada masyarakat. *Why are we not daring enough to address the problems*, dengan izin. *Why we are hiding away, running away...*, macam jawapan Timbalan Menteri, "Ya, kita akan memantau, kita akan mengambil tindakan. *We will look into it*" Saya rasa kita perlu lebih seriuslah. Kenapa kita tidak berani membawa satu undang-undang khas untuk perkara ini?

Macam Bangladesh...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup, cukup Ipoh Barat.

**Tuan M. Kula Segaran:** ...satu negara yang sangat miskin boleh membuat sedemikian. *South India* sudah mulakan. *They are third world countries*. Kenapa Malaysia tidak boleh?

**Tuan S. G. Sothinathan:** Tuan Pengerusi, saya rasa adalah salah untuk kita katakan bahawa penggunaan plastik untuk membungkus makanan itu menyebabkan kanser. Itu adalah satu *statement* yang kalau kita ada bukti, kita boleh buktikan kepada Kementerian Kesihatan, maka mereka akan dapat menentukan kesahihan dakwaan Yang Berhormat. Jadi..

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada dua yang bangun, Yang Berhormat. Hendak bagi yang mana Yang Berhormat?

**Tuan S. G. Sothinathan:** Kinabatangan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Tuan Pengerusi, saya rasa perkara ini telah hangat dibahaskan. Jadi, saya ingin mengesyorkan kepada kementerian Yang Berhormat kalau boleh membawa isu ini ke Kabinet untuk dipertimbangkan. Sebab kita

melihat bahawa isu alam sekitar ini *not negotiable* – tidak boleh dirundingkan. Bagaimana negara kita akan menerima penduduk masa depannya kalau kita tercemar, kalau kita diancam keselamatan kita? Jadi, bukanlah menjadi satu beban masalah kepada kementerian ini membawa mesej daripada Wakil-wakil Rakyat di Dewan yang mulia ini supaya ditimbang di pihak Kabinet, di kementerian untuk dibincangkan oleh Menteri-menteri yang terlibat dan rasa saya, apa pun keputusan kerajaan akan kita terima.

Jangan kita pertahankan benda yang boleh menghancurkan masa depan kita bersama. Terima kasih.

**Tuan S. G. Sothinathan:** Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Keseriusan Yang Berhormat dalam perkara ini memang kita akan mengemukakan pandangan ini dengan apa cara sekalipun, walaupun..., tetapi kita akan menyampaikan kepada pucuk pimpinan kita untuk menimbangkan perkara ini dan terpulanglah kepada kerajaan untuk menentukan hala tuju dalam perkara ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya. Mambong bangun, Yang Berhormat

**Tuan S. G. Sothinathan:** ...Tetapi buat masa ini untuk mengatasi masalah plastik dan bahan buangan sampah ini, kita juga menggalakkan penggunaan *incinerator*, di mana kita dapat *mitigate* masalah bukan sahaja sampah plastik sahaja tetapi juga bahan buangan sampah juga dan kesannya terhadap alam sekitar dapat dikurangkan melalui wujudnya *incinerator* tersebut. Ya, sila Mambong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Mambong.

**Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Tuan Pengerusi, dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hanya ingin membantu tentang penggunaan plastik ini. Plastik ini dalam bentuk plastik ataupun dalam bentuk plastik beg memang tidak menimbulkan penyakit kanser. Tetapi yang saya bimbang kerana orang-orang kampung jika mereka tidak mahu membuang plastik ini dengan sewenang-wenangnya tetapi membakarkan bahan-bahan plastik ini bercampur pula dengan rumput. Gas-gas yang terkeluar daripada pembakaran plastik ini ialah gas *dioxin*. Semua kita tahu gas *dioxin* ini adalah gas *inorganic* yang beracun yang boleh mengakibatkan kanser. Ini adalah satu kebimbangan.

Juga jika plastik ini dibakar hanya di dalam *incinerator* yang bukan teknologi tinggi, bukan yang mengguna teknologi *gasification*. Saya juga bimbang kerana asap

yang terkeluar juga nanti akan mengeluarkan *dioxin* yang mengakibatkan kanser. Sudah banyak bukti di merata-rata dunia. Ada satu bandar kecil terdekat dengan Tokyo di mana mereka ada satu *incinerator* yang membakar plastik dan didapati bahawa bayi-bayi di situ menghidapi penyakit kanser. Apa sebab? Sebab ibu-ibu mereka menghidu gas-gas *dioxin* yang terkeluar daripada *incinerator* ini dan bayi-bayi mereka pula, anak-anak mereka ini memanglah minum susu ibu. Itulah sebabnya mereka menghidapi kanser ataupun barah. Jadi, ini satu kebimbangan.

Yang kedua, bukan sahaja plastik tetapi *styrofoam*. *Styrofoam* ini diguna dengan banyak untuk membungkus makanan ataupun *take-away*. *Styrofoam* ini jika kita letak makanan panas dalam *Styrofoam* ini juga mengeluarkan sedikit gas, bukannya banyak, sedikit gas, dan gas yang terkeluar ini juga adalah gas beracun. Kenapa kita ataupun kementerian tidak menggalakkan pembuatan *container* daripada gentian kelapa sawit kerana ada satu kilang di negeri Johor sudah pun mengeluarkan *container* yang dibuat dari gentian kelapa sawit. Walaupun mereka tidak jual di sini tetapi permintaan daripada negara Europe sudah meningkat tinggi. Oleh itu, mereka tidak dapat mengeluarkan dengan kuantiti yang banyak untuk guna di dalam negara kita sendiri. Apa komen Yang Berhormat Timbalan Menteri?

**Tuan S.G. Sothinathan:** Tuan Pengerusi, tentang plastik itu saya setuju kalau ianya dibakar memang ada pengeluaran gas *dioxin* kita tahu. Tetapi tentang *styrofoam* itu saya tidak dapat pastikan. Tetapi kita juga telah membincangkan dengan penggunaan plastik ini dan juga alternatif yang boleh digunakan di mana kita boleh gunakan *recycle paper* dan sebagainya. Juga seperti Yang Berhormat katakan penggunaan gentian kelapa sawit, kita juga telah melihat tentang daun mengkuang yang boleh digunakan di mana beg-beg boleh dibuat. Perkara-perkara ini semua dalam cadangan kita.

Jadi, kita akan mengemukakan segala perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat di Dewan ini kepada kerajaan untuk menimbangkan bersama-sama dengan mengambil kira semua faktor lain daripada pelbagai kementerian yang turut terlibat supaya dapat kerajaan menentukan bagaimana penggunaan plastik ini di masa akan datang. Saya rasa kerajaan tidak akan mengambil satu keputusan yang baik demi kesejahteraan dan kebaikan rakyat dan juga ekonomi negara kita ini.

Tuan Pengerusi, berkaitan dengan kes Kampung Aceh di mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Barat. Ini sebenarnya adalah berkaitan dengan pembuangan *iron oxide* di Kampung Aceh telah dibenarkan untuk eksport ke China oleh Lembaga Pelesenan Tenaga Atom di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Pengawasan yang dijalankan oleh Lembaga menunjukkan bahawa kadar radiasi adalah di bawah paras bahaya. Jabatan Alam Sekitar bersama dengan Lembaga telah mengarahkan kilang menutup bahan tersebut dengan kanvas untuk mengatasi masalah buat sementara waktu sehingga menunggu ianya untuk dieksport.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa telah pun membangkitkan tentang perkara...

**Tuan M. Kula Segaran:** Penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Ipoh Barat bangun.

**Tuan S.G. Sothinathan:** Yang Berhormat, kita telah bincang dengan panjang lebar tentang perkara ini.

**Tuan M. Kula Segaran:** Sedikit sahaja.

**Tuan S.G. Sothinathan:** Jadi, masa pun tidak mengizinkan. Jadi, biar saya jawab, kerana tidak guna perkara yang sama telah pun dijelaskan. Mungkin Yang Berhormat boleh bincang dengan Kementerian Sains nanti kerana ianya di bawah Lembaga Pelesenan Tenaga Atom.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia tidak bagi jalan, duduk.

**Tuan S.G. Sothinathan:** Berkaitan dengan Basel Convention ia memberikan garis panduan tentang bagaimana satu bahan toksik boleh dibawa daripada satu negara ke negara lain. Jadi, Jabatan Alam Sekitar ataupun di Malaysia ataupun dibawa ke Taiwan, mereka tidak membenarkan kalau tidak ada sebarang sokongan daripada kerajaan maka ia tidak dibenarkan. Tetapi perkara yang saya sebut tadi itu adalah bukan dengan keizinan kerajaan tetapi dengan cara pemalsuan ianya dilakukan.

Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa telah pun membangkitkan tentang perlunya wujudkan satu jawatan untuk Jabatan Alam Sekitar di Lojing, Kelantan di mana pembangunan pesat sedang berjalan. Tetapi saya tidak tahu sama ada ini wujudkan satu daerah baru ataupun Yang Berhormat menyentuh tentang sebenarnya Jabatan Alam Sekitar. Tetapi sekiranya ianya berkaitan dengan Jabatan Alam Sekitar maka saya akan wujud satu daerah baru, maka Jabatan Alam Sekitar yang ada di

negeri itu boleh mengambil atau menjaga atau mengambil tahu masalah-masalah yang wujud di sesuatu negeri. Jadi, Yang Berhormat tidak perlu kerana perkara ini tidak berkaitan dengan daerah. Jadi, alam sekitar ini di peringkat negeri dan juga bila adanya satu daerah baru mungkin kita akan mengkaji sama ada kita perlu wujudkan satu pejabat alam sekitar di situ.

Berkenaan dengan Limbang Sungai Golok, tentang 15 kilometer yang Yang Berhormat katakan tadi, sebenarnya perkara ini masih dalam perbincangan dengan pihak Kerajaan Thailand. Jadi, sebaik sahaja kita dapat menentukan kerana masalah sempadan itu tidak dapat ditentukan dengan tepat buat masa ini. Jadi, perkara ini masih dalam perbincangan. Sebaik sahaja kita dapat menyelesaikan saya rasa kita boleh menyelesaikan, cuma 15 kilometer lagi yang tertinggal itu kita dapat selesaikan.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Baram telah bertanya tentang paras air laut dalam satu dua bulan ini sangat tinggi berbanding dengan dahulu. Saya tidak dapat menentukan sama ada apa yang dikatakan ini adalah betul tepat ataupun tidak. Jadi, saya terpaksa mendapatkan maklumat daripada Jabatan Pengairan dan Saliran dan Jabatan *Geosains* dan lain-lain jabatan di bawah kementerian untuk menentukan tentang perkara ini. Sekiranya ada sebarang perkara yang luar biasa, saya akan maklumkan kepada Yang Berhormat secara bertulis. Kalau tidak ada, saya rasa tidak perlulah saya beri maklum balas kepada Yang Berhormat.

Tentang hakisan pantai yang telah pun dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, sebenarnya masalah hakisan ini memang berleluasa di kawasan pantai kita. Tetapi untuk mengatasinya pelbagai kaedah telah pun diamalkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran, di antaranya ialah seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi ialah *Integrated Shoreline Management Plan*, dengan izin, *Beach Enhancement Project* ataupun Reklamasi Pantai dan juga yang baru sedang diuji oleh kerajaan ialah *Beach Management System* yang dilakukan oleh Jabatan Kerja Raya.

Jadi, inilah di antaranya tetapi semuanya melibatkan peruntukan yang sangat besar tetapi kita memberi keutamaan (*priority*) kepada mana-mana tempat khususnya seperti di Kelantan dan Terengganu kita tahu bahawa perkara ini agak serius, di mana sampai 300-400 meter telah pun terhakis. Jadi, kita memandang serius perkara ini dan dalam perhatian Jabatan Pengairan dan Saliran di bawah kementerian saya.

Satu lagi perkara ialah tentang masalah *flood gate* yang belum dibaiki yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi. Saya telah pun mengambil maklum perkara ini,

saya akan cuba mengatasi kerana ianya adalah satu perkara kecil. Pada hal kita boleh lakukan satu projek berjuta-juta ringgit tetapi tidak dapat menyelesaikan *flood gate* itu mungkin satu kesilapan pengurusan ataupun teknikal tetapi kita akan siasat. Saya harap kita dapat selesaikan dengan segera.

Perkara yang terakhir yang dibangkitkan ialah berkaitan dengan FRIM, iaitu tentang pencurian balak dan tentang lesen membalak. Sebenarnya ini adalah perkara di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Seperti mana yang telah saya katakan semalam semasa sesi soal jawab, memang kita ada tiga kategori yang berlainan iaitu hutan simpan kekal yang mana kalau kita lihat untuk negara kita ini, sebenarnya kita ada 14.28 juta hektar lagi kawasan hutan kekal, di mana 3.43 juta hektar dari keluasan ini dilindungi sebagai kawasan tadahan air.

Yang kedua ialah kawasan-kawasan hutan di mana dibenarkan untuk membalak, dan yang ketiga ialah kawasan-kawasan di mana yang di luar kawasan yang digezetkan di mana pembalakan dibenarkan untuk pembangunan. Biasanya di kawasan-kawasan pembangunan yang dibenarkan untuk pembangunan ialah kita dapat melihat cara *clear filling* semua di mana dikatakan, "sapu bersih".

Ini sebenarnya adalah untuk pembangunan di mana hutan simpan-hutan simpan itu perlu dikekalkan untuk masa depan di situ, memang ada prosedur-prosedur yang tertentu di mana yang harus diamalkan oleh pembalak-pembalak di negara kita menggunakan prosedur tersebut dan di mana ia akan dipantau oleh pihak kerajaan negeri.

Memang semua kerajaan negeri di bawah pimpinan Barisan Nasional kita tidak ada banyak masalah tentang pembalakan, tetapi memang kita tahu bahawa perkara ini telah berleluasa di Kelantan dan Terengganu sebelum ini tetapi mungkin pada masa ini, saya harap di Terengganu tidak ada lagi, tetapi di Kelantan kita harap akan juga dapat mengamalkan dasar-dasar pembalakan yang sempurna.

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]:** Minta penjelasan Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Okey.

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman:** Yang Berhormat Timbalan Menteri tahukah bahawa Majlis Perhutanan Negara telah mengehadkan tebanan dalam kawasan hutan simpan, di Kelantan sebenarnya 6,885 hektar sahaja. Tetapi untuk tujuan pertanian di dalam tanah kerajaan tidak dihadkan. Pembalakan yang dikatakan

berleluasa itu di mana? Ini masalah yang bila Menteri menjawab, mesti tahu sedikit sebanyak mengenai peraturan-peraturan, walaupun hutan itu di bawah kerajaan negeri tetapi di pantau oleh Jabatan Perhutanan Negara.

Semua pegawai Jabatan Perhutanan Negeri ini ialah *concurrent government* iaitu pegawai Federal semuanya termasuk SFO, DFO *report* kepada Pengarah Perhutanan Negara. Terima kasih.

**Tuan S.G. Sothinathan:** Tuan Pengerusi, sebenarnya mereka laporkan kepada kita tetapi bidang kuasa di atas perkara tanah itu adalah di bawah kerajaan negeri. Kita boleh gunakan alasan untuk pembangunan pertanian ataupun perumahan ataupun projek-projek yang dikatakan kita boleh, tetapi selepas ia dibalak sama ada sebarang pembangunan yang telah wujud, itu adalah persoalannya.

Kita dapat lihat bahawa ada banyak pembangunan selepas itu, jadi janganlah kita gunakan alasan yang kita kata hendak buat untuk pertanian, lepas itu dibalak dan tidak ada apa-apa, di mana kita boleh bawa banyak pencerobohan ataupun kemudaratan kepada alam sekitar kita.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Boleh tak Yang Berhormat,... sebelum itu yang 6,685 hektar itu yang halal. Yang berleluasa, yang banyak itu tadi yang haram, sebenarnya Yang Berhormat, di Kelantanlah.

Tuan Pengerusi, saya sebenarnya dari tadi sudah bangun hendak tanya tentang pembakaran terbuka mayat. Saya tidak tahulah dalam *body* manusia ada plastik atau tidak. Pembakaran manusia (mayat) ini akan menghasilkan *dioxin* atau tidak. Tetapi yang pasti dia akan mengeluarkan suatu *unpleasant smell* dan ini berlaku di kawasan saya.

Saya minta supaya, adakah pihak kementerian mempunyai satu *guideline* tentang pembakaran mayat secara terbuka ini yang terletak dalam sesuatu *radius* yang terletak berdekatan dengan kawasan-kawasan perumahan. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan S.G. Sothinathan:** Tuan Pengerusi, sebenarnya kita tidak menentukan, cuma yang kita kawal ialah *crematorium* yang disediakan sahaja yang kita kawal. Yang lain itu tidak ada. Tetapi kalau kita lihat ada pembangunan yang sebenarnya mencerobohi kawasan-kawasan pembakaran mayat. Kalau perkara ini boleh diambil kira oleh pihak berkuasa tempatan dalam perancangan pembangunan, saya rasa

masalah ini dapat diatasi secara menyeluruh, tetapi ini adalah suatu perkara mengikut tiap-tiap agama. Perkara ini adalah suatu perkara yang sangat sensitif. Saya harap kita dapat bertolak ansur supaya suatu perancangan yang sempurna dapat dilakukan oleh pihak-pihak berkuasa dalam mengendalikan masalah ini.

Setakat itu sahajalah ulasan saya Tuan Pengerusi dalam perkara ini. Saya ucapkan kepada semua Ahli Yang Berhormat dan memang saya sekali lagi beri jaminan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, kita mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat khususnya yang telah pun memberikan begitu banyak minat, sokongan dan juga telah pun menyatakan betapa bimbangnyanya kita tentang alam sekitar ini. Dengan semangat tersebut maka kementerian baru ini akan terus berusaha untuk memperjuangkan segala hasrat dan juga keinginan Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah ialah bahawa wang sejumlah RM236,990,555 untuk Maksud B.23 di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM236,990,555 untuk Maksud B.23 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM929,775,049 untuk Maksud P.23 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2004 bagi tahun 2004 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM929,775,049 untuk Maksud P.23 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2004.



**Maksud B.26 [Jadual] –  
Maksud P.26 [Anggaran Pemb. (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan)  
2004]-**

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kepala Bekalan B.26 dan Kepala Pembangunan P.26 di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi terbuka untuk dibahas. Ada yang bangun. Ya, Tumpat.

**5.17 ptg.**

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil sedikit bahagian dalam perbahasan mengenai Maksud P.26 Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi khusus merujuk kepada Butiran 12001 – Pengembangan Bantuan Koperasi.

Tuan Pengerusi, sebagaimana yang kita maklum bidang koperasi ini adalah suatu bidang yang mana negara kita menceburkan diri di dalamnya buat masa yang begitu lama dahulu lagi. Oleh itu kita mempunyai pengalaman yang agak panjang dan mendalam dalam bidang koperasi ini. Tetapi malangnya sehingga ke hari ini kita dapat simpulkan bahawa kita tidak dan belum lagi melihat bukti-bukti yang jelas dan kukuh tentang koperasi-koperasi yang berjaya dalam apa-apa bidang perniagaan sekali pun. Kalau kita kaji sejarah aktiviti koperasi ini permulaannya ialah mengikut apa yang kita baca daripada negara Holand atau Netherlands yang mana ia bermula daripada usaha-usaha petani-petani, penternak-penternak lembu untuk susu dan daging yang oleh kerana sebab-sebab keadaan ketika itu perlu untuk bekerjasama dan berkoperasi di kalangan mereka, maka gerakan koperasi atau dengan izin, *cooperative movement* bermula lebih kurang 50 atau 60 tahun yang lalu saya rasa di Eropah itu.

Kita dengan kadar yang agak segera mengambil amalan itu untuk menjadikan sebahagian daripada amalan ekonomi kita. Tetapi sebagaimana yang saya sebutkan tadi ia tidak begitu berjaya dan malangnya sehingga ke hari ini tidak boleh kita ambil mana-mana satu koperasi pun sebagai satu contoh yang berjaya.

Seruan saya dan permintaan saya yang pertama oleh kerana bahagian pembangunan koperasi ini telah dicantumkan dengan Kementerian Pembangunan Usahawan dengan Menteri yang berkaliber dan saya fikir Timbalan Menteri juga begitu, maka saya harapkan bahawa kementerian ini dan Menteri yang baru bertanggungjawab dalam bidang koperasi ini mengambil tanggungjawab dan

menganggap bahawa satu matlamat penting untuk kementerian ini ialah untuk mewujudkan satu, dua, tiga misalnya contoh-contoh koperasi-koperasi yang benar-benar dapat diikuti oleh orang-orang yang berminat supaya badan koperasi-koperasi yang ada dalam negara kita boleh dijadikan contoh.

Yang ada sekarang ini koperasi-koperasi ialah di kalangan pegawai-pegawai kerajaan, guru-guru dan sebagainya yang mana kita semua tahu bahawa tujuan koperasi ini ialah untuk memberi kemudahan-kemudahan pinjaman kepada ahli-ahlinya dengan kadar yang mudah dan mungkin peranan kementerian yang menjaga koperasi dahulunya adalah condong kepada memberikan kelonggaran kepada koperasi-koperasi yang mana akhirnya tujuan mereka ialah atas nama koperasi untuk memperoleh pinjaman daripada kementerian dan bank-bank atas nama koperasi dengan mungkin kadar pembayaran balik yang rendah dan murah dan juga dengan kaedah itu menggalakkan orang-orang untuk menyertai badan-badan koperasi hanyalah dengan tujuan dan matlamat untuk mendapatkan pinjaman-pinjaman yang mudah sama ada untuk membeli kereta, untuk membeli atau membayar cagaran untuk rumah ataupun untuk membeli peralatan-peralatan rumah, *furniture*, dengan izin dan sebagainya.

Jadi, saya harap fahaman begini tentang koperasi dapat dikikis oleh pihak kementerian dan akhirnya biarlah orang-orang yang terlibat dalam koperasi ini benar-benar orang-orang yang berminat untuk menceburkan diri dalam bidang-bidang perniagaan yang tertentu dan akhirnya mereka boleh berjaya dalam perniagaan yang tertentu ini melalui koperasi-koperasi mereka masing-masing.

Tuan Pengerusi, salah satu koperasi yang boleh dianggap berjaya sedikit pada satu ketika ialah satu koperasi yang terkenal dengan nama Koperasi Usaha Bersatu (KUB), ada kejayaannya tidak dapat kita nafikan, mungkin kerana bantuan daripada pihak kerajaan tetapi ada kejayaannya.

Namun malangnya, apabila ianya agak berjaya, ianya tidak mahu lagi menjadi koperasi, ianya memilih untuk menjadi suatu *public listed company*, dengan izin, syarikat berdaftar atau syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham pada ketika itu Bursa Saham Kuala Lumpur, sekarang ini Bursa Malaysia. Dan apabila ianya disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur, malangnya ianya menjadi agak lebih besar untuk dipikul oleh pimpinan syarikat bursa yang baru itu.

Maka ianya mula membuat tindakan-tindakan tetapi dengan bantuan kerajaan sekali lagi memberikan saham-saham dalam bank-bank yang terkemuka, ianya memperoleh pendapatan yang banyak. Dan kemudiannya bank saham itu dijual dan koperasi atau syarikat baru KUB Berhad ini memperoleh keuntungan sekitar RM800 juta tetapi sebagaimana semua maklum, akhirnya yang RM800 juta dengan pelaburan-pelaburan yang tidak betul, yang membawa kerugian, saya fikir daripada RM800 juta tinggal lebih kurang RM200 juta sahaja. Seinggakan Pengerusi Eksekutifnya terpaksa melepaskan kedudukan taraf eksekutifnya menjadi Pengerusi biasa dan suatu kumpulan pentadbir, pengurusan yang baru dibawa masuk untuk membetulkan syarikat daripada koperasi menjadi syarikat berhad itu dan Pengerusi tersebut sampai sanggup untuk dicalonkan untuk menjadi Yang di-Pertua ataupun Speaker Dewan Undangan Negeri Kelantan, mujurlah dia tidak menang, kalau tidak Kelantan pula akan ditimpa malapetaka mengikut pengalaman yang beliau lalui itu...

**Beberapa Ahli:** [*Bising*]

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Jadi, yang saya hendak sentuhnya ialah jangan kita anggap koperasi itu kelas kedua dan kalau hendak naik kelas pertama kena jadi syarikat berhad. Anggaplah koperasi, dengan izin, *an end in itself*, dengan izin, as matlamat atau *target in itself*. Jadi janganlah ahli-ahli koperasi ada sikap kalau ada sikap bahawa kalau tidak jadi syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur, maka kita ini tidak hebat sebagai peniaga-peniaga.

Ada keyakinanlah terhadap koperasi-koperasi dan saya ingin menyeru kepada kementerian, untuk membangkitkan dan memberikan keyakinan tersebut kepada semua orang yang terlibat dalam koperasi supaya jangan berangan-angan untuk menjadi syarikat berhad dan kalau itu angan-angan mereka, pertamanya, pada prinsipnya mereka tidak mempunyai keyakinan sebenar pada institusi dan *cooperative movement* itu sendiri, dengan izin, dan keduanya, pengalaman yang kita lalui melalui KUB yang saya menjadi ahlinya, sebab itu saya sangat berminat tahu dan merasai kerugiannya terhadap diri saya sendiri...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Gulung Yang Berhormat.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Dan inilah seruan saya dan saya ucapkan terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**5.25 ptg.**

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Khamsiyah binti Yeop]:** Tuan Pengerusi terima kasih kepada Tumpat kerana mengambil bahagian untuk menyentuh butiran B.26 dalam koperasi dan saya kira pandangan Yang Berhormat agak baik dan akan kita jadikan panduan dan saya ucapkan terima kasih kerana Yang Berhormat benar-benar menunjukkan keikhlasan untuk melihat kejayaan koperasi dalam Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, kementerian akan melibatkan dengan semua pinjaman, koperasi yang akan dibawa ke kementerian akan dilibatkan cadangan semua program keusahawanan kementerian bagi menjadikan fungsi koperasi bukan untuk pinjam-meminjam seperti yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi, tetapi melibatkan perniagaan seperti francais, vendor dan lain-lain. Kementerian ....

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, ada yang bangun, Sri Gading.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tuan Pengerusi, saya minta maaflah Timbalan Menteri, macam mana tahu Tumpat itu ikhlas. Dia sedang menyindir KUB dan KUB itu sebuah syarikat yang ditubuhkan oleh UMNO. Yang Berhormat EXCO Wanita UMNO, kena faham lenggang-lenggok Tumpat ini. Dalam halus dia mengena. Jadi silap Yang Berhormat kata...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, cukup Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** Yang Berhormat, sehari dua ini cengih sangat...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup Jerai. Terus Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Khamsiyah binti Yeop:** Yang Berhormat, ada kala kita tengok, ada ikhlas, kita perlu kata ikhlas, itu pandangan maksud saya tetapi yang faktor menyindir UMNO itu lain pula.

Oleh itu kementerian akan memantau dan memberi khidmat bimbingan dari segi aspek keusahawanan dengan harapan pengurusan koperasi akan lebih mantap dan cekap. Insya-Allah koperasi akan kita gerakkan secara serius untuk melihat supaya koperasi kita lebih berjaya. Setakat ini untuk pengetahuan Ahli Yang

Berhormat, koperasi yang aktif adalah sebanyak 90.8%, koperasi yang tidak aktif ialah 6.5% dan yang domain ialah 4.3% sahaja.

Dengan ini pihak Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dan Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain boleh melibatkan atau memberi pandangan dalam kita membahaskan bajet di lain masa. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa sejumlah RM30,535,324 untuk Maksud B.26 di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM30,535,324 untuk Maksud B.26 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM6,746,400 untuk Maksud P.26 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2004 bagi tahun 2004 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM6,746,400 untuk Maksud P.26 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2004.

**Maksud B.29 [Jadual] -  
Maksud P.29 (Anggaran Pemb. (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan)  
2004] -**

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi. Kepala Bekalan B.29 dan Kepala Pembangunan P.29 di bawah Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi dikemukakan untuk dipersetujui dan dibuka untuk dibahaskan. Bentong.

**5.29 ptg.**

**Tuan Liow Tiong Lai [Bentong]:** Tuan Pengerusi, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk menyertai perbahasan Maksud B.29 Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi.

Saya ingin menyertai perbahasan berhubung dengan Butiran 03000 dan 04000 berhubung dengan perkhidmatan pembedungan dan juga perkhidmatan bekalan air.

Tuan Pengerusi, .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli Yang Berhormat bagi Bentong, boleh sambung esok.... *[Ketawa]* Dewan bersidang semula.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi esok.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.***